



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KEEMPAT

MESYUARAT PERTAMA

SHAH ALAM, 01 APRIL 2016 (JUMAAT)

Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Puan Halimaton Saadiyah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik, P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.
Setiausaha Bahagian Dewan

Puan Mariah Ecatherina binti Ahmad Dinar
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Mohd Redzuan bin Adam
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

Pelapor Perbahasan

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahir rahmannir rahim, Assamualaikum warrahmatuallahirwabaraktuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat pertama Penggal Ke-4 Dewan Negeri Selangor Yang Ke-13 pada hari yang kelima 1 April 2016 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Selamat pagi semua. Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB: Tuan Speaker, soalan No. 52.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PROGRAM 20 METER PADU AIR PERCUMA

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah perbelanjaan sehingga kini yang dikeluarkan oleh kerajaan bagi program pemberian 20 meter padu air percuma?
- b) Adakah terdapat bukti kemudahan ini telah disalah guna oleh pengguna?
- c) Apakah rancangan kerajaan bagi program ini untuk masa hadapan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Speaker dan Yang Berhormat Hulu Kelang. Sukacita saya memberikan sedikit maklum balas berhubung pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang berhubung Program Pemberian Air Percuma yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Kelang, program Pemberian Bekalan Air Percuma bagi 20 meter padu pertama dengan nilai sebanyak RM11.40 setiap bulan kepada pengguna domestik yang bermeter individu telah dilaksanakan pada 1 Jun 2008. Program adalah bertujuan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat khususnya kepada golongan yang berpendapatan rendah di Negeri Selangor. Bagi

penghuni rumah pangsa yang menggunakan meter pukal di bawah nama syarikat pengurusan Perbadanan Pengurusan Persatuan Penduduk atau pihak-pihak lain perlu melaksanakan Program Mikreasi bagi mendapatkan bil air secara terus dari SYABAS. Namun demikian, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Lapor dan Dapat mulai Jun 2010 bagi membolehkan penghuni rumah pangsa yang belum mempunyai meter individu dapat menikmati pemberian kemudahan air percuma ini. Semenjak dilaksanakan pada Jun 2008 sehingga 30 Disember 2015, program ini telah menelan belanja sebanyak RM112,919,698.38 atau RM1.1 bilion. Jumlah yang dibelanjakan untuk membiayai Program Air Percuma ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Kerajaan sememangnya sedar bahawa kos yang perlu dibelanjakan bagi membiayai program air percuma ini amatlah tinggi. Namun demi usaha untuk mengurangkan beban kos rakyat, kos sara hidup rakyat kerajaan akan memastikan agenda peduli rakyat seperti ini akan terus dijunjung.

Sepanjang program air percuma ini dilaksanakan, Kerajaan Negeri tidak ada menerima sebarang laporan mengenai penyalahgunaan kemudahan pemberian air percuma ini. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk meneruskan Program Pemberian Air Percuma ini bagi tahun 2016. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga ingin menyeru seluruh rakyat Negeri Selangor termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat supaya mengamalkan sikap berjimat cermat apabila menggunakan air. Statistik mendapati kadar penggunaan domestik adalah dianggarkan sebanyak 235 liter bagi setiap individu untuk setiap hari. Kadar penggunaan ini adalah sangat tinggi sekiranya dilihat secara perbandingan dengan kadar penggunaan di Singapura yang hanya menggunakan sebanyak 170 liter seorang sehari. Dan jika dibandingkan dengan piawaian yang dikeluarkan oleh WHO hanya 150 liter seorang sehari. Justeru itu sebagai usaha untuk memupuk sikap berjimat cermat dalam penggunaan air ini, Kerajaan Negeri telah pun melancarkan kempen-kempen Jom Jimat Air pada 27 Mac 2016 yang lalu. Kempen ini bermatlamat untuk menggalakkan penggunaan air secara berhemah dan mengelakkan pembaziran serta memupuk rasa tanggungjawab di kalangan pengguna untuk memastikan bekalan air yang berterusan, terima kasih.

Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Dato' Menteri Besar. Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk memindahkan sebahagian daripada peruntukan secara bertahap daripada orang yang tak perlu kategori yang tidak perlu daripada yang lebih perlu untuk melancarkan program-program basmi kemiskinan untuk orang susah?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya, terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang ini antara pandangan yang banyak kita terima. Beberapa tempoh yang lalu kerana kita

mahu program yang begini baik yang menelan kos yang begitu besar dapat dimanfaatkan oleh golongan yang benar-benar memerlukan bantuan dan dorongan kerajaan. Tetapi pada ketika ini kerajaan masih mengambil keputusan untuk meneruskan bagi tahun 2016. Namun setelah selesai penstrukturan industri perkhidmatan air yang juga menelan kos yang begitu tinggi maka amat wajar cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang itu diberikan perhatian serius supaya kos yang dikeluarkan ini dapat menepati kumpulan sasaran iaitu mereka yang berpendapatan rendah di kalangan rakyat di Negeri Selangor, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: No. 53.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B.. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan jumlah peruntukan MARRIS pada tahun 2015.
- b) Sila nyatakan pecahan perbelanjaan MARRIS mengikut PBT.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi Tuan Speaker. Terima kasih kepada Batang Kali yang bertanya mengenai peruntukan MARRIS. Berikut merupakan jumlah peruntukan MARRIS pada tahun 2015. Pihak Berkuasa Tempatan RM496,622,275.36, Pejabat Daerah / Tanah RM9,999,000.00, Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor RM162,253,858.06, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor RM2,000,000.00. Kesemuanya menjumlahkan pada RM670,875,133.42. Manakala pecahan perbelanjaan MARRIS tahun 2015 mengikut PBT adalah seperti berikut :-

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan	Perbelanjaan (RM)
1.	Majlis Bandar raya Shah Alam (MBSA)	79,919,886.62
2.	Majlis Bandar raya Petaling Jaya (MBPJ)	51,133,085.34
3.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	107,548,977.93
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	44,523,851.58
5.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	36,945,366.80
6.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	23,050,091.32
7.	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	38,578,287.97
8.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	21,772,124.63
9.	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	13,089,936.25
10.	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	14,932,731.81
11.	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	12,308,392.11
12.	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	22,741,079.58
	Jumlah Keseluruhan	466,543,811.93

TUAN SPEAKER:Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN:Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya No. 54.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd telah memohon kelulusan daripada PAAB terhadap Pelan Perniagaannya yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu CAPEX, OPEX dan tarif air. Apakah perkembangan terkini?

- b) Bagaimana tarif air akan diselaraskan sehingga tidak membebankan pengguna berpendapatan rendah?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku. Untuk makluman Yang Berhormat, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd adalah pemegang lesen di bawah Akta Perkhidmatan Air Negara. Selaku pemegang lesen air Selangor adalah tertakluk kepada syarat untuk mengemukakan pelan perniagaan kepada SPAN yang mengandungi maklumat seperti berikut. Yang pertama perancangan Air Selangor untuk memperbesarkan, menyelenggarakan, membaiki, meningkatkan, memperbaiki, membaiki pulih atau mengubah sistem bekalan air awam dan untuk membina sesuatu sistem bekalan air awam yang baru. Yang kedua perbelanjaan modal dan pengendalian yang dilakukan bagi mengusahakan aktiviti yang dinyatakan di dalam perkara yang pertama tadi. Dan ketiga apa-apa makluman yang dikehendaki atau dinyatakan oleh SPAN. Di bawah akta yang sama, Air Selangor mempunyai kewajipan untuk memastikan aktiviti yang dijalankan adalah tidak menyimpang daripada pelan perniagaan yang telah diluluskan oleh SPAN. Mengikut perjanjian utama yang ditandatangani bagi memuktamadkan semula penstrukturan industri air, Air Selangor juga turut memiliki obligasi untuk mengemukakan pelan perniagaan kepada SPAN dalam tempoh 1 bulan dari tarikh lesen perkhidmatan diberikan oleh SPAN. Pelan perniagaan yang disediakan oleh Air Selangor tersebut perlu mematuhi syarat-syarat terdahulu atau *condition precedent* dalam perjanjian utama berdasarkan prinsip berikut. Pertama perkhidmatan bekalan air yang disediakan secara holistik di bawah Air Selangor. Kedua harga tawaran untuk mengambil alih keseluruhan ekuiti di dalam syarikat konsesi dengan nilai awal sebanyak RM2 bilion. Ketiga perbelanjaan *CAPEX* untuk membaiki pulih, menaik taraf dan membangunkan infrastruktur air baru akan dilakukan melalui PAAB dan dipajakkan kepada Air Selangor untuk tempoh selama 45 tahun mengikut terma syarat pajakan. Dan yang keempat pelarasan kadar tarif air bagi memastikan unjuran kewangan yang mampan bagi Air Selangor.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri sedang meneliti dan memperhalusi setiap aspek di dalam pelan perniagaan yang disediakan oleh Air Selangor. Bagi memastikan Air Selangor mempunyai unjuran kewangan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan *CAPEX* dan *OPEX* demi menjamin perkhidmatan bekalan air yang terurus dan holistik berdasarkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban, efisien dan kos efektif di samping dapat meneruskan program air percuma kepada seluruh rakyat. Sehingga hari ini, Air Selangor belum mengemukakan pelan perniagaan kerana kita belum lagi mendapat lesen perkhidmatan seperti yang saya nyatakan tadi. Bagi perkara yang kedua berhubung tarif air yang akan diselaraskan. Untuk makluman Yang Berhormat Kampung Tunku, penstrukturan semula industri perkhidmatan air telah melibatkan kos pengambilalihan sebanyak RM9.5 bilion iaitu terdiri daripada RM2 bilion untuk nilai ekuiti dan RM7.5 bilion untuk nilai liabiliti yang sedia ada. Selepas proses pengambilalihan selesai perjanjian konsesi sedia ada akan ditamatkan dan perkhidmatan air akan beralih kepada modul industri yang

baru. Air Selangor akan menjadi operator tunggal yang akan menjalankan aktiviti rawatan dan agihan secara holistik dan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh SPAN.

Di bawah modul baru industri air ini, pembiayaan modal *CAPEX* untuk membaik pulih, menaik taraf dan membangunkan infrastruktur air akan dilakukan melalui PAAB, sebuah syarikat penuh milikan Menteri Kewangan. Peralihan kepada modul baru industri air ini antara lain melibatkan pemindahmilikan aset air oleh syarikat konsesi kepada PAAB dan sebagai balasan PAAB akan mengambil alih dan melangsaikan segala pinjaman dan hutang syarikat konsesi yang diambil alih oleh Air Selangor. Kemudian PAAB seterusnya akan memberikan pajakan atau hak penggunaan aset air tersebut kepada Air Selangor bagi tujuan menyediakan bekalan air kepada pengguna. PAAB akan mengenakan sewa bulanan bagi pajakan dan penggunaan aset air tersebut oleh Air Selangor mengikut kadar sewa dan tempoh pajakan yang akan ditetapkan kemudian. Dengan mengambil kira kos pembiayaan tahunan yang dianggarkan tidak kurang daripada RM160 juta ringgit setahun bagi program air percuma, Air Selangor juga perlu menampung kos seperti yang telah dinyatakan iaitu pengambilalihan sebanyak RM2 bilion untuk nilai ekuiti dan kos bagi perbelanjaan *CAPEX* dan juga *OPEX*. Namun saya memberi jaminan kepada Y.B. Kampung Tunku sebarang langkah untuk menetapkan kadar tarif akan mengambil kira bebanan yang ditanggung oleh rakyat terutamanya golongan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana demi menjamin perkhidmatan bekalan air yang terurus dan *holistic* di samping dapat meneruskan program air percuma kepada seluruh rakyat, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan 55 telah dijawab bersekali dengan soalan 21, Selat Kelang tidak hadir, Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan 57

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKON BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK: PROGRAM PENINGKATAN PENGHAYATAN ISLAM KAKITANGAN AWAM NEGERI SELANGOR

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program wajib yang diberikan kepada kakitangan Awam beragama Islam agar dapat meningkatkan penghayatan Islam mereka?
- b) Berapa bajet yang disediakan untuk melaksanakan program ini?

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Kota Anggerik, Kota Anggerik bertanya berkaitan program meningkat penghayatan Islam kakitangan Awam Negeri Selangor.

Program wajib yang diberikan kepada kakitangan Awam beragama Islam agar dapat meningkat penghayatan mereka ialah

- i. Program Pengukuhan Perkhidmatan Awam 1 kali setahun peserta kakitangan Awam semua Jabatan di Negeri Selangor
- ii. Wacana Minda lapan kali setahun peserta kakitangan awam semua Jabatan di Negeri Selangor
- iii. Wacana Khilafiah 1 kali setahun serta kakitangan Awam semua Jabatan di Negeri Selangor
- iv. Diskusi Wanita sekali setahun peserta kakitangan awam semua jabatan di Negeri Selangor
- v. Program Membudayakan Ilmu setiap minggu khususnya untuk kakitangan jabatan Agama Islam Selangor
- vi. Program Pemantapan Ilmu: *Tahsinul-Quran* 1 kali setahun peserta kakitangan awam semua jabatan di Negeri Selangor
- vii. Program Pemantapan Ilmu Sempurnakah Solat ku? 2 kali setahun peserta kakitangan awam semua di jabatan di Negeri Selangor

Bajet yang disediakan untuk melaksanakan program ini berjumlah RM103,600.00. Saya maklum bahawa program-program ini terlalu sedikit atau pun mungkin tidak memberikan kesan yang besar dan peruntukkan juga yang kecil pun begitu saya akan melihat bagaimana program-program yang memberikan impak secara langsung untuk penghayatan Islam kakitangan kepada kakitangan awam Negeri Selangor ini dapat dipertingkatkan dengan melihat peruntukan-peruntukan yang untuk tujuan tersebut.

Pada tahun ini menekan apabila di dalam Pembukaan Sidang Dewan yang lalu Titah Tuanku Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang mahukan segala dasar dan polisi Kerajaan Negeri akan dibuat berdasarkan kepada asas Syariah dan pada tahun ini kita mengambil inisiatif tersebut di dalam Program Karnival KampungKu KesayanganKu pada hari pertamanya hari Jumaat kita adakan himpunan Muakasih Syariah supaya harapan kita kakitangan awam juga akan mendapat mesej kefahaman tentang Muakasih Syariah bukan sahaja kepada Kerajaan Negeri yang akan menjadikan dasar-dasar itu dengan tujuan objektif, matlamat yang tertentu tetapi dia fahami juga oleh kakitangan awam supaya akhirnya setiap apa program ataupun perancangan polisi dasar yang diterangkan oleh Kerajaan Negeri ini dapat juga difahami oleh kakitangan awam yang menjadi agen pelaksana di dalam pembangunan di Negeri Selangor itu sendiri, terima kasih.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Y. B. soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Satu indikator mudah peningkatan penghayatan Islam ialah jumlah yang turun solat berjemaah di surau-surau khususnya di SUK. Saya sering kali ke Surau SUK saya dapati jumlahnya sangat sedikit jadi kenapa tidak ada program tarbiah dan dakwah yang berterusan berbanding program setahun sekali untuk memastikan bahawa peningkatan penghayatan itu dapat ditingkatkan.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih, di atas saranan itu khususnya disebutkan oleh Kota Anggerik tadi berkaitan dengan jumlah apabila ada kefahaman yang baik tetapi selama akhirnya antara yang kita lihat mungkin di bangunan SUK jumlah yang hadir untuk solat berjemaah dan saya ingat terutamanya di bangunan SUK ini kita telah mulakan walaupun mungkin kadang-kadang berlaku kadang-kadang tidak program hari Khamis kuliah yang kita jemput daripada penceramah-penceramah luar program-program sewaktu bulan Ramadhan kita juga mengadakan program kuliah sebelum waktu Zuhur dan *Insyah-Allah* perancangan kita pada tahun ini yang mana yang saya sebutkan di dalam soalan sebelum ini saya akan memastikan yang mana juga ini akan diadakan kuliah yang berkitab menggunakan kitab hadis ini yang *Insyah-Allah* akan disampaikan sendiri oleh Sahibus Samahah Timbalan Mufti Negeri Selangor pada setiap hari Khamis yang kita akan susunkan sekurang-kurangnya sebulan sekali, terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Paya Jaras

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Y.B. EXCO apakah ada pemantauan di kalangan kakitangan yang supaya tidak terlibat dengan kumpulan ekstremis (IS) ini.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Saya ingat semalam saya dah jawab sama ada di peringkat Jabatan Agama Islam Negeri Selangor melalui Bahagian R&D dan juga Bahagian Penguatkuasaan kita sentiasa melakukan pemantauan di samping juga kerjasama yang dilakukan dengan Kementerian Dalam Negeri secara langsungnya pemantauan-pemantauan ini dilakukan sepanjang masa dengan harapan supaya aktiviti-aktiviti militan ini dapat kita cegah daripada awal. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang

TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker, Y.B. EXCO adakah kerajaan ada rancangan apabila mengadakan kursus penghayatan Islam bagi kakitangan Awam ini menjemput turut serta Ahli Undangan Negeri yang beragama Islam atau pun bukan beragama Islam untuk hadir sama memahami dan mengikuti perkembangan.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Hulu Kelang, di atas cadangan tersebut kita akan lihat saya ingat mungkin bukan dalam kursus-kursus tersebut mungkin dalam satu waktu kita buat bulan untuk kefahaman supaya tidak ada persalah tafsiran atau pun persepsi-persepsi yang tidakbaik. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Morib

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya No. 58

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(MORIB)**

TAJUK: LEBUH RAYA SOUTH KLANG VALLEY EXPRESSWAY (SKVE)

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;-

- a) Keadaan jalan antara Telok Panglima Garang ke Saujana Putra di kedua-dua arah amat tidak selamat untuk pengguna lebuhraya, contoh permukaan jalan sangat tidak rata.
- b) Apakah perancangan Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor untuk mengatasi masalah tersebut?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker, terima kasih kepada Morib yang bertanya berkaitan Lebuhraya South Klang Valley Expressway (SKVE) yang mana lebuhraya ini adalah merupakan di bawah bidang kuasa Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan peringkat Kerajaan Negeri telah pun menghantar surat rasmi melalui JKR Selangor kepada LLM untuk mengambil tindakan di atas ketidaksempurnaannya lebuhraya ini.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang, kena guna *mic* Sungai Panjang

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Soalan No.59.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK: STADIUM SHAH ALAM

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaik taraf Stadium Shah Alam?
- b) Nyatakan secara terperinci jumlah pendapatan hasil sewaan Stadium Shah Alam pada tahun 2015.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih. Itu pentingnya Smart Selangor, Terima kasih Ahli Y.B. terutama Sungai Panjang bagi soalan yang pertama jawapan ialah ya, kerana pada tahun 2013 lagi setelah Jabatan Kerja Raya Negeri membuat pemeriksaan terhadap Stadium Shah Alam kita telah melaksanakan lebih daripada 4.49 juta telah dilaksanakan program-program naik taraf dan pembaikan pulih termasuk kerja-kerja naik taraf bilik persalinan, kerja naik taraf sistem siar raya, kerja naik taraf bumbung, kerja menaik taraf set, memasang CCTV atau pun kamera litar tertutup, dan pada waktu ini sebagai contoh kita telah dan menyiapkan pada kadar 90 peratus penggantian rumput padang di Stadium Shah Alam dan pada 29 Februari 2016 lulusan telah diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri dengan memperuntukkan peruntukkan sebanyak RM9.15 juta untuk menaik taraf perkara-perkara berikut:-

- i) Cadangan menaik taraf pintu utama VIP, Ruang Menunggu, Ruang Makan dan Ruang Menonton Di Raja dengan penggantian kerusi VVIP, Sponsor dan Wartawan;
- ii) Cadangan menaik taraf *Lux* Lampu Limpah daripada kadar 1200 kepada 2000 *Lux* dan ini sangat penting kerana tahun depan *Lux* lampu yang disyaratkan oleh Konsultan Bola Sepak Malaysia adalah pada kadar 1500 *Lux* dan *Lux* yang digunakan oleh *World Cup* adalah 4000 *Lux*. Jadi kita naikkan pada 2000 yang mana mungkin boleh digunakan di masa hadapan;
- iii) Kerja-kerja pembaikpulihan bumbung Stadium Shah Alam dan selain daripada itu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertarikh pada 20 Januari juga telah meluluskan satu cadangan itu membaik pulih dan menaik taraf pintu masuk penonton *Turnstile Gate* yang kita baru sahaja selesai lawatannya dengan jumlah kira-kira RM2 juta dan ini semua akan dilaksanakan secara berperingkat pada 2016 bermula April nanti iaitu selepas kita menyiapkan padang yang baru sahaja pada kadar 90 peratus lebih.

Bagi soalan b):

Mengikut daripada rekod yang dicatatkan di antara Januari hingga November, Stadium utama sewajarnya mendapat jumlah kutipan RM99,482.70 selepas dimasukkan dengan kadar GST dan kita telah berjaya mengutip sebanyak RM99,317.70 iaitu pada kadar 99.83peratus daripada sasaran, tempat letak kereta terutamanya untuk program dan *event* dan acara kita mensasarkan kutipan RM606,572.03 dan kutipan sehingga November 2015 ialah pada kadar ataupun kutipan RM598,759..05 iaitu pada kadar 98.71peratus. Terima kasih.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD: Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD: Bagaimana pula dengan, di *parking* Stadium Shah Alam penggunaan kepada *Go-Kart* paling tidak untuk sewaan-sewaan untuk perkara-perkara lain.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih, kadar parkir stadium Shah Alam ataupun tempat letak kereta itu termasuklah penggunaan Go Kart saya ini saya rasa yang diberikan secara purata atau pun secara keseluruhan oleh pihak Stadium daripada MBSA tapi kalau untuk mendapat kadar tersebut saya terpaksa menunggu daripada laporan bertulis yang boleh saya serahkan pada Y.B. nanti. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya sering dapat *complaint* daripada pengunjung di stadium waktu pertandingan sumber air di tandas dan tandasnya agak uzur dapat senaraikan dalam penambah baikkan.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Ahli Y.B.*Insyah-Allah* ini juga rungutan-rungutan yang kita perolehi saya akan lihat saya rasa untuk menaik taraf tandas tidak lah begitu banyak kosnya mungkin untuk pastikan paip air dan *pumpnya* dapat dilaksanakan tetapi juga kita terpaksa berdepan dengan vandalisme ataupun vandalisme yang kebanyakannya kita terpaksa tanggung kos pula yang besar disebabkan kerosakan paip ini, *Insyah-Allah* kita akan masukkan daripada senarai yang lain termasuk saya percaya bila kita akan laksanakan kerja-kerja seperti naik taraf tandas VIP ini kita juga akan boleh naik taraf tandas-tandas untuk kemudahan *public* dan awam dan kita pernah juga laksanakan perubahan yang tidak termasuk dalam senarai sebagai contoh ketika bulan Ramadhan lepas kita telah naik taraf surau dengan keadaan yang lebih selesa kita dan Alhamdulillah pada hari ini kita dapat menampung jemaah yang lebih ramai dan lebih selesa pada setiap perlawanan bila masuk solat. Terima Kasih.

TUAN SPEAKER: Gombak Setia

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Terima kasih Tuan Speaker, Soalan No.60.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK: BENCANA ALAM

60. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kejadian kebakaran hutan di Batu Caves termasuk dalam kategori bencana?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:Terima kasih Gombak Setia Tuan Speaker, untuk makluman Y.B. kejadian kebakaran hutan dan belukar di Batu Caves telah dikategorikan sebagai bencana memandangkan lokasi kejadian tersebut adalah berhampiran dengan kawasan penempatan awam. Dan juga Bukit Batu Caves adalah tapak warisan Negara bagi memastikan keselamatan dan kepentingan penduduk operasi bersepadu untuk memadamkan apa kebakaran tersebut telah dijalankan dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Gombak sebagai penyelar, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebagai Komander, Majlis Perbandaran Selayang sebagai Keselamatan Trafik, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia daripada segi Keanggotaan atau pun Sumber Manusia dan unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor juga dengan membekal anggota atau pun *Human Resource* dengan izin dan juga pemantauan udara melalui UAV atau pun *Drone*. Kos operasi pemadaman kebakaran hutan adalah ditanggung oleh peruntukan sedia ada oleh Jabatan-jabatan dan Agensi yang terlibat. Walau bagaimanapun bantuan makanan dan logistik adalah dibantu oleh Pejabat Daerah dan Tanah Gombak melalui tabung bencana Pejabat Daerah dan Tanah Gombak yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri melalui Tabung Bencana Khas Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan No. 61

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : NYAMUK AEDES & KESIHATAN AWAM

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan dan strategi Kerajaan Negeri untuk menangani penyakit denggi dan zika yang dibawa oleh nyamuk aedes?
- b) Apakah peruntukan kewangan Kerajaan Negeri untuk tahun 2016 untuk tujuan ini, berbanding tahun 2015?
- c) Adakah PBT memberi kerjasama yang diperlukan?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Bukit Gasing. Tuan Speaker, saya akan menjawab soalan Bukit Gasing iaitu tentang denggi bersekali soalan dari Hulu Bernam No. 65. Bukit Gasing bertanya tentang strategi Kerajaan Negeri dalam menangani penyakit demam denggi dan zika yang dibawa oleh nyamuk aedes. Oleh sebab wabak zika dibawa oleh vektor yang sama iaitu nyamuk aedes maka segala aktiviti kawalan wabak zika dan juga demam denggi adalah mengguna pakai strategi yang sama sebagaimana menangani wabak denggi. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa komited dan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi menghapuskan dan mengurangkan kes demam denggi di negeri ini. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa bersama dan mengambil tindakan secara proaktif sebagai langkah pencegahan selaras dengan pelan strategik pencegahan dan kawalan denggi KKM 2009 hingga 2013 dan hala tuju baru untuk kawalan denggi 2014 serta pendekatan ekosistem 2015 yang diperkenalkan oleh KKM. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor juga telah pun melaksanakan pelan tindakan denggi yang mana ia telah diluluskan dalam Mesyuarat MMKN Ke-41 2014 yang lepas yang mana pelan tindakan denggi ini mempunyai pelbagai langkah yang telah dan sedang dilaksanakan bagi menangani masalah denggi. Kerajaan Negeri Selangor mempunyai dasar dalam menangani kes denggi dengan fokus kepada aktiviti pencegahan dan peningkatan advokasi kesedaran *public*. Ia terdiri daripada aktiviti-aktiviti :

1. Tempat pemeriksaan tempat pembiakan nyamuk aedes.
2. Pemusnahan tempat pembiakan nyamuk aedes melalui semburan kabus *thermal*, semburan kabus *ULV* dan membunuh jentik-jentik iaitu *larva siding*.
3. Meningkatkan kesedaran awam dengan memberikan taklimat kesihatan di tadika, sekolah, IPT, Jabatan Kerajaan, industri dan juga Persatuan Penduduk.

4. Memperkukuhkan *maintenance culture* supaya masyarakat sentiasa peka terhadap persekitaran sekeliling agar sentiasa bersih dan bebas daripada tempat pembiakan nyamuk aedes.
5. Menitikberatkan mengenai kebersihan alam sekitar.
6. Penguatkuasaan yang konsisten.

Untuk soalan (b) peruntukan kewangan Kerajaan Negeri untuk tahun 2016. Bagi tahun 2015, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1.015 juta, RM1,015,590.00 kepada Pihak Berkuasa Tempatan negeri Selangor untuk melaksanakan aktiviti pencegahan, kawalan, membeli keperluan racun, peralatan, melaksanakan aktiviti kesedaran awam serta menjalankan aktiviti gotong-royong bersama penduduk setempat. Untuk 2016 pula, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta bagi menjalankan aktiviti pencegahan, kawalan dan kesedaran awam. Peruntukan ini tidak termasuk jumlah kewangan yang diperuntukkan oleh pihak PBT sendiri. Berikut adalah jumlah peruntukan yang disediakan oleh PBT pada tahun 2015 dan 2016. Bagi saya sebutkan keseluruhan daripada kedua belas-kedua belas PBT. Peruntukan untuk 2015 adalah sejumlah RM6,100,379.00 manakala peruntukan untuk 2016 adalah sejumlah RM6,164,510.00. Untuk (c) menjawab soalan (c), pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan Pejabat Kesihatan Daerah adalah pihak yang menerajui usaha memerangi denggi namun pihak PBT sentiasa bekerjasama dan memberikan kerjasama yang erat dalam, bersama dengan pihak PKD dalam menjalankan kerja-kerja pemusnahan denggi di daerah masing-masing. Pihak PBT juga memberikan komitmen sepenuhnya dalam setiap program dan juga aktiviti denggi serta kesihatan yang dijalankan di seluruh Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK : DENGGI

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan langkah agresif bagi membendung penularan denggi yang kini semakin membimbangkan di Selangor.
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi meningkatkan kesedaran rakyat Selangor berkenaan bahaya denggi pada tahun 2015.

Untuk soalan (b) dari Hulu Bernam. Hulu Bernam bertanya tentang jumlah perbelanjaan bagi meningkatkan kesedaran rakyat Selangor berkenaan bahaya

demam denggi iaitu tentang program-program pendidikan. Program kesedaran rakyat berkenaan bahaya denggi melalui program-program pendidikan di sekolah, kawasan perumahan, komuniti dan Rumah Ibadat, maka risalah denggi juga akan diedarkan dan pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM70,000.00 kepada 9 buah PBT di Selangor. Dan 3 PBT akan diberikan peruntukan yang sama. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM20,000.00 akan digunakan bagi program promosi dan pendidikan denggi termasuk penerbitan risalah denggi dan kempen kesedaran. Pihak PBT memperuntukkan sebahagian daripada perbelanjaan bagi menjalankan program promosi dan pendidikan denggi iaitu sebanyak RM551,881.00 untuk keseluruhan 12 PBT di Selangor. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Apa yang saya perhatikan daripada jawapan, strategi tahun ini lebih kurang sama seperti strategi tahun lepas. Perbelanjaan tahun ini naik sebanyak RM500,000.00 berbanding tahun lepas. Tetapi kita lihat bilangan kes masih tidak menurun. Bilangan kes keseluruhan masih cukup tinggi dan negeri Selangor mempunyai angka kes denggi terbesar, jadi kenapa tidak ada pendekatan baru? Memandangkan pendekatan tahun lepas tidak berapa berjaya.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Bukit Gasing. Sebenarnya, untuk tahun ini kita telah pun menyediakan satu pelan tindakan strategi 'Sifar Pemiakan Aedes' yang mana ia telah dibengkelkan pada 27 dan 29 Julai yang lepas untuk membincangkan cara terbaik menangani isu denggi di negeri Selangor. Ini ialah penambahbaikan terhadap pelan tindakan denggi 2014. Bengkel ini dihadiri oleh 12 PBT di seluruh negeri Selangor, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Pejabat-pejabat Kesihatan Daerah serta pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan di sinilah mereka memberikan input-input tentang apakah tambahan pelaksanaan yang kita patut laksanakan untuk 2016 ini. Hasil dari bengkel tersebut, beberapa program pencegahan, pendidikan, tindakan penguatkuasaan dan program serta inovasi.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Yang Berhormat.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Baru yang akan kita laksanakan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Tolong jawablah, apakah perbezaan? Tahu pelan tindakan. Ada pelan tindakan tapi apa komponen pelan tindakan yang berbeza?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Ok, saya bacakan dahulu ya, tentang pelan tindakan yang kita akan laksanakan. Antaranya adalah pihak Kerajaan Negeri akandi bawah program pencegahan pihak Kerajaan Negeri akan melaksanakan pelan..pelan tindakan terhadap..tapak bina sifar aedes yang mana kita akan melaksanakan satu majlis pelancaran ya, dan kita memanggil para pemaju yang mempunyai tapak bina untuk kita melaksanakan satu taklimat kepada para pemaju dan juga berserta dengan PCO agar tapak bina ini bebas aedes. Kerana apa yang kita lihat, tapak bina yang ada banyak kita temui tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes. Jadi ini antara salah satu daripada pelan tindakan pencegahan untuk melaksanakan...sifar pembiakan aedes. Dan ia, kita telah pun bukukan, *Insyah-Allah* kita akan laksanakan. Selain daripada tapak bina sifar aedes, ya, kita juga akan melaksanakan pencegahan di kawasan perumahan bertingkat yang mana kita akan melaksanakan juga taklimat serta pelancaran dan penubuhan skuad denggi di kalangan JMB dan MC di kawasan-kawasan tersebut bersama dengan LPHS. Kita juga akan menggalakkan supaya sekolah sifar aedes juga dilaksanakan dan juga di situ kita akan memberikan taklimat kepada tukang kebun, sekolah kerana di sekolah-sekolah ini anak murid, mungkin mereka kita boleh berikan taklimat tetapi tukang kebun ini yang mana mereka perlu tahu di manakah tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes ini. Di satu majlis taklimat untuk tukang kebun sekolah juga kita akan berikan. Juga Rumah Ibadat sifar aedes, taman dan padang permainan sifar aedes dan juga melaksanakan kawalan secara biologi. Selain daripada itu, program promosi dan pendidikan kesihatan ya, melalui *bunting*, *banner* dan *billboard* juga kempen-kempen kesedaran, seterusnya tindakan penguatkuasaan dan undang-undang. Dan juga program-program inovasi baru.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:Yang Berhormat, apa yang disebutkan tadi mungkin kecuali..tukang kebun lah. Itu mungkin perkara yang tak pernah didengar lagi sebelum ini. *But the rest of it is*, benda yang sama seperti tapak pembinaan. Selama ini, 5 tahun yang lepas, memang kita..

TUAN SPEAKER: Soalannya.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:Memeriksa tapak pembinaan jadi adakah bilangan penguat kuasa ini akan meningkat kalau tidak meningkat, sama saja seperti lepas. Tidak ada penukaran dalam strategi, tidak boleh dapat penukaran dalam hasil.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:Terima kasih Bukit Gasing. Untuk tapak bina, kita..selain daripada penguatkuasaan kita juga mahu memberikan kesedaran kepada pihak pemaju yang mana ketika ini mungkin mereka menggunakan PCO yang mereka lantik sendiri tetapi kali ini kita akan memastikan pihak pemaju melantik PCO yang berlesen agar aktiviti pencegahan ataupun kawalan dapat dilaksanakan dengan benar-benar berjaya di tapak bina tersebut.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Soalan tambahan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Jadi, ini juga antara bagaimana kita mahu supaya penglibatan daripada pihak pemaju memahami bagaimana untuk membanteras denggi ini di tempat mereka.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Soalan tambahan.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Speaker. Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Selat Klang dulu.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Soalan tambahan. Ini agak *out of the box* lah ya. Soalan saya kepada kerajaan ialah, adakah kerajaan bersedia mahu menyediakan peruntukan khas sekiranya ada inisiatif *bottom up* kalau, yang disebutkan oleh EXCO tadi adalah *top down*. *Bottom up, initiative collective* penduduk itu sendiri, tempatan itu sendiri dengan *guidance* unit kesihatan PBT dan Pejabat Kesihatan Klang, Pejabat Kesihatan dengan mengadakan apa yang disebutkan pendidikan lah, gotong-royong lah, apa ni.. *Combi* dan sebagainya daripada penduduk itu sendiri. Adakah kerajaan sanggup memberikan insentif, peruntukan khas supaya ia berjaya?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Selat Kelang. Kita mengalu-alukan penglibatan penduduk. Memang kita sangat mengalu-alukan supaya kesedaran daripada penduduk dapat kita gembelingkan bersama dengan segala aktiviti-aktiviti yang kita telah laksanakan melalui aktiviti-aktiviti kawalan pencegahan ini. Jadi, saya bersetuju..

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Ya, ya

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Untuk kita melibatkan dan juga mana-mana mungkin kita sebut sebagai *Combi*. Satu jawatankuasa yang ..

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Puan Speaker, lebih daripada *Combi*, *Combi* adalah biasa, ini adalah luar daripada biasa. Lebih daripada *Combi*

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Herrmm..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Mohon. Speaker

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Saya jawab dulu Selat Klang

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ramai yang bertanya

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Untuk ...

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya nak bantu dia sahaja. Saya nak bagi..

TUAN SPEAKER: Nak bantu jawab?

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARA A/L ARULANANDAM: Saya nak tanya dia satu soalan yang dia boleh jawab. Ada skim untuk bagi ADUN-ADUN RM10,000 untuk setiap ADUN untuk mengatasi masalah denggi di kawasan, adakan skim itu akan dilanjutkan terus menerus di dalam negeri Selangor, itu sahaja yang saya nak...

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Okay, terima kasih Seri Andalas. Apa yang disebutkan oleh Selat Klang ia bahawa insentif untuk penduduk jadi pihak Kerajaan Negeri telah pun menyalur *up*, akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM10,000 kepada ADUN-ADUN untuk melaksanakan program pencegahan dan juga pencegahan denggi ini di kawasan masing-masing jadi boleh menggunakan peruntukan tersebut. Terima kasih.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BT ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang. Nanti kita ada penyata denggi boleh bahas lagi. Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BT ISMAIL: Terima kasih, Tuan Speaker, soalan no. 62.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(SERI SERDANG)**

TAJUK: KEKERAPAN JADUAL SISTEM PEMBERSIHAN TERHADAP TASIK-TASIK YANG TELAH DIKENALI SEBAGAI TAMAN REKREASI

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah kekerapan jadual sistem pembersihan terhadap tasik-tasik yang telah dikenali sebagai taman rekreasi?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Seri Serdang. Jumlah tasik yang dikenali sebagai Taman Rekreasi di seluruh PBT Negeri Selangor adalah sebanyak 37 buah tasik. Kerja-kerja pembersihan dalam tasik tidak mempunyai jadual yang khusus. Namun kerja-kerja pembersihan awam seperti kerja membersihkan sampah di kawasan lapang sapuan jalan di laluan pejalan kaki dilakukan setiap hari manakala kerja-kerja pemotongan rumput dan

penyelenggaraan pokok dilakukan sebanyak dua kali sebulan bergantung kepada kemampuan PBT masing-masing. Dan saya juga akan bagi jawapan lisan secara tentang beberapa tasik-tasik di setiap PBT kepada Yang Hormat nanti, sekian.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BT ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BT ISMAIL: Adakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memperuntukkan untuk pembersihan tasik rekreasi secara berkala?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Seri Serdang. Tanggungjawab untuk membersihkan Tasik Rekreasi ini adalah dibawa PBT. PBT mereka merasa kemampuan, mereka boleh melakukan sendiri kalau memang perlukan bantuan daripada kerajaan ini Kerajaan Negeri PBT sentiasa boleh mengemukakan cadangan ini kepada kerajaan.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BT BOHAN: Boleh ya? Okay, Y.B. EXCO tadi saya dengar Y.B. EXCO kata kalau PBT rasa nak buat penyelaras *we need a respective answer* kalau tanggungjawab itu diberi kepada PBT so maknanya PBT lah yang bertanggungjawab untuk memastikan pembersihan tasik-tasik ini dilakukan, tapi jawapan you tadi itu tidak spesifik, rasa *cannot be*, mana bolehlah rasa-rasa, kalau itu tanggungjawab PBT *is* PBTlah.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Yang Berhormat ini memang di bawah tanggungjawab PBT, kalau PBT tidak kemampuan dia boleh meminta peruntukan daripada kerajaan, itu yang saya maksudkan ahokay?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan tambahan.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BT ISMAIL: Tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang

Y.B. PUAN NOOR HANIM BT ISMAIL: Ahokay, pihak kerajaan sebenarnya di Seri Serdang ada 3 buah tasik rekreasi yang cukup besar dan cantik sebelum ini tetapi bila musim panas ini tasik tercemar yang begitu tidak baik pemandangannya dan para pelancong juga ramai di sana banyak efektifnya. Dan Seri Serdang ingin mengesyorkan agar peruntukan ini ditetapkan bukan macam

TUAN SPEAKER: Soalan Seri Serdang?

Y.B. PUAN NOOR HANIM BT ISMAIL: Soalnya kena adakan bukan rasa-rasa, itu soalnya. Supaya pihak kerajaan mengadakan peruntukan kepada PBT yang berkenaan di mana tasik-tasik yang tercemar ini.

TUAN SPEAKER: Saya rasa Seri Kembangan dah jawab tadi tak payah jawab. Soalan 63 telah dijawab bersekali dengan soalan 5. Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ: Tuan Speaker soalan 64.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK: TANAH MILIK KERAJAAN PERSEKUTUAN

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci keluasan terkini tanah milik Kerajaan Persekutuan di Negeri Selangor mengikut Daerah?
- b) Nyatakan jumlah cukai yang harus dibayar kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2015?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Terima kasih Yang Berhormat Semenyih yang ingin mendapatkan penjelasan berhubung keluasan terkini tanah milik Kerajaan Persekutuandi Negeri Selangor dan jumlah cukai yang harus dibayar. Oleh kerana Yang Berhormat memohon jumlah keluasan terkini tanah milik Kerajaan Persekutuan di negeri Selangor mengikut daerah, yang mengikut kebiasaannya sekiranya mana-mana Yang Berhormat memerlukan perincian yang seperti ini harus ditanya secara bertulis tetapi tak mengapa saya ingin memberikan secara jumlah keluasan terperinci tanah milik Kerajaan Persekutuan di Negeri Selangor di sembilan daerah adalah seluas 52,787.24 hektar yang melibatkan 1,566 hak milik dan mengikut daerah saya akan serahkan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Jumlah cukai yang perlu dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2015 bagi sembilan daerah yang berkenaan ikut keluasan tanah dan juga jumlah hak milik yang telah saya nyatakan tadi berjumlah RM16,114,578.18. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Terima kasih Tuan Speaker, Y.A.B. Dato' Menteri Besar saya ingin penjelasan daripada Dato' Menteri Besar mengenai soal tanah yang diberikan kepada Persekutuan ini. Ada tuduhan daripada pihak Pembangkang khususnya yang mengatakan bahawa kita mengenakan bayaran yang tinggi, terhadap premium, terhadap tanah Persekutuan yang digunakan oleh kemudahan

infrastruktur seperti di Setia Alam kononnya balai bomba dan sebagainya. Adakah itu benar sila beri penjelasan yang terperinci?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Yang Berhormat Sekinchan, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan ini adalah bahagian daripada Perbahasan yang telah dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang dan saya telah menyediakan satu jawapan yang cukup kuat dan kukuh dan saya akan bantahkan sebenar lagi dalam penggolongan di mana saya akan mendedahkan dalam penggolongan pada hari ini saya akan mendedahkan beberapa penyelewengan yang telah dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional dan juga daripada bebas tentang fakta-fakta yang telah diputar belitkan dalam Dewan, saya akan bantahkan pada Dewan petang ini. Namun untuk respons kepada Sekinchan apa yang berlaku sebelum ini ialah tanah-tanah yang diberikan untuk PPT tujuan-tujuan tertentu bagi kepentingan awam seperti di tapak Sekolah, Hospital dan Balai Polis telah disalah gunakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk tujuan yang lain. Sebab itu apabila saya diberikan tanggungjawab ini pada tahun 2014 saya telah mengenakan syarat nyata tanah dan sekatan kepentingan ke atas tanah-tanah yang diluluskan pemberi milikan kepada Kerajaan Persekutuan supaya tidak berlaku penyelewengan. Sebagai contoh tanah Kerajaan Negeri di mukim Bukit Raja Petaling yang telah dibuat pengambilan bagi tujuan tapak kem Markas 9th Bridgade Squadron Semboyan. Kita serahkan kepada PBT jika keselamatan negara Kerajaan Persekutuan telah jual kepada Jendera Khidmat pada 2 Ogos 2013. Satu lagi contoh tanah di Seksyen 7 Shah Alam yang kita beri milik kepada PTP untuk Ibu pejabat Polis dan perumahan bagi Kementerian Dalam Negeri dengan premium yang rendah iaitu RM5 juta. Tanah itu pun diberi milik kepada PKNS tapi bagi kepentingan awam KDN maka kita buat pengambilan, kita bayar pada harga semasa RM5 juta dan diberikan kepada Kementerian Dalam Negeri pada tahun 2015 baru-baru ini 5 November rupanya mereka telah memindah milik tanah ke sebuah Syarikat dengan harga RM40 juta. Oleh kerana perkara-perkara ini berterusan selama hari ini maka kita mengambil keputusan yang tegas supaya dikenakan kepentingan sekatan kepentingan dan syarat harga tanah bagi memastikan tanah yang diberi milik ini mengikut tujuan asal bagi kepentingan awam.

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Speaker, dasarkan penyelewengan atau pun salah guna syarat tanah yang telah diberikan kepada pihak Persekutuan adakah Kerajaan Negeri membuat laporan kepada SPRM terhadap perbuatan tersebut?.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Untuk maklumat Yang Berhormat Taman Medan oleh kerana amalan sebelum ini apabila kita memberikan dan meluluskan pemberi

milikan kepada PPT tidak dinyatakan sekatan kepentingan atas tanah tersebut, maka dari segi perundangan sudah tentulah mereka mempunyai kuasa untuk memindahkan milik yang berkenaan tetapi dari segi moral tidak memberi milikan tanah itu untuk kepentingan rakyat sama ada Hospital, Sekolah, Balai Polis, mengapa di jadikan satu urusan komersial dan mendapat keuntungan. Sebab itulah kita mengambil tindakan yang lebih tegak supaya perkara ini tidak akan berulang pada masa akan datang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih YAB Menteri Besar, tadi dah cerita beberapa perkara. Saya cuma nak tanya sama ada apakah Kerajaan Negeri tidak membuat halangan sesuatu pindaan hak milik dibuat memandangkan ada sekatan-sekatan itu dan awal di buat supaya tidak berlaku pemindahan tersebut. Jadi apakah usaha Kerajaan Negeri atas perkara itu?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya, amalan seperti itu berlaku sebelum ini sebab itu saya kata semenjak saya diberikan amanah ini kita telah mengenakan

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya minta sebelum itu bila, boleh berikan tarikh tak apa biar Dewan tahu tak ada masalah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tarikh spesifik saya tidak adalah tetapi apa yang saya nyatakan dari segi dasar mulai tahun 2015 ini kita mahu semua pemberi milikan tanah kepada PTP mesti mempunyai sekatan kepentingan dan sekiranya ada cadangan untuk memindahmilik mesti mendapat kelulusan kuat kuasa terlebih dahulu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas. Soalan 65 telah dijawab bersekali dengan soalan 61. Seri Andalas soalan seterusnya.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARAN A/L ARULAMANDAM: Soalan 66.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : PEMBAYARAN FAEDAH SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima faedah Skim Mesra Usia Emas (SMUE) bagi seluruh Negeri Selangor dalam tahun 2015?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Terima kasih Seri Andalas, Tuan Speaker, skim mesra usia emas merupakan antara program merakyatkan ekonomi Selangor yang paling awal diwujudkan pada 2008. Ia bertujuan untuk menjaga kebajikan warga emas dan OKU apabila ahli yang berdaftar meninggal dunia tanpa mengira jantina kaum agama, politik, status ekonomi dan tahap sosial. Proses pembayaran pula akan melibatkan 2 fasal iaitu bayaran fasal pertama bernilai RM1,000 dan akan dibuat di peringkat DUN dan bayaran fasal kedua nilai RM1,500 dilaksanakan di peringkat Pejabat Daerah. Bayaran fasal kedua pula akan dibuat dalam tempoh dua bulan selepas bayaran fasal pertama diselesaikan. Untuk tahun 2015 seramai 10,732 orang telah menerima fasal pertama sementara 10,409 orang pula telah menerima bayaran fasal kedua. Jumlah bayaran keseluruhan untuk tahun 2015 adalah sejumlah RM26,345,500.00.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARAN A/L ARULANANDAM: Terima kasih kepada EXCO. Bolehkah EXCO beri kepada kita dalam tulis jawapan kepecahan kaum di dalam tiap-tiap DUN dan sebagainya sebab ini penting untuk kita meningkatkan pendaftaran dan kaum di dalam kawasan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Terima kasih Andalas, pecahan kaum saya tidak ada dibekalkan dan saya akan berikan jawapan ini kepada Andalas secara bertulis.

TUAN SPEAKER: Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Adakah pemberian-pemberian skim ini telah diaudit dengan teliti sebab ada khabar angin telah diselewengkan di separuh tempat.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Terima kasih Ijok, tentang pengauditan untuk SMUE beberapa DUN yang mendapat maklumat mungkin ada penyelewengan telah pun dilaksanakan audit oleh pihak Kerajaan Negeri dan buat masa ini tiada masalah yang berlaku hanya lah semua okay.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan tambahan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak bertanya pada... mengenai fasa 1. RM1,000.00 yang diberi melalui Pejabat DUN ini sama ada bentuknya? Sama ada duit didahulukan oleh Pejabat DUN, saya tak faham. Apa maksudnya?

Macam mana RM1,000.00 ni? Saya nampak fasa kedua boleh dituntut di Pejabat Daerah

Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI: Kalau Permatang *join* sebelah sini kita dapat bagi tahudetail. Yang Berhormat bukan EXCO. Nak jadi EXCO lagi?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak minta Menteri Besar bagi EXCO. Kesian dia. Soalan dia, fasa 2 tuntutan kat Pejabat Daerah. Yang pertama macam mana boleh tuntutan kat Pejabat DUN? Pejabat DUN ni apakah agensi Kerajaan Negeri lantik atau mereka dahulukan duit mereka sendiri? Ni saya nak minta penjelasan sebab ada kes saya dimaklumkan, ada dua tiga orang bertemu saya dia kata hanya dapat RM1,000.00. Yang RM1,500.00 ni sampai dah setahun lebih pun tak terima. Jadi, kalau nak selaraskan lebih baik jadikanlah Pejabat Daerah tu sebagai agensi untuk ambil kesemua duit RM2,500.00 tak ada melalui Pejabat DUN yang menimbulkan macam-macam fitnah dan sebagainya.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Permatang. Para ADUN-ADUN kita sangat telus dalam melaksanakan dan juga penyerahan apa...Skim Mesra Usia Emas ini kepada para waris-waris dan setiap DUN dibekalkan ataupun diberi kad untuk mereka mengeluarkan duit SMUE ini dan semua dokumen-dokumen penyerahan kewangan ini dalam bentuk *cash* kepada para penerima atau waris akan segala dokumen akan direkodkan dan akan diserahkan kepada Pejabat Daerah dan ianya akan direkodkan dan apabila Pejabat Daerah mendapat rekod tersebut maka tambahan kewangan akan dimasukkan semula ke dalam akaun DUN untuk program yang seterusnya pemberian kepada keluarga waris yang seterusnya. Jadi, ia adalah satu proses yang telus yang mana saya kira tiada masalah di situ kerana selama ini para ADUN telah melaksanakan dan memang tiada apa-apa masalah yang berlaku tentang pengurusan kewangan tersebut. Dan kita memberikan duit *cash* kepada rakyat sebab sebanyak RM1,000.00 tambah RM1,500.00 supaya rakyat merasa sendiri duit daripada Kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Saya bagi peluang kepada Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya sama ada untuk SMUE ini kerajaan ada cadangan yang baru supaya skim ini diubah bahawa nikmatnya dirasai oleh golongan usia emas tu semasa mereka masih ada sebab ini sebenarnya adalah nikmat selepas mereka meninggal dunia. Jadi, ada tak kita buat nikmat untuk dia? Maksud saya ada tak akan dikaji kita buat satu skim supaya dia sebenarnya memberi manfaat kepada golongan usia emas ini?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Rawang. Ya, sebenarnya kita sedang dalam proses untuk memberikan insentif yang lain dalam lingkungan

RM2,500.00 ini kita akan gunakan untuk diberikan ataupun dimanfaatkan oleh warga emas ini sewaktu mereka masih hidup. Tetapi ia masih dalam rangka dan belum ada keputusan muktamad ke arah itu. Tapi memang kita mengambil maklum dan mengambil perhatian tentang perkara ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Bharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih Puan Speaker. Soalan 67.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan projek Rumah Selangorku yang telah siap dibina secara terperinci seperti jumlah unit, unit yang belum dijual dan sebagainya.
- b) Adakah pemaju menghadapi masalah menubuhkan JMB bersama pemilik Rumah Selangorku? Jika ya, nyatakan butir-butirnya dan cara mengatasinya.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh* dan selamat pagi. *Bismillah hirrahman nirrahim* dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, bilangan unit Rumah Selangorku yang telah siap dibina adalah sebanyak 2,546 unit dan kesemua unit-unit tersebut telah habis dijual. Perincian projek tersebut adalah seperti berikut :-

Bil.	Pemaju	Lokasi	Rumah Selangorku	Luas (kp)	Bil. Unit	Harga Jualan (RM)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, Daerah Hulu Langat	Jenis B	750	1124	100,000
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Bukit Botak, Selayang, Daerah Gombak	Jenis B (Berkembar)	800	1,422	100,000
3.	Sin Heap Lee	Bandar Baru	Jenis B	750	136	100,000

	Development Sdn. Bhd. & Sukma Pesona Sdn. Bhd.	Sungai Long, Daerah Hulu Langat				
4.	TJ Land Sdn. Bhd.	Lot 1024, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat	Jenis D	1,000	92	220,000
5.	Semponia Sdn. Bhd., Country Wheel Sdn. Bhd. & Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	Lot PT 11904 HS(D) 261773, Sutera Damansara, Mukim Pekan Sungai Buloh, Daerah Petaling	Jenis B	750	236	100,000
6.	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd.	Taman Alam Budiman, Seksyen U10 Shah Alam	Jenis C	800	536	150,000
Jumlah Keseluruhan					2,546	

Setakat ini, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor tidak pernah atau belum pernah menerima aduan pemaju yang menghadapi masalah menubuhkan JMB bersama pemilik Rumah Selangorku yang telah siap dibina. Malah terdapat Rumah-rumah Selangorku yang siap dibina itu tidak memerlukan JMB kerana ianya bukan pembangunan berstrata. Walau bagaimanapun, sekiranya masalah tersebut berlaku, berikut merupakan langkah-langkah yang boleh diambil :-

- i) Mengatur taklimat daripada Pesuruhjaya Bangunan, Pihak Berkuasa Tempatan di kawasan terlibat bersama pemilik pangsapuri untuk meningkatkan kesedaran dan keyakinan mereka mengenai kepentingan penubuhan JMB.
- ii) Sekiranya JMB masih gagal ditubuhkan, Seksyen 86, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), telah memperuntukkan Pesuruhjaya Bangunan boleh melantik ejen pengurusan untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan di pangsapuri berkaitan. Walau bagaimanapun, kontrak pelantikan ejen pengurusan tersebut hendaklah ditandatangani oleh pemaju selaras dengan perenggan 43, Bahagian

iii) Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan Dan Pengurusan)2015, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Soalan tambahan

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Sukacita dimaklumkan juga bahawa Kerajaan Negeri telah menganjurkan kursus-kursus untuk JMB bagi membantu mereka menjalankan tugas mereka dengan baik. Kursus-kursus tersebut adalah di bawah program yang dinamakan Format Kurikulum Perumahan Berstrata ataupun FOKUS. Terima kasih.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Saya nak tanya EXCO adakah angkat 2,500 lebih unit itu mencapai sasaran? Maksud saya adakah semua projek Rumah Selangorku itu siap pada tempoh yang ditetapkan ataupun ada yang belum siap lagi walaupun tempoh ditetapkan kerana masalah-masalah tertentu?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Yang saya umumkan semalam adalah bahawa keseluruhan projek yang telah dirasmikan oleh Y.A.B. Menteri Besar adalah 8,133 dan yang telah projek yang dalam pembinaan, keseluruhan projek yang telah dirasmikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar di bawah insentif pembinaan Rumah Selangorku adalah sebanyak 8,133 dan projek yang dirasmikan yang dalam pembinaan..minta maaf, dalam pembinaan adalah 8,133. Yang belum dibina adalah sebanyak 5,288 dan dalam pembinaan sekarang ini adalah 3,933. Bermakna bahawa ianya bercampur-campur. Ada yang lewat, ada yang juga menurut perancangan. Jadi, bermakna untuk menjawab soalan tersebut saya kena berikan satu perincian secara bertulis iaitu yang mana satu yang lewat, yang mana satu yang lambat, keseluruhannya ada 27,882 unit yang sekarang ini merupakan sasaran kita.

TUAN SPEAKER: Lembah Jaya tidak hadir. Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Puan Speaker. Soalan 69.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PENGURUSAN AIR BAWAH KERAJAAN NEGERI

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status pengurusan air setelah pengambilalihan oleh Kerajaan Selangor daripada SYABAS?
- b) Apakah penambahbaikan yang berlaku bawah pengurusan yang baru?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Taman Medan yang ingin mengetahui status pengurusan air setelah pengambilalihan dan juga apakah penambahbaikan yang berlaku? Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Taman Medan, sebenarnya isu ini akan saya kupas secara *details* dalam penggulungan perbahasan sebentar lagi kerana isu penstrukturan semula industri air di Selangor ini merupakan satu isu yang penting bagi menjamin kepentingan rakyat di negeri ini. Namun, untuk memberikan *respond* awal kepada Yang Berhormat Taman Medan izinkan saya memberikannya secara ringkas dan akan saya perincikan dalam penggulungan sebentar lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat Taman Medan, beberapa penambahbaikan telah dibuat oleh Air Selangor apabila kita selesai mengambil alih sebahagian daripada syarikat-syarikat konsesi di antara lain di bawah struktur lama operasi rawatan air dikendalikan oleh Puncak Niaga Sdn. Bhd., ABBAS dan SPLASH manakala operasi agihan air terawat dilaksanakan oleh SYABAS. Di bawah struktur baru Air Selangor telah mengambil alih kedua-dua operasi ini dan dalam hal ini Air Selangor masih dalam tempoh peralihan untuk meneliti dan menyeragamkan semua tatacara di bawah satu pengurusan. Yang kedua, Air Selangor akan beroperasi selaku operator tunggal bagi rawatan dan agihan dan keadaan holistik ini dapat mengekang pemindahan harga ataupun *transfer pricing* dan dapat mencapai matlamat untuk memastikan kos operasi yang tidak membebankan. Pada masa yang sama, Air Selangor tidak akan dibebani dengan terma pembelian minima atau caj kapasiti yang tinggi (*capacity charge*) bagi pembelian air terawat sebagaimana terkandung dalam perjanjian konsesi.

Yang ketiga, di bawah struktur baru ini juga pembiayaan ke atas perbelanjaan modal ataupun *Capex* akan ditanggung oleh PAP. Ini berbeza dengan sistem yang lama di mana *Capex* adalah ditanggung oleh syarikat konsesi selain daripada mendapat penjimatan kos operasi Air Selangor akan dapat menumpukan perhatian kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan kepada pengguna. Antara perancangan yang telah dibuat Air Selangor dalam usaha untuk menambah baik perkhidmatan air kepada pengguna adalah seperti berikut :-

- i) Pemeriksaan ataupun *due diligence* di atas loji-loji rawatan air. Yang ini akan saya perincikan sebentar lagi.
- ii) Penggantian paip-paip lama.

- iii) Penurunan NRW.
- iv) Menambah baik pembekalan air.

Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan tambahan Tuan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Dato' Menteri Besar. Dalam tempoh peralihan Air Selangor daripada SYABAS dan pengagihan, apakah SYABAS masih boleh membuat peraturan dan ketetapan baru kepada pelanggan? Contoh, contohnya perkhidmatan bekalan air kepada peti-peti sejuk air yang dibekalkan oleh SYABAS dikenakan satu tarif yang lain kepada operator.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Kelang, konsesi yang telah ditandatangani dengan syarikat-syarikat konsesi ini belum ditamatkan oleh kerana pengambilalihan itu belum disempurnakan. Hanya dua saja syarikat konsesi yang telah diambil alih sepenuhnya oleh Air Selangor iaitu ABBAS yang merupakan anak syarikat Kerajaan Negeri dan yang keduanya Puncak Niaga Sdn. Bhd. Manakala SYABAS kita masih dalam rundingan dengan Kerajaan Persekutuan untuk menamatkan konsesi yang telah ditandatangani sebelum ini dan saya akan bertemu dengan Yang Berhormat Menteri pada awal minggu hadapan bagi tujuan yang sama supaya kita dapat tamatkan konsesi tersebut kerana selagi konsesi ini berjalan maka mereka akan boleh menggunakan terma-terma yang telah dipersetujui di dalam perjanjian konsesi tersebut.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Y.A.B. Menteri Besar. Saya nak tanya sama ada pengurusan Air Selangor yang baru ini terdiri daripada kalangan pekerja-pekerja dan pengurusan tertingginya terdiri daripada penduduk tempatan ataupun ada melibatkan juga pekerja-pekerja pengurusan tertinggi di peringkat daripada kakitangan daripada negara luar dan juga sama ada konsultant ataupun dan sebagainya? Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Sudah tentulah apabila kita mengambil alih syarikat-syarikat konsesi ini antara lain bertujuan untuk kita *consolidate* dan melihat supaya tidak ada pertindihan aktiviti yang berjalan kerana tiga syarikat konsesi yang terlibat dalam memberikan

perkhidmatan air terawat ini dan SYABAS dari segi agihan air ada beberapa unit dan jabatan itu bertindih di antara satu dengan yang lain dan antara peranan besar Air Selangor ialah untuk melihat keperluan bagaimana kita boleh menyeragamkan tugas tersebut untuk mengurangkan kos operasi. Pada peringkat ini, seperti yang saya telah beri jaminan sebelum ini tidak ada sebarang ataupun pembuangan kerja terhadap mana-mana pekerja di dalam syarikat-syarikat tersebut melainkan pengurusan tertinggi SYABAS yang telah diselesaikan secara *mutual* di antara pengurusan baru dengan lama yang melibatkan hanya empat orang yang ini juga akan saya perincikan dalam perbahasan penggulungan perbahasan pada selepas sesi ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Soalan 70.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK: HADIAH ANAK MASUK UNIVERSITI

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan akan meningkatkan jumlah hadiah daripada RM1000?
- b) Adakah kerajaan akan memberikan hadiah kepada pemohon ijazah yang pernah menerima Hadiah IPT semasa diploma?
- c) Sejauh manakah pertimbangan kerajaan untuk memberikan Hadiah IPT kepada pemohon yang melanjutkan Master dan PhD?

Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD: Terima kasih Yang Berhormat Kinrara.

a) Pada masa ini Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk meningkatkan jumlah hadiah RM1000.00 kepada penerima. Kita buat masa ini berhasrat hanya untuk mengekalkannya.

b) Hadiah IPT hanya diberi sekali seumur hidup. Sehubungan dengan itu Kerajaan Negeri tidak memberi hadiah kepada pemohon ijazah yang pernah menerima hadiah IPT sewaktu diploma.

c) Pada masa ini tiada keperluan bagi HPIPT dibuka kepada pelajar Master dan PhD. Walau bagaimanapun, kita ada menyediakan beberapa skim sama ada di bawah Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor mahupun Program *Bring*

Back yang sedang dirangka kepada pelajar di peringkat Master dan juga di peringkat PhD.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Soalan no. 71.

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KEBENARAN MERANCANG PROJEK PR1MA

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri ada menerima permohonan dari pihak PR1MA untuk pembinaan Rumah Mampu Milik di Selangor?
- b) Nyatakan status Kebenaran Merancang bagi tiga projek PR1MA di kawasan Ampang Jaya?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Bismillahirrahmani rahim.* Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) ada menerima beberapa permohonan dari pihak PR1MA untuk pembinaan Rumah Mampu Milik di Selangor. Namun begitu, kesemua permohonan tersebut hanya di peringkat perbincangan awalan sahaja bagi mendapatkan maklumat dari segi zoning, densiti dan piawaian perancangan sebelum pihak PR1MA membuat perincian perancangan untuk proses kelulusan kebenaran merancang. Sehingga kini, sebanyak 24 projek melibatkan 35,291 unit telah di rancang oleh pihak PR1MA. Kedua, adalah sama ada kebenaran perancang bagi 3 projek PR1MA di kawasan Ampang Jaya. Pihak PR1MA masih belum mengemukakan sebarang permohonan kebenaran merancang kepada pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi ketiga-tiga projek PR1MA iaitu di Pandan Jaya, Pandan Indah dan Cempaka. Namun terdapat perbincangan di antara MPAJ dan PR1MA bagi ketiga-tiga projek tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak PR1MA telah membentangkan cadangan mereka kepada saya sebagai ADUN kawasan tersebut tahun lepas iaitu awal tahun 2015. Dan cadangan oleh mereka adalah untuk membuat permohonan untuk kebenaran merancang pada Disember tahun lepas. Ini yang dimaklumkan kepada saya. Tetapi sehingga kini belum ada sebarang permohonan yang telah dimajukan kepada pihak MPAJ.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Sila nyatakan jumlah permohonan PR1MA yang ditolak.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Saya tak ada maklumat yang ini tetapi yang setakat ini yang saya tahu tidak ada permohonan merancang PR1MA yang telah dihantar kepada Kerajaan Negeri. Saya akan berikan maklumat yang terperinci tentang ke semua projek-projek tersebut.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar, tidak hadir. Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya no. 73.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : SAMPAH HARAM

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan langkah yang diambil dan di rancang untuk menangani masalah pembuangan sampah haram di tapak pelupusan sampah haram dan tepi jalan.
- b) Adakah kerajaan berhasrat untuk meminda enakmen sedia ada mengenai isu pembuangan sampah?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Balakong. Langkah-langkah yang diambil oleh PBT dalam menangani masalah pembuangan sampah di tapak pelupusan sampah haram dan juga tepi jalan adalah satu menjalankan operasi bersepadu dengan Pejabat Daerah dan Tanah. Dua, Pejabat Tanah mengeluarkan notis pelanggaran syarat tanah kepada pemilik tanah dan mengarahkan untuk membaik pulih. Ketiga, mengarahkan pemilik tanah memagar tanah untuk mengelakkan pembuangan sampah haram. Keempat, menjalankan pemantauan berjadual di tempat-tempat yang berisiko dan telah dikenal pasti sebagai lokasi *hotspot* pembuangan sampah haram. Lima, memasang papan tanda dilarang membuang sampah di lokasi pembuangan sampah haram yang dikenal pasti. Enam, mengubah *facade* jalan kepada landskap di tempat jalan yang menjadi tapak pembuangan sampah dan tujuh mengambil tindakan serta-merta terhadap aduan awam mengenai sampah haram sama ada menggunakan pasukan khas PBT ataupun *back up*. Satu langkah-langkah yang utama yang diambilkan oleh Kerajaan Negeri dan saya telah banyak kali sebut dalam Dewan yang mulia ini adalah untuk mewujudkan enakmen pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negeri Selangor dengan beberapa penambahbaikan atas mengenakan

hukuman yang berat di dalam enakmen dan untuk makluman Yang Berhormat sekalian, pendrafan tentang enakmen ini adalah di peringkat terakhir dan sukacitanya saya ingin memaklumkan bahawa pihak Peguam Negara telah memberi lampu hijau untuk Kerajaan Negeri untuk kita bentangkan dalam dewan yang mulia ini. Sekian.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Pandaraman.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Terima kasih Tuan Speaker, saya percaya bahawa masalah pembuangan sampah haram terutama di tepi jalan. Cara yang paling efektif adalah penguatkuasaan tetapi selalunya kita dengar ketidakcukupan kakitangan penguatkuasaan sebagai contoh di MPK saya di fahamkan hanya ada 18 pegawai penguat kuasa untuk menjaga 6 zon di mana 1 zon merangkumi dua DUN. Ini bermaksud dalam DUN Pandamaran dia ada 1.5 orang sahaja untuk menjaga untuk menguatkuasa. Tapi saya rasa itu punca masalahnya. Jadi saya nak tanya adakah Kerajaan Negeri merancang untuk membaikkkan ataupun menaiktaraf penguatkuasaan daripada segi mengambil lebih kakitangan kerja bagi penguat kuasa terutamanya diberikan kepada JPP di MPK ataupun bahagian berkenaan dengan pembersihan di PBT-PBT masing-masing. Terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih Pandamaran. Saya setuju apa yang dikatakan oleh Pandamaran tadi. Itu memang benar dan dengan enakmen yang baru kita juga ada rancang untuk menambah tenaga kerja di peringkat penguatkuasaan supaya tindakan untuk menangkap dan juga meredah tapak ditingkatkan dan juga lebih efektif bagi PBT untuk mengenai masalah tentang penguatkuasaan khususnya kawasan perumahan dan juga kawasan komersial.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Saya ingin tanya sama ada Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk meningkatkan denda yang orang buang sampah haram.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Memang dalam enakmen kita, kita ada mengenakan hukuman yang lebih berat tentang denda dan juga penjara dan sebagainya tentang kategori yang berbeza. Pembuangan sampah di tepi jalan tapak sampah haram dan sebagainya memang dia ada kategori dia. Hukuman yang berbeza-beza.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Adakah kerajaan sebelum enakmen ini wujud sebab baru nak dimulakan baru nak diusahakan adakan kerajaan sudah ada satu kolaborasi dengan katakan bersama dengan JKK ataupun persatuan penduduk untuk memberi maklumat dan memberikan token kepada mereka yang mahu menjadi mata dan telinga kepada PBT. Kalau tak cukup penguat kuasa maka kenapa tidak digunakan oran lokal dengan ada satu *smart partnership*.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih Selat Klang. Memang ada PBT sekarang mereka memberi ganjaran kepada orang yang memberi maklumat lokasi dan juga gambar tentang orang yang membuang sampah haram seperti di MPKJ saya nampak mereka memang aktif dengan kerjasama Yang Berhormat daripada Balakong mereka telah berjaya menangkap beberapa orang yang tidak bertanggungjawab. Saya rasa ini mengikut keadaan dan juga di peringkat Kerajaan Negeri memang kita tiada halangan tentang inisiatif tersebut.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Tuan Speaker, soalan saya 74.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(PAYA JARAS)**

TAJUK: TAMAN CAHAYA ALAM

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status hak milik Taman Botani Negara Shah Alam (Bukit Cherakah)?
- b) Berapa jumlah keluasan taman tersebut dan berapa ekar berada di bawah kawalan Kerajaan Negeri?
- c) Apakah terdapat perjanjian bertulis di antara Kerajaan Negeri dan Kementerian Pertanian berhubung membangunkan taman tersebut?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Paya Jaras. Tuan Speaker, status pemilikan Taman Botani Negara Shah Alam adalah Hutan Simpanan Kekal Negeri Selangor iaitu hutan bagi Maksud-Maksud Persekutuan. Dan keluasan hutan simpan kekal ini adalah 817 hektar dan kesemua kawasan tersebut adalah di bawah kawalan Negeri Selangor. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 26 Ogos 2015 telah meluluskan tempoh dan juga permit penggunaan selama 60 tahun kepada Kementerian Pertanian dan Asas Tani dan ia adalah berdasarkan aktiviti

guna tanah semasa. Semua pembangunan yang akan datang ataupun bakal dijalankan di kawasan tersebut perlu dibentangkan kepada jawatankuasa bersama Pembangunan Taman Botani Negara Shah Alam ataupun TBNSA yang melibatkan Kementerian Pertanian dan Asas Tani dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Sebenarnya satu memorandum persefahaman MoU antara Kerajaan Negeri Selangor dan juga Kementerian Pertanian dan Asas Tani pernah ditandatangani pada 17 April 2006 dan memorandum tersebut telah menetapkan tempoh pajakan penggunaan tanah selama 60 tahun. Walau bagaimanapun tiada perjanjian penggunaan tanah yang telah dimeterai antara Kerajaan Negeri dan juga Kementerian Pertanian walaupun kadar Permit Penggunaan tanah telah dipinda beberapa kali oleh Kerajaan Negeri dan banyak perancangan pembangunan yang dirancang tidak dijalankan. Maka pada MMKN yang ke-27/2013 yang bertarikh 11 September 2013, Kerajaan Negeri telah bersetuju bahawa MoU tersebut ditamatkan kerana pihak Kementerian Pertanian dan Asas Tani tidak pada masa ketika itu mematuhi terma-terma perjanjian dan notis penamatan. MOU TPNSA telah dikeluarkan pada Kementerian Pertanian. Walau bagaimanapun, dalam tempoh yang terdekat Kerajaan Negeri akan mengadakan perjanjian dengan Kementerian Pertanian dan Asas Tani mengenai pengurusan dan pembangunan di kawasan Taman Botani dengan keputusan MMKN yang bertarikh 26 Ogos 2015 yang telah meluluskan cadangan penggunaan tanah Taman Botani Negara Shah Alam oleh Kementerian Pertanian dan Asas Tani MOA seluas 100 hektar dengan syarat-syarat tambahan seperti berikut. Satu jawatankuasa pemandu dan pengurusan bersama perlu diwujudkan. Satu amaun terhadap kadar pajakan penggunaan tanah yang tidak pernah dibayar sebelum ini kepada Kerajaan Negeri sejak Taman Botani Negara Shah Alam diuruskan oleh Kementerian Pertanian dan Asas Tani 26 tahun dahulu. Perlu dijelaskan. Satu Enakmen Taman Botani Negara Shah Alam perlu diwujudkan bagi meneruskan pembangunan TBNSA pada masa akan datang. Pihak Kementerian perlu menghantar pelan pembangunan yang lengkap kepada Kerajaan Negeri dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh undang-undang terpakai di negeri Selangor. Maka Kerajaan Negeri pada ketika ini dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Pertanian dan Asas Tani sedang menjalankan kerja-kerja ukur halus mengikut sempadan dan keluasan Taman Botani yang telah diluluskan oleh MMKN. Dan perbincangan mengenai perjanjian yang akan datang atau akan dilaksanakan hanya akan berlaku setelah semua urusan pengukuran diselesaikan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak tanya bilakah perjanjian 60 tahun untuk penggunaan ini dan tamat tempoh perjanjian berkenaan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Perjanjian tersebut akan bermula kalau saya tak silap pada tahun 1990 kerana itu masanya di mana perjanjian asal telah mula dan juga pelbagai pembangunan ataupun *construction* dengan izin telah berlaku. Cuma pada masa itu 26 tahun yang lalu belum dibayar dan kita telah mencadangkan satu bayaran yang nominal kepada Kerajaan Persekutuan ataupun Kementerian Pertanian supaya hutan tersebut boleh dilupuskan secepat mungkin sebelum perjanjian yang akan datang ini boleh dilaksanakan.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker soalan no.75.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(BATU TIGA)**

TAJUK: RUMAH TERBENGKALAI

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan status terkini rumah terbengkalai di Selangor?
- b) Apakah faktor yang menyebabkan rumah terbengkalai ini tidak dapat diselesaikan?
- c) Apakah komitmen Kerajaan Negeri bagi menjamin semua projek terbengkalai ini dapat disempurnakan?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih pada Batu Tiga. Untuk menjawab soalan status ini rumah terbengkalai di Selangor sekarang ini ataupun statistik yang terkini adalah iaitu sehingga 29 Februari 2016 ada dua statistik iaitu sama ada projek terbengkalai ataupun projek perumahan terbengkalai. Kalau projek terbengkalai itu melibatkan industri dan komersial ia melibatkan 115 projek yang melibatkan 25,374 unit. Tetapi kalau rumah sahaja ia melibatkan 106 projek yang melibatkan 22,854 unit. Sebab-sebab kenapa berlaku projek terbengkalai di antaranya adalah projek tidak *viable* iaitu projek tersebut tidak *viable* dan telah mengakibatkan ia terbengkalai. Keadaan ini berlaku disebabkan di mana sesetengah pemaju tidak menjalankan kajian kemungkinan atau *feasibility study* yang menyeluruh mengakibatkan projek tersebut tidak mempunyai dana yang mencukupi. Contohnya terdapat pemaju-pemaju yang tertinggal atau pun tidak memasukkan kos-kos infra. Akhirnya apabila projek itu cuba hendak dilaksanakan ianya terdapat defisit dan terdapat pemaju yang tidak bertanggungjawab, hanya telah meninggalkan projek tersebut begitu sahaja.

Yang kedua adalah kurang pengalaman dan kedudukan kewangan yang tidak kukuh. Berdasarkan kepada kes-kes projek terbengkalai di negeri Selangor, terdapat banyak projek terbengkalai dimiliki oleh pemaju yang kurang berpengalaman dan sumber kewangan mereka tidak kukuh. Kedudukan kewangan yang lemah menyebabkan pemaju tidak mampu untuk meneruskan projek sekiranya berlaku pertambahan kos dalam masa projek dijalankan.

Yang ketiga adalah pengurusan yang lemah terutamanya dalam pengurusan kewangan di mana akan berlaku projek itu mendapat kerugian. Contohnya, kos sebenar projek berlipat ganda daripada dianggarkan daripada pelaksanaan projek. Selain itu, harga jualan unit rumah yang tidak sesuai atau terlalu tinggi dan menyebabkan unit-unit tersebut tidak terjual.

Yang seterusnya adalah masalah kewangan atau pun agensi kewangan, kos pembelian tanah yang tinggi serta masalah dari segi pinjaman juga merupakan satu sebab kenapa projek menjadi terbengkalai.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha memberikan komitmen dalam mengatasi masalah projek terbengkalai di Selangor, namun tidak boleh memberikan jaminan semua projek terbengkalai ini dapat disempurnakan dan diselesaikan. Ini kerana bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad kepada tindakan secara pentadbiran sahaja tetapi kuasa pemulihan ini terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.

Yang seterusnya adalah Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai iaitu JPPT yang menemukan semua pihak-pihak yang berkepentingan. Contohnya pemaju, *liquidator*, pembeli dan juga pihak Bank. Kerajaan Negeri bertindak sebagai fasilitator untuk memastikan projek itu dapat diteruskan. Yang kedua adalah membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak. Yang ketiga adalah juga pihak LPHS mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai supaya pihak pembeli boleh bertemu dengan pihak Bank supaya menstrukturkan kembali pinjaman mereka atau pengurangan bayaran bulanan mereka daripada pihak Bank.

Seterusnya adalah LPHS mengadakan perbincangan bersama pelikuidasi (*liquidator*).

Kelima adalah LPHS turut mengadakan perbincangan dengan semua jabatan teknikal seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan untuk mempercepatkan pemulihan projek.

Keenam, mengaturkan pertemuan dengan institusi kewangan.

Ketujuh, sekiranya projek ini melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk membuat penilaian semula kos pemulihan projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek ini diteruskan. Ini adalah kes-kes di mana projek tersebut memerlukan *top up* dengan izin.

Kelapan, sekiranya projek ini menghadapi defisit kos pemulihan, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan kepada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukan khas pemulihan projek.

Kesembilan, memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli.

Kesepuluh, LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil demi memastikan hak pembeli terhadap harta mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965.

Seperti Yang Berhormat maklum bahawa Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan satu tabung iaitu dinamakan TEPAT iaitu Tabung Projek Perumahan Terbengkalai dan sekarang ini ada dua (2) projek yang *confirmed* atau pun pasti di mana ianya akan menggunakan tabung tersebut untuk dipulihkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah, saya tangguhkan sesi pertanyaan memandangkan jam telah menunjukkan 11.00 pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima satu permintaan mengikut Peraturan Tetap 13 dan 25 iaitu memberikan penerangan oleh Yang Berhormat Sungai Pinang. Silakan Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Terima kasih. Tuan Speaker, saya ingin mengeluarkan penerangan untuk menjelaskan bahawa terdapat kesilapan dalam jawapan kepada soalan nombor 44 yang dibentangkan di Dewan ini pada hari semalam di mana peluang pekerjaan yang dijangka akan diwujudkan hasil daripada TPPA menjelang tahun 2027 adalah 1 hingga 2 juta dan bukan 1 hingga 2 *billion*. Kesilapan tersebut adalah tidak disengajakan dan amat dikesali. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah, Setiausaha Dewan. Urusan seterusnya.

III USUL

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER: Saya persilakan Yang Berhormat Seri Kembangan untuk sambung penjelasan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya ingin menyambung apa yang saya jelaskan semalam mengenai tentang cadangan yang dibangkitkan oleh Seri Andalas. Tentang isu kawalan kacau gangguan dan juga insiden mabuk di kawasan rekreasi atau pun kawasan awam. Sekarang kita hanya ada dua (2) undang-undang atau pun peraturan yang mengawal tentang isu ini. Satu adalah dengan izin, *Minor Offences Act 1955* di bawah *Drunkness and Disorderly Behaviour In Public Places* dan juga UUK Taman 2005. Jelasnya, dua-dua undang-undang ini adalah tidak cukup efektif untuk kita kawal kerana hukuman dan juga cara untuk mengendali masalah ini adalah tidak efektif kerana dibawah Undang-Undang Kecil Taman 2005 di bawah Seksyen 9 (1), pengusiran dari taman. Kita hanya boleh mengusir atau paksa mereka yang buat kacau di taman sahaja dan dengan undang-undang, Akta 336, seseorang yang melakukan kesalahan boleh dikenakan dengan denda tidak lebih RM25.00 atau penjara tidak melebihi 14 hari. Kalau kesalahan yang kedua akan didenda tidak melebihi RM100.00 atau penjara untuk masa yang tidak melebihi tiga (3) bulan.

Justeru itu, cadangan daripada Yang Berhormat Seri Andalas, adakah Kerajaan bersedia untuk mengkaji hukuman yang lebih berat tentang isu ini? Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri bersedia untuk menilai semula tentang Undang-Undang Kecil Taman 2005.

Satu lagi perkara juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seri Andalas adalah cadangan untuk pecah MPK kepada dua (2) pentadbiran. Untuk maklumat Yang Berhormat, sekarang Kerajaan Negeri ada dua (2) cadangan:-

- i) Menaik taraf MPK kepada status Bandaraya.
- ii) Pecah MPK kepada dua (2) pentadbiran.

Kerajaan Negeri perlu masa untuk mengkaji dan meneliti dengan lebih mendalam kerana ada kebaikan dan juga kekurangan di antara dua-dua cadangan ini dan kita akan memberi maklum balas secara terperinci selepas kajian dibuat oleh Kerajaan Negeri. Sekian.

TUAN SPEAKER: Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingin ucapkan terima kepada banyak Yang Berhormat yang telah menyentuh banyak perkara termasuk FOI, alam sekitar, pencemaran air dan juga pelancongan.

Saya bermula dengan rungutan, aduan daripada Sekinchan tentang pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2011 di mana Yang Berhormat Sekinchan telah menyatakan bahawa pelantikan Pegawai di jabatan atau pun di agensi tidak menyeluruh dan mereka tidak kelihatan mendapat latihan atau pun maklumat yang mencukupi untuk membantu orang awam. Untuk makluman Yang Berhormat Sekinchan, sepanjang tempoh penguatkuasaan Enakmen ini, terdapat banyak atau pun ramai Pegawai Maklumat yang telah bertukar atau pun di *promoted* dengan izin, atau pun tukar agensi atau pun tukar jabatan. Jadi pelantikan sebagai Pegawai Maklumat adalah berdasarkan nama Pegawai dan bukan kapasiti jawatan di jabatan atau pun agensi masing-masing. Maka ini menyebabkan pelantikan Pegawai Maklumat terpaksa diperbaharui setiap kali Pegawai bertukar dan proses pelantikan Pegawai Maklumat ini perlu mendapat kelulusan MMKN dan seterusnya perlu juga diwartakan oleh Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, setiap tahun sekurang-kurangnya kita memberi kursus kepada Pegawai-pegawai Maklumat sebagai satu *refresher course* atau pun untuk Pegawai yang baru dan pada 12 sehingga 13 Mei 2016, sebenarnya satu latihan atau pun kursus telah dirancang untuk semua Pegawai Maklumat dan taklimat ini akan diberi oleh Yang Berhormat, Dato' Pegawai Undang-Undang Negeri Selangor untuk menjelaskan lagi peranan Pegawai Maklumat secara menyeluruh atau pun menjawab soalan-soalan yang mungkin dibangkitkan oleh Pegawai-pegawai Maklumat.

Yang Berhormat Sekinchan juga selalunya menekan tentang betapa penting peranan Kerajaan Negeri untuk menyokong aktiviti-aktiviti dan juga pembangunan pelancongan. Untuk makluman, Yang Berhormat Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Yang Berhormat EXCO, soal Pegawai Maklumat itu saya ingin lebih sedikit pencerahan mengenai oleh kerana sering berlaku pertukaran Pegawai yang terlalu kerap menyebabkan agak sukar tetapi dalam konteks memberi latihan kepada Pegawai-pegawai baru, saya harap..... adakah Yang Berhormat tekankan bahawa setiap tahun mesti ada dua (2) kali, tiga (3) kali latihan atau pun hanya sekali sahaja kekerapan itu. Saya nak tahu perkara itu.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Untuk makluman Yang Berhormat Sekinchan, sekurang-kurangnya sekali setahun dan kalau ada permintaan untuk tambahan atau pun bengkel, itu juga akan diuruskan. Jadi akan datang sebenarnya bulan depan, 12 dan 13 Mei 2016.

Jadi saya boleh sambung ya, saya nak puji Sekinchan. Pelancongan di Sekinchan. Memang Sekinchan dilihat sebagai satu model, *community based tourism* dan Kerajaan Negeri tidak pernah menyingkir aktiviti atau pun usaha untuk menyokong pelancongan di Sekinchan. Cuma Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan bukan sahaja untuk Sekinchan tetapi untuk semua Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, untuk aktiviti pelancongan kita sebenarnya membuat

perancangan setahun lebih awal. Sebagai contohnya 2016, kita telah menetapkan apa aktiviti atau pun di mana kita ingin membangunkan pelancongan beberapa bulan sebelum tahun 2016 bermula. Walau bagaimanapun, cadangan untuk membawa televisyen untuk membawa media dan sebagainya amat dialu-alukan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan kita tetap akan menyokong usaha-usaha tersebut dan ini juga termasuk *filming*, dengan izin. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, baru-baru ini ada satu filem yang ditayangkan di panggung wayang. Namanya, dengan izin *Paint My Love* iaitu nama dalam Bahasa Inggeris dan ini adalah cerita cinta antara dua (2) anak muda di Pulau Ketam. Mana Pulau Ketam? Sungai Lima, Bagan Sungai Lima. Kerana filem itu yang difilemkan 100 peratus di negeri Selangor. Kita dapati bahawa pelancong telah pergi ke Pulau Ketam khususnya di Kampung Bagan Sungai Lima memang kenaikan ataupun peratusan kenaikan pelancong-pelancong ke sana telah naik sehingga 200-300 peratus kerana 1 filem ini. Jadi Kerajaan Negeri dan juga telah bersetuju untuk memberi insentif diskaun cukai hiburan untuk filem-filem yang dibuat di Negeri Selangor 100% kita beri 50% insentif diskaun ya cukai hiburan untuk menggalakkan lebih syarikat ataupun aktiviti filem dibuat di negeri Selangor. So ini juga cara yang kita cuba menyokong usaha-usaha media ataupun filem supaya negeri Selangor lebih dikenali oleh pelbagai pihak termasuk dalam negeri dan juga di luar negeri. Tanjung Sepat juga telah menyentuh tentang pelancongan, di mana Tanjung Sepat, Y.B. Tanjung Sepat telah mencadangkan untuk masukkan Tanjung Sepat sebagai tempat eko pelancongan. Sebenarnya kita telah, Kerajaan Negeri telah mencetak satu risalah khas untuk daerah Kuala Langat *that's how important this trick tourism is* dan kita bakal untuk *update* risalah tersebut. Jadi dalam risalah tersebut memang sudah ada beberapa tapak pelancongan eko, cuma kita ingin *update* atau menambah lebih maklumat tersebut. Sebagai contohnya Pantai Batu Laut *Conwellness Eco-Park* yang sekarang sangat masyhur. Gano Farm Homestay jambatan yang sekarang sedang menjalankan pembaikan *renovation lovers bridge* dengan izin dan juga kawasan-kawasan pertanian dan kebun buah-buahan seperti durian, buah naga, rambutan dan sebagainya. Jadi kedudukan Tanjung Sepat sangat strategik dan setiap hujung minggu sebenarnya banyak orang dari Selangor, Kuala Lumpur dan juga luar negeri dan juga luar negara setiap hujung minggu berpuluh-puluhan bas akan pergi Tanjung Sepat. Ianya ada potensi bagi untuk menambah mungkin aktiviti pelancongan di sana ataupun perniagaan yang boleh mendapat manfaat daripada pelancong-pelancong yang datang ke sana dan untuk makluman Y.B. Tanjung Sepat Kajian Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 telah menyenaraikan Tanjung Sepat sebagai salah satu destinasi eko pelancongan dan setakat ini Tanjung Sepat dikenali sebagai produk agro pelancongan bagi kajian tersebut dan kita juga angkat mengangkat lagi aktiviti ataupun kita akan masukkan lebih peruntukan untuk lebih menaik taraf beberapa tapak-tapak pelancongan khasnya di Kuala Langat termasuk Tanjung Sepat. Selat Klang selalunya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Andalas minta pencelahan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih EXCO saya nak tanya dah, iklan-iklan besar tentang *Selangor Tourism* effect tak berapa nampak di Selangor. Satu sahaja sekarang melalui EXCO Pelaburan yang ada satu tandatangan besar papan di jalan raya. Saya minta EXCO beritahu kepada Dewan, KLIA dan KLIA 2 ini ialah di dalam Selangor tetapi malangnya kita tak nampak iklan besar kalau kita masuk dalam ya atau tempat luar tapi nampak iklan daripada Pulau Pinang sahaja. Selangor tak ada, so bolehkah EXCO beritahu ada cadangan untuk buat iklan besar.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Seri Andalas. Kita tak buat *billboard*. Kita telah rancang dan sebenarnya telah melukis pelan untuk membina satu pintu gerbang jalan besar, pergi dan juga pulang daripada KLIA. Sekarang kita hanya perlu kebenaran untuk membuat pintu gerbang tersebut. Untuk *billboard-billboard* memang kita boleh buat cuma saya rasa untuk pelancongan saya telah berhubung dengan pihak MBI dan juga Pejabat Dato' Menteri Besar untuk memberi peluang kepada *Tourism Selangor* bukan membuat *billboard* statik tetapi untuk buat *billboard* LED yang boleh bergerak, itu lebih memberi manfaat ataupun gambaran yang lebih baik khususnya untuk aktiviti pelancongan dan Sekinchan jangan bimbang dalam video korporat *Tourism Selangor*, Sekinchan memang ada dalam video tersebut termasuk Pulau Ketam. Saya nak sekarang nak *jump* ke Pulau Ketam nak sentuh sedikit kerana Selat Klang telah membangkit adakah *Tourism Selangor* ataupun Selangor membuat pakej pelancongan dan sebagainya. Kita telah *Tourism Selangor* bersama dengan pelbagai pihak termasuk Persatuan Pelancongan Negeri seperti MATTA Selangor, (MAH) ataupun *Malaysian Of Association Hotels* Selangor, Persatuan Pemandu Pelancong Negeri Selangor, Kementerian Pelancongan dan juga *Tourism Selangor* kita telah duduk bersama untuk merangka dan juga memasarkan pakej pelancongan antaranya adalah untuk Pulau Ketam dan satu bengkel khas telah diadakan pada 9 Disember 2015, baru-baru ini di Subang Jaya yang telah dianjurkan oleh *Tourism Selangor* bersama dengan Persatuan MATTA Negeri Selangor lebih daripada 100 peserta yang diwakili oleh pelbagai Agensi dan Jabatan Kerajaan telah bersama-sama untuk berbincang tentang penyediaan pakej dalam bengkel tersebut dan Pulau Ketam adalah antara satu senarai pakej yang telah disediakan untuk pelancongan di Negeri Selangor dan aktiviti tersebut termasuk penginapan di rumah nelayan, aktiviti memancing, menjala ikan, beriadah dan juga berbasikal, keenakan makanan untuk makan malam, demo masakan untuk penyediaan makanan serta produk IKS seperti ikan kering, keropok ikan dan sebagainya. Jadi jangan bimbang Selat Klang walaupun masa pagi ini saya tak sempat jawab secara teliti tetapi kita memang Kerajaan Negeri ingin memaparkan ataupun *push* kan Pulau Ketam dan juga Bagan Sungai Lima sebagai satu produk unik di Negeri Selangor.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Timbalan Speaker, boleh saya celah yang disebutkan oleh EXCO tadi...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Selat Klang

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Sebelum pindah ke topik lain yang lain, saya tak dengar tadi daripada yang disebutkan oleh EXCO sebab yang saya sebutkan di dalam ucapan perbahasan titah ucapan Tuanku di mana saya tersalah *google* Pulau Ketam di mana timbulnya Pulau Ketam, Singapura. Di mana ada apa JV yang begitu baik di antara *Nature Society Singapore, National University Of Singapore* dan *Alumni Committee Member Embassy* dan *Singapore Power Boat Association* jadi adakah Kerajaan Negeri Selangor mahu menciptakan satu Sekinchan 2 yang apa di Pulau Ketam ini kerana di sana ada biodiversiti, ada hutan simpan dan juga kita nak melihatkan saya ingin melihatkan satu gabungan di antara EXCO Pelancongan Alam Sekitar dan EXCO Pertanian kerana *ego-tourism* di antara yang boleh diapa kan di manfaatkan sebaik mungkin kerana ada sangkar besar dan sebagainya dan juga kalau kita nak lihat sebagai contoh Selangor adalah *urbanized* dengan izin, di mana di tempat bandar-bandar yang besar ini tak ada tanah. Jadi EXCO Pertanian kata tak boleh nak tanam apa dia punya *excuse*. Contoh di Pulau Ketam yang tidak ada tanah kerana dia pulau dan di bawah rumah adalah air, mereka berjaya menanam limau purut yang berbuah, mangga berbuah, papaya berbuah, herba-herba, serai wangi, delima dan sebagainya. Jadi saya mengharapkan..

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker saya bukan pertanian.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Ini satu contoh promosi untuk apa untuk ya dan juga kalau tadi *Singapore* tadi ada bot *Power Boat Association* mana yang cantik, pakej perkahwinan, apa nama itu, alumni dan sebagainya. Jadi saya mengharapkan ini adalah antara yang perlu diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri dan kalau boleh ADUN pun dijemputlah boleh bagi *feedback*.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Selat Klang. Saya rasa itu ucapan bukan soalan. Saya tidak ingin sebut tentang Singapura saya takut nanti ada peperangan antara kerajaan ataupun pemerintah, cuma kalau kita *google bak kut teh* pun kita fikir dari Klang tapi *you know* negara di Selatan Semenanjung kata *bak kut teh* daripada Singapura. *So, anyway the point is this* kita daripada Kerajaan Negeri memang prihatin dan kita cari pelbagai jalan untuk menaikkan *profile*, pelbagai tapak-tapak pelancongan. Pulau Ketam tidak perlu menjadi Sekinchan No.2 kerana Sekinchan nya memang unik. Pulau Ketam perlu cari keunikannya ataupun *ex-factor* nya dan MPK sebenarnya juga telah memajukan beberapa permohonan termasuk permohonan untuk membina kemudahan tambahan seperti laluan konkrit daripada Kampung Sungai Lima ke Kampung Orang Asli Sungai Dua sehingga Kampung Pulau Ketam dan kalau Kementerian Pelancongan dan juga Kebudayaan Malaysia luluskan ini saya rasa ini adalah satu projek yang bagus di mana kita boleh berhubung ataupun menambah lagi infrastruktur kepada di kawasan yang mengelilingi Pulau Ketam, tentang perikanan dan sebagainya saya akan beri peluang kepada Y.B. Taman Templer untuk jawab.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tambahan sikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Nak tambah, nak beri nasihat kepada Pulau Ketam.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oleh kerana EXCO Pelancongan dah menjawab soalan tadi dengan berkobar-kobar dengan semangat saya ucapkan tahniah lah ya tapi saya nampak tadi bila disoal bagaimana kita nak menjiwai nak menghayati sektor pelancongan supaya pelancongan di Sekinchan dan di Selangor ini bertambah membangun dengan pesat. Seperti apa yang dikata boleh gunakan filem dan sebagainya, tadi filem daripada Sungai Lima ya. Saya nak tanya Y.B. EXCO filem yang ditayangkan itu adakah Y.B. EXCO tengok, menonton filem itu. Itu satu yang pertama ya, yang kedua kita banyak nampak memandangkan nak menggiatkan sektor pelancongan ini perlu banyak promosi ya, jadi banyak orang menggunakan selebriti, artis untuk dijadikan duta sebagai tarikan kepada anak-anak muda untuk datang ke sesuatu destinasi. Adakah Y.B. EXCO melalui Tourism Selangor bercadang untuk melantik atau melantik dengan insentif duta pelancongan di setiap kawasan. Duta pelancongan ya, kalau ada ADUN-ADUN yang berminat ada kaliber pun boleh dilantik tetapi kena bayar insentif la. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Sekinchan. Ya saya telah saya dapat peluang untuk menonton filem tersebut bersama anak-anak muda dan juga ketua kampung daripada Kampung Sungai Lima dan tentang duta atau pun duta pelancongan saya rasa untuk Sekinchan tidak perlu Y.B. Sekinchan dah jadi duta, saya pergi Sekinchan pun ada banyak *billboard* muka Y.B. Sekinchan..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan rumah.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan rumah itu boleh jadi duta. Tapi kita akan pertimbangkan bukan kita meminggirkan idea tersebut cuma kita nak cari yang betul orang yang boleh mewakili ataupun menjadi duta untuk pelancongan di negeri Selangor, tapi Sekinchan saya khas kan untuk Y.B. sahaja. *Free of charge*, jadi untuk Pulau Ketam memang ada pelbagai usaha yang kita boleh explore dan untuk makluman Y.B. Selat Klang kita juga baru-baru ini telah ada lawatan teknikal bersama dengan Dato' YDP Klang (MPKj) *sorry* MPK, maaf dan juga ahli jawatankuasa teknikal Majlis Perbandaran Klang untuk memantau dan juga mengenal pasti kawasan yang berpotensi untuk menjadi tempat pelancongan di Pulau Ketam jadi ini *this is the work in progress* dan kita harapkan harap Y.B. akan bersama dengan ketua kampung Pulau Ketam akan memberi sokongan padu Kerajaan Negeri dan juga Tourism Selangor supaya kita boleh bersama-sama mempromosikan Pulau Ketam untuk pelancong-pelancong luar negara dan juga luar

negeri. Saya ingin sekarang ingin sentuh tentang beberapa perkara yang berkaitan tentang alam sekitar yang dibangkit oleh banyak ADUN termasuk Sekinchan, Batang Kali, Selat Klang, Tanjung Sepat dan juga Teratai dan secara umumnya kesemua ADUN-ADUN, Y.B.-Y.B. telah menyentuh tentang hutan simpan negeri Selangor dan juga isu penguatkuasaan projek dan sebagainya. Jadi, saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memberi peringatan, teguran dan juga sokongan kepada Kerajaan Negeri untuk mengamalkan satu Dasar meratorium 20 tahun pembalakan komersial. Keduanya untuk Kerajaan Negeri mengekalkan keluasan hutan simpanan kekal iaitu lebih daripada 30% dan Kerajaan Negeri akan memastikan bahawa keluasan ini akan menjadi stabil ataupun kita dapat menambahkan keluasan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak tahun 2009, Kerajaan Negeri berjaya untuk menambah 12,000 hektar keluasan tanah dan telah digazet sebagai hutan simpan kekal di Negeri Selangor dan jumlah sekarang adalah lebih daripada 250,000 hektar di Negeri Selangor.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Minta penjelasan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Silakan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih atas fakta yang telah diberikan. Saya ada timbulkan tentang Bukit Tabo dan Permatang Kuartza. Belum, belum

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Sabar, sabar. Yang Berhormat Hulu Klang belum sampai ke Tapak Warisan, masih ada, banyak lagi dan juga Permatang Kuartza, Batu Caves dan sebagainya. Yang Berhormat telah menanyakan ataupun mengingatkan Kerajaan Negeri untuk memantau ataupun menjalankan pemantauan Hutan Simpan Kekal supaya pencerobohan hutan simpan kekal di negeri Selangor dapat dikurangkan. Saya dengan sukacitanya ingin umum dalam Dewan yang mulia ini bahawa Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah juga membuat penambahan dan juga pembaikan aset-aset seperti bot, enjin, kenderaan pacuan 4 roda untuk tujuan pemantauan dan kita melalui JPNS telah membuat perolehan 5 pucuk pistol dan 10 laras *pam gun* bagi tujuan memperkemaskan aktiviti penguatkuasaan. Mengapa saya menitikberatkan tentang senjata. Saya bukan orang yang garang ataupun *violent*, cuma pegawai-pegawai Penguat kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Selangor pada satu ketika pernah dicolek. Ada orang yang curi balak, mencolek penguat kuasa JPNS, menggunakan pisau, parang dan sebagainya. Dan selama kita memohon supaya pegawai penguatkuasaan kita boleh membawa senjata. Sekarang kita nampak berjaya dalam usaha ini. Tambahan daripada itu JPNS juga menggunakan kaedah pemantauan hutan simpanan kekal menggunakan satelit yang

dikenali sebagai *Forest Monitoring Using Remote Sensing FMRS* dan kini dalam proses menggunakan kaedah pemantauan udara iaitu dengan menggunakan UAV ataupun dron. Dron ini sebenarnya memberi bantuan yang besar kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Jadi, daripada tahun 2013 sehingga 2015, terdapat sebanyak 37 kes pencerobohan kawasan hutan simpan yang berjaya dikesan berlaku di negeri Selangor. Sebanyak 25 kes telah diselesaikan dengan cara kompaun, satu kes dituduh di mahkamah Majistret Shah Alam, 7 kes tiada tindakan diambil kerana ada kadangkala kita nampak balak yang ditebang tetapi tak ada orang dan juga ada 4 kes yang masih dalam siasatan. Sebanyak 17 kes direkod berlaku di daerah Selangor Tengah, 9 kes di Hulu Selangor, 11 kes di daerah pantai Klang. Dan jumlah kompaun dan juga denda yang berjaya dikutip sepanjang tahun 2013 sehingga 2015 adalah sebanyak RM120,200.00.

Dan selanjutnya bagi membaik pulih kawasan-kawasan yang telah merosot dalam hutan simpan di Negeri Selangor, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor kini sedang mengenal pasti program atau kaedah yang terbaik, pemuliharaan hutan melalui kaedah Perhutanan Tani yang dapat menjamin *eco-system* hutan berkenaan dengan yang terpelihara.

Yang Berhormat Hulu Klang telah menyentuh tentang Bukit Taboh, Permatang Kuarza sebagai usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan sebagai taman pengiktirafan dunia UNESCO ataupun Tapak Warisan Kebangsaan. Kita sebenarnya telah bermula 2 tahun yang lalu, 26 Jun 2013. Sehingga kini Jabatan Warisan Negara sedang mengeluarkan Notis Niat di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan seterusnya proses-proses berkaitan tentang pewartaan Permatang Kuartza Gombak, Selangor akan diteruskan. Jadi, kita telah dengar beberapa dakwaan bahawa Permatang Kuartza, Gombak, Selangor akan diberi milik, akan di tembus oleh Lebuhraya Jajaran TNB, paip air dan sebagainya. Itu semua tidak betul, sebenarnya kawasan itu akan dikekalkan kerana kita bukan sahaja ingin mendapat status Warisan Negara, Tapak Warisan Negara tetapi juga pengiktirafan dunia *international ratination* dengan izin. Jadi bagi memastikan perjalanan program itu berjalan lancar, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan. Sebagai contohnya, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor, Perhutanan Negeri Selangor, PERHILITAN, FRIM dan juga Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor telah melaksanakan pelbagai langkah pro-aktif supaya kita boleh menghasilkan penerbitan dan juga memberi bukti pengukuhan kepada nilai universal sejagat dengan izin *Out Standing Universal Value (OUV)* terhadap tapak Permatang Kuartza tersebut. Ada

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Penjelasan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: *Let me finish my sentence* ye, dengan izin. Ada 3 buku cetakan yang telah ataupun report yang telah dihasilkan sejak 2013 termasuk kajian saintifik Permatang Kuartza Gombak, Selangor dengan kerjasama

Institut Bencana Asia Tenggara, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kajian Penilaian Saintifik Ciri-ciri Fizikal menggunakan teknologi lidah di Permatang Kuartza dengan kerjasama UTM Kuala Lumpur dan juga Buku *Coffee Table* Permatang Kuartza yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada 28 September 2015.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, Hulu Klang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat EXCO. Sejak peristiwa ini, ada satu yang baru, sebelum ini berlaku kematian. Kemudian dikuatkuasakan penjagaan dan kawalan yang lebih teratur, kemudian selepas tu berlaku sedikit kelonggaran balik. Ada satu kematian lagi. Jadi, ini menunjukkan ketidakpuasan pengawasan yang berlaku adakah ia akan menjejaskan permohonan Kerajaan Negeri Selangor untuk menjadikan tempat itu sebagai Warisan Nasional.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Hulu Klang. Pengiktirafan ataupun permohonan untuk mendapat status tapak warisan negara bergantung kepada fakta-fakta saintifik ataupun geologi, sejarah dan sebagainya. Tentang penguatkuasaan ataupun pemantauan, ini adalah satu perkara di mana kita telah bincang dengan Jabatan Perhutanan, hanya ada satu laluan yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri tetapi kalau ada orang yang sangat *adventures* ingin menggunakan jalan lain untuk naik ataupun mendaki Permatang Kuartza ataupun Bukit Tabo dan sebagainya, dan ini menyusahkanlah usaha Kerajaan Negeri untuk menjamin keselamatan penduduk-penduduk ataupun pendaki-pendaki. Kerajaan Negeri bukan ingin menyekat orang mendaki Bukit Taboh tetapi kita ingin membuat laluan khas tersebut untuk menjamin keselamatan. So ini dua topik yang berbeza dan saya harap mungkin Yang Berhormat Hulu Klang bersama dengan penduduk-penduduk di sana boleh memberi nasihat kepada sesiapa yang memang suka mendaki Bukit Taboh, memang sangat cantiklah pemandangannya tetapi tiada ciri-ciri keselamatan di sana yang oleh sebab itu bukan sahaja satu kematian, *Ithing* setiap 2, 3 tahun kita rasa ada lebih daripada 5 ataupun 6. Setiap kali ada orang kemalangan dan meninggal dunia kita boleh lihatlah *trend* tiba-tiba orang takut nak ataupun mereka gunakan laluan yang lebih selamat. Selepas itu orang senang lupalah, mereka cuba lagi. Jadi, ini adalah usaha, saya rasa usaha yang kita perlu bekerjasama antara mungkin pusat khidmat Hulu Klang, Jabatan Perhutanan dan juga Persatuan-persatuan Penduduk yang mengelilingi Bukit Taboh supaya kita boleh memberi nasihat kepada semua jangan guna laluan yang tidak sah yang tidak dibenarkan oleh Jabatan Perhutanan, guna jalan ataupun laluan yang ada *guard*, ada pegawai di sana untuk membantu kalau ada kemalangan dan sebagainya.

Jadi, Hulu Klang juga ada sentuh tentang Batu Caves, betul, dalam ucapan Hulu Klang. Dan Batu Caves juga adalah satu tapak warisan yang penting untuk Kerajaan Negeri. Baru-baru ini perkara ini telah di bincang di mesyuarat MMKN bulan Mac

dan keputusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengadakan satu Jawatankuasa Pengurusan Khas untuk memelihara dan juga memulihara bukit Batu Caves khususnya selepas kebakaran yang tidak pernah berlaku di Batu Caves. Dan pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan ini Sekretariatnya adalah Jabatan JPBD, Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan kita akan bermula untuk mengkaji kawasan tersebut supaya kita boleh elakkan kegiatan yang tidak sepatutnya berlaku di sana dan juga memelihara kawasan tersebut dengan penanaman pokok-pokok semula di kawasan tersebut.

Selat Klang juga telah ada, telah sebut, ada sentuh tentang alam sekitar iaitu status projek pemuliharaan pembangunan Sungai Klang. Saya ingin, saya ingin maklum kepada Yang Berhormat, bahawa sebenarnya projek ini telah jalan dan ianya adalah di bawah MBI sebahagiannya. MBI bertanggungjawab dari segi pembersihan Sungai Klang. Sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan untuk projek tersebut yang merangkumi bahagian Sungai Klang di sebelah Shah Alam dan juga Klang dan syarikat Hebat Sehati telah dilantik untuk membuat kegiatan ataupun menjalankan kegiatan pembersihan tersebut. Lembaga Urus Air Selangor melalui Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang juga bertanggungjawab kalau ada sebarang aktiviti yang melibatkan pencemaran sungai di lembangan Sungai Klang. Ini juga adalah satu inisiatif oleh LUAS di mana LUAS memantau beberapa projek besar di sekitar lembangan Sungai Klang termasuk pembinaan jambatan ketiga, pelencongan Sungai Rasa di IICT juga terdapat masalah penternakan di kawasan rizab Sungai Klang, tapak pelupusan sampah haram di rizab sungai, aktiviti pengambilan pasir sungai dan juga beberapa kerja-kerja tanah yang tidak melibatkan kajian impak alam sekitar. Jadi, LUAS telah menyediakan satu pelan pengurusan lembangan sungai bersepadu Sungai Klang *Integrated River Basin Management* IRBM melalui perundingan dilantik dan satu pelan tindakan 5 tahun yang berdasarkan beberapa polisi yang menyentuh tentang pembersihan Sungai Klang telah dimasukkan dalam kajian tersebut. Tambahan juga

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARAN A/L ARULANANDAM:Mencelah

TUAN TIMBALAN SPEAKER:Seri Andalas minta mencelah.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:Ok.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila, sila Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/P ARULANANDAM:Terima kasih EXCO. Sungai Klang ini memang masalah yang dihadapi oleh Negeri Selangor dengan pencemaran air dan sebagainya. Adakah LUAS dan Pejabat EXCO juga ada cadangan untuk haramkan terus menggunakan beg plastik yang juga penuh di dalam sungai dan longkang dan juga polisterin yang kita nampak? Kalau boleh saya nak

minta Kerajaan Negeri kaji cadangan ini untuk haramkan terus plastik beg dan polisterin di dalam negeri Selangor. Kalau boleh.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Kerajaan Negeri menyambut baik saranan daripada Seri Andalas dan Kerajaan Negeri telah jawab dua hari yang lalu dalam Dewan yang mulia ini semasa sesi soal jawab di mana kita sedang mengkaji untuk mengharamkan penggunaan beg plastik dan juga polisterin. Dan satu Kertas MMKN akan dibentangkan pada masa yang terdekat tentang isu ini.

Tapi tentang projek pembersihan ini, saya juga ingin maklum kepada Dewan yang mulia ini ada satu jawatankuasa induk yang telah menjalankan beberapa aktiviti. Pengerusinya adalah di bawah UPEN dan juga ada satu lagi jawatankuasa teknikal pembangunan di bawah JPBD. Dan antara projek selain daripada pembersihan, ada satu projek yang melibatkan dua PBT iaitu MBPJ dan juga MPSJ. Satu kajian pembangunan antara dua PBT ini telah diluluskan. Kajian ini dipanggil (dengan izin) *Klang River redevelopment and rehabilitation master plan and planning guide line on river bank development*. Dan kajian ini akan bermula pada suku ketiga 2016 dan akan mengambil 6 bulan untuk menyelesaikannya. Mengapa 2 PBT ini? Kerana Kerajaan Negeri telah mengkaji bahawa di sebelah ataupun di hujung ROL (*River of Life Project*). Air yang bakal masuk di dalam sempadan MBPJ dan juga MPSJ adalah kelas 2B. Ini jangkaan merekalah selepas projek *River of Life* di sebelah DBKL habis, kualiti air yang dihasilkan adalah kelas 2B. Jadi, Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengekalkan kelas ini kerana ini adalah hasrat Kerajaan Negeri di mana kita ingin menambah lagi menambah baik lagi kualiti air khususnya di Sungai Klang. Jadi, selepas projek ini diselesaikan (dijangka 2017), kajian ini juga akan dibentangkan (saya rasa) kepada khasnya PBT dan juga ADUN-ADUN yang ada kaitan tentang kawasan yang meliputi kajian tersebut.

Y.B.PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Mohon mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B.PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Sementara kajian yang nak dijalankan dalam suku ketiga tahun 2016 ini siap, apakah tindakan Pihak Berkuasa menangani isu pencemaran sungai yang saban hari berlaku? Seperti mana yang saya bangkitkan dalam perbahasan saya semalam, perbincangan telah dimulakan lama sudah dan makluman kepada Pihak Berkuasa LUAS, PBT, Pejabat Tanah dan Daerah dan sebagainya telah dalam pengetahuan mereka dan juga dibincangkan dalam mesyuarat dipengerusikan oleh Kerajaan Negeri. Jadi, tapi sehingga kini tidak ada apa-apa tindakan tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang ini. Jadi, saya tak yakin lah kalau kita *come out with the good* kajian, tapi sehingga ke hari ini pun kita tak dapat tangani pencemaran yang berlaku.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Saya rasa Y.B. Taman Medan sebut adalah di kawasan rizab sungai dekat Taman Medan. Ada kongsi

Y.B.PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Itu pencerobohan. Tetapi pencemaran sungai....

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Pembuangan?

Y.B.PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Ya, pembuangan barang lusuh ke dalam sungai.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Ya. Pembuangan ataupun *store* bahan-bahan lusuh di rizab sungai berdekatan dengan ataupun di dalam DUN Taman Medan khususnya. Ini adalah satu aduan yang dibawa senantiasa oleh Taman Medan. Untuk makluman Taman Medan, untuk menangani isu ini khususnya *store* ataupun perniagaan bahan-bahan lusuh yang sebenarnya tidak ada lesen ataupun mereka buat secara haram. Ianya memerlukan operasi sepadu dan kita telah bincang perkara ini khususnya kerana ini bukan isu bahan lusuh sahaja, tetapi isu tapak pelupusan sampah haram yang semakin lama kita boleh lihatlah walaupun kita telah tutup. Katakan di tapak A, mereka akan buka di tapak B dan sebagainya. Jadi, kita macam kejar mereka. Jadi, MMKN telah memutuskan supaya satu jawatankuasa khas di bawah Dato' Setiausaha Negeri (Dato' SS) akan *lead* (dengan izin) dalam isu ini untuk (satu) menutup kawasan-kawasan khususnya tapak pelupusan sampah haram dan (dua) termasuk rizab sungai, termasuk di kawasan Taman Medan.

Y.B.PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Buat makluman Y.B. EXCO, perkara ini sudah pun berlaku sebenarnya. Pengerusi (seperti yang saya sebut) di pengerusi oleh mantan Setiausaha Kerajaan Negeri yang sebelum ini pada tahun 2014. Tapi sehingga hari ini, pengoperator barangan lusuh itu masih buang sampah ke dalam sungai malahan ada tambahan kepada orang yang membuat pencemaran itu lagi.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Kita mengambil berat aduan daripada Y.B. Taman Medan dan kita akan turun untuk membersihkan kawasan tersebut sekali lagi. Kawasan tersebut memang dibersihkan banyak kali.

Y.B.PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Saya tak setuju kita membersihkan pencemaran yang telah dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab. Apa yang perlu dilakukan adalah tindakan tegas, tindakan undang-undang terhadap mereka yang telah melanggar undang-undang tersebut.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Itu selarilah. Bukan saja kita bersihkan, kita perlu tangkap juga. Ok. Terima kasih. Saya ada beberapa lagi isu yang berkaitan dengan alam sekitar.

Y.B. Teratai telah bangkitkan projek jajaran talian penghantaran elektrik TNB khasnya daripada Mahkota Cheras Hartamas ke PMU Mahkota Cheras dan Yang Berhormat telah mengatakan kerisauan bahawa tanah-tanah hutan simpan kekal itu akan di beri milik ataupun di keluar warta. Untuk makluman Y.B. Teratai, sebenarnya tiada kawasan hutan simpan kekal di jajaran talian penghantaran elektrik TNB di warta keluar. Untuk jajaran TNB, kita memberi permit penggunaan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan kita bukan memotong hutan sewenang-wenangnya, kita pastikan bahawa sempadan seberapa boleh sempadan hutan simpan digunakan sebagai jajaran dan lebarnya tidak lebih daripada 70meter ataupun 80 meter ataupun dalam bahasa TNB 3 ataupun 4 rantai sahaja. Jadi, kita ingin tegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kita bukan sesuka hati bagi TNB masuk sahaja. Tapi kita memang ada perbincangan lama

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Minta penjelasan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: supaya sempadan sahaja yang kita beri laluan tersebut.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Mencilah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ada dua. Balakong dengan Teratai. Nak bagi siapa dulu? Ini soal Teratai. Teratai dulu.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih. Saya ingin nak tanya Y.B.EXCO berkenaan dengan hutan simpan Bukit Sungai Puteh itu dicadangkan dikeluarkan bukan disebabkan menara TNB, adalah disebabkan cadangan untuk memberi laluan Lebuhraya SUKA. Bagi penebangan yang berlaku untuk pemasangan menara-menara TNB itu, apa yang kita nampak ataupun penduduk nampak bahawa yang pokok-pokok telah ditebang sewenang-wenangnya yang menyebabkan kejadian tanah runtuh pernah berlaku dan banjir kilat sedang berlaku dan juga bagi menara TNB pilon ini mengikut kajian yang mana sepatutnya menara-menara TNB pilon itu tidak patut mengelilingi Taman Cheras Hartamas iaitu satu-satunya taman yang saya rasa di seluruh dunia yang mana dikelilingi oleh menara-menara TNB itu. Adakah Kerajaan Negeri Selangor mengkaji bahawa bagi menara-menara TNB ini daripada mengelilingi Taman Cheras Hartamas itu sepatutnya dia mengikut jajaran asal walaupun jajaran asal itu ialah 33 kilo vot yang mana jauh lebih rendah daripada apa yang sedang berlaku di tapak (di kawasan) sekelilingi Taman Cheras Hartamas demikian.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Teratai. Bukan bidang kuasa saya untuk menentukan jajaran TNB. Saya akan serah kepada Y.B. Taman

Templer yang bertanggungjawab tentang kemudahan awam, infrastruktur dan sebagainya. Kerana ini saya hanya boleh jawab dari segi hutan simpan sahaja. Saya harap Yang Berhormat fahamlah maksud tersebut.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih bagi Y.B.EXCO. Berkenaan dengan cadangan untuk mengeluarkan Bukit Sungai Puteh daripada hutan simpan yang mana sekiranya saya ingin nak menarik perhatian Dewan yang mulia ini, sekiranya kita membuat carian melalui 'google' daripada setengah saat sahaja kita dapat 24,000 berkenaan dengan berita ataupun artikel berkenaan dengan Bukit Sungai Puteh yang mana termasuk Bukit Saga, Bukit Ketumbar, Bukit Apit yang mana ketiga-tiga bukit ini sepatutnya sebahagian adalah merupakan hutan simpan buat masa kini. Dan hala tuju kerajaan Selangor adalah menggalakkan penduduk untuk menggunakan pengangkutan awam dengan satu *target* yang sangat jelas iaitu 40/60 (60 menggunakan pengangkutan awam). Sekiranya kita membenarkan laluan Lebuhraya SUKA ini melalui hutan simpan Bukit Sungai Puteh ini, (nombor satu) ia akan merosakkan alam semula jadi dan alam semula jadi Bukit Sungai Puteh ini adalah di pusat bandar (di tengah-tengah bandar). Ia merupakan tempat tadahan air hujan dan juga tembok penahan alam semula jadi seperti mana titah Tuanku dan untuk makluman

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Teratai mengulangi soalan Teratai kelmarin.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Ya, saya cuma nak tanya Y.B.EXCO sama ada bagi cadangan laluan SUKE Highway (laluan Lebuhraya SUKE) ini kena kaji dengan sama ada keperluan Lebuhraya SUKE ini di negeri Selangor memandangkan sasaran Kerajaan Negeri Selangor adalah untuk 40/60. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Y.B. Teratai. Saya memang kagum atas keprihatinan Y.B. Teratai yang membangkitkan perkara ini bukan hari ini ataupun semalam tetapi dah berbulan-bulan. Tapi saya juga ingin menyebut beberapa fakta di sini. Satu adalah tidak betul pokok ditebang sewenang-wenangnya. Jabatan Hutan tidak akan membenarkan. Penebangannya sangat (apa) tepat. 70 sehingga 80 meter ataupun 3 sehingga 4 rantai sahaja. Jadi kalau kita lihat beberapa gambar, ya kita boleh lihat laluan tapi di sebelah kiri kanan kita mengekalkan hutan simpan seperti sebelum ini. Keduanya, bila kita Y.B. Teratai sebut Hutan Simpan Sungai Puteh. Bukan keseluruhan hutan simpan. 30hektar yang dicadangkan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Y.B. Bukit Lanjan, sambung petang nanti.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Alamak! *Sorry*. Maaf.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat sekalian.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: *Ithought* 12.30.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk dulu. Jam telah menunjukkan jam 12 tengah hari. Saya tangguhkan Sidang sehingga jam 3 petang. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari)
(Dewan disambung semula)**

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER: Dewan disambung semula. Saya persilakan Yang Berhormat Bukit Lanjan untuk meneruskan penjelasan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Tuan Speaker, saya hanya ada 3 perkara lagi untuk dijawab dalam Dewan yang mulia ini. Satu adalah daripada Yang Berhormat Sungai Burong telah mendakwa bahawa ammonia punca ikan mati di Sungai Selangor pada 4 Februari 2016. Sebenarnya fakta adalah berikut: - Lembaga Urus Air Selangor telah menerima aduan pada ketika itu berkenaan air berbuih dan ikan mati di Sungai Selangor daripada pihak SPLASH. Sehubungan dengan itu siasatan telah *dijalan* di kawasan Sungai Sembah, Sungai Kundang dan Sungai Garing. Pada sebelah petang, lokasi punca dikenal pasti iaitu daripada loji rawatan kumbahan air IWK Bukit Beruntung. Pihak LUAS menjalankan pensampelan di saluran berhampiran loji tersebut. Dan berdasarkan maklumat yang diperolehi terdapat aliran *discharge* tanpa kebenaran ke dalam loji IWK tersebut yang menyebabkan fasiliti tersebut berbuih. Pihak LUAS juga telah mengambil inisiatif untuk menghantar sampel ikan kepada ENFORCE UPM untuk tujuan forensik. Pihak JAS telah juga mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap premis yang telah dikenal pasti. Melepaskan *discharge*. Apa yang kita telah dapati adalah satu ianya bukan racun, dua ianya bukan ammonia oleh sebab itu loji pembersihan air di sepanjang Sungai Selangor itu masih boleh jalan pada ketika itu. Ianya adalah satu kes di mana kekurangan dengan izin *Dissolved oxygen* ataupun DO yang menyebabkan ikan mati dalam sungai tersebut.

Yang Berhormat Permatang dan juga Yang Berhormat Sungai Burong telah menyentuh tentang pencemaran dekat Sungai Langat tapi apa yang hairan adalah ia kedua-dua YB telah mengaitkan perkara ini dengan projek mitigasi khasnya di Kuala Langat. Sebenarnya isu pencemaran Sungai Langat yang membabitkan tiga loji pembersihan air iaitu dekat Sungai Langat Cheras Batu Sebelas dan juga Bukit Tampoi telah berlarutan dan Lembaga Urus Air Selangor telah adakan beberapa inisiatif untuk mengatasi masalah pencemaran mangan dan ammonia tersebut. Antaranya adalah untuk terlaksana operasi pembenihan awam ataupun *cloud seeding* seperti yang dilaksanakan pada tahun 2015 seperti di Lembangan Sungai Langat. Untuk meningkatkan intensif seperti hujan dan kuantiti sumber air, operasi

dilaksanakan secara intensif di Lembangan Sungai Langat bagi meningkatkan kadar pencairan di dalam Sungai dan dalam bagi tahun 2016 operasi *cloud seeding* dengan izin telah bermula sejak 16 Januari yang lalu dan kita juga mengawal pelepasan air Empangan Sungai Langat bagi memastikan pelepasan dilaksanakan cara optimum dengan mengambil kira sumber air yang sedia ada pada masa yang sama kita juga menyalurkan air dari terowong Langat 2 ke Sungai Langat sebanyak 300 juta sehari yang bertujuan untuk memberdaya ketahanan dan meningkat kadar pencairan dalam di Sungai Langat untuk loji-loji pembersihan air. Kita juga menyediakan sumber air tambahan melalui kolam warta orang asli di daerah Sepang untuk kegunaan loji pembersihan Bukit Tampoai bagi memastikan kelangsungan bekalan air daripada loji tersebut dan mengelakkan pencemaran akibat peningkatan para meter mangan dan ammonia di dalam sungai dan penguatkuasaan yang tegas dan juga kempen bersama dengan SPAN untuk membersihkan khasnya dengan izin *individual septictank*. Selain daripada itu kita telah memohon tindakan daripada Kerajaan Persekutuan untuk mengetatkan lagi kualiti pelepasan ammonia daripada loji-loji kumbahan daripada yang dikuatkuasakan oleh Akta Alam Sekeliling 1974 dan Akta Industri Air 2006. Akhirnya Tanjung Sepat telah membawa isu tentang pembersihan di pantai dan khasnya program yang dijalankan oleh Lembaga Urus Air Selangor iaitu Program Pantai Angkat Negeri Selangor.

Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Tanjung Sepat kerana 2 tahun berturut-turut pantai di Tanjung Sepat yang menang pantai yang terbersih di Negeri Selangor. Pada tahun 2014 Batu Laut, 2015 Pantai Chenang, Sekinchan saya belum nampak lagi, tapi ada peluang pada tahun ini kerana kita akan sambungkan program ini iaitu daripada bulan Mei sehingga November 2016 dengan kelulusan peruntukan sebanyak RM30,000.00 oleh STANDCO Alam Sekitar untuk melaksanakan penilaian majlis penyampaian hadiah dan juga hadiah-hadiah pemenang. Jadi saya beri notis awal kepada Sekinchan, Tanjung Sepat, Jeram siapa lagi Yang Berhormat yang ada pantai bersihkan secepat mungkin.

Y.B. TUAN IR HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Penjelasan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO kerana memberi penjelasan tentang pertandingan pantai angkat terbaik Selangor. Saya ingin tanya apakah Tanjung Sepat dibenarkan semula untuk menyertai pertandingan ini.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Semua pantai-pantai termasuk Sungai Pelek, Bagan Lalang semua digalakkan untuk menyertai dan kalau ada pantai baru kita akan mengambil maklum. Saya ingin mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat mengambil bahagian dalam pembahasan minggu ini dan kita harap dengan kerjasama rapat Yang Berhormat-Yang Berhormat kita boleh menangani segala isu yang berhadapan dengan, di hadapan kita dan juga demi rakyat. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD: Tuan Speaker. Kerajaan Negeri Selangor menyambut baik saranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang ingin memperlihatkan Selangor bukan sahaja sebagai sebuah hak pendidikan serantau tetapi juga didorong oleh falsafah bersepadu dan berkualiti. Kerajaan Negeri Selangor juga menyedari batasan di dalam membentuk sebuah dasar pendidikan yang menyeluruh oleh sebab peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Persekutuandalam hal ini. Falsafah Pendidikan Negara masa kini seakan-akan telah tersasar dari matlamat asas pendidikan itu sendiri yang sepatutnya melahirkan modal insan cemerlang bertaraf global. Penasihat Ekonomi Negeri Selangor Dato' Seri Anwar Ibrahim memegang jawatan Menteri Pendidikan telah mengesyorkan ataupun telah menggagaskan falsafah pendidikan negara agar ia menjadi tunjang kepada sistem pendidikan kebangsaan dalam melaksanakan prinsip-prinsip dan nilai-nilai untuk mempertingkatkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Falsafah pendidikan yang diketengahkan berhasrat untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek dan rohani, emosi dan jasmani berdasar kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Pada masa ini malang sekali dasar pendidikan negara bagaikan tidak menyentuh isu-isu yang lebih besar seperti falsafah pendidikan negara, pendemokrasian pendidikan, pendidikan orang asal, pendidikan khas, pendidikan vokasional dalam konteks pembinaan negara yang maju antara lainnya. Bagi Kerajaan Negeri Selangor pula, kami memperlihatkan kemajuan negeri hanya mampu tercapai sekiranya nilai pendidikan dimartabatkan sebaiknya bukan sahaja di bangku sekolah. Oleh itu Jawatankuasa Tetap, saya terus dengan usaha kami melatih lebih ramai para guru dengan kaedah-kaedah perguruan yang terbaik dengan kursus-kursus profesional bagi guru-guru JAIS dan KAFA. Selain pada itu melalui program insan, kami juga berusaha menerapkan nilai-nilai murni dari insaniah bukan sahaja di kalangan pendidik tetapi juga kepada belia remaja, ibu bapa serta pemimpin masyarakat kerana setiap mereka mempunyai peranan penting di dalam usaha memartabatkan pendidikan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu pendidikan dan pembangunan modal insan semasa sesi perbahasan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Tentang isu Tadika Rakyat yang telah dibangkitkan oleh Seri Andalas, Kerajaan Negeri hendak berterima kasih kepada Yang Berhormat Seri Andalas di atas inisiatif beliau sebagai mantan EXCO dahulu kerana telah menubuhkan Tadika Rakyat di beberapa kawasan di Negeri Selangor untuk bantu, membantu meringankan beban rakyat berpendapatan rendah terutamanya, menerusi Kerajaan Negeri telah membantu perjalanan tadika rakyat menerusi geran kepada operator *child* dan juga program pemantapan guru dan juga skim TUNAS yang disediakan untuk tadika-tadika di seluruh negeri Selangor. Kerajaan Negeri selain daripada itu juga Yang Berhormat Seri Andalas menyebut tentang *endowment fund* untuk UNISEL. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam lagi dan sebelum diputuskan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Tentang kolej vokasional juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seri Andalas, Kerajaan Negeri sememangnya mengakui peranan pentingnya yang boleh dimainkan pendidikan aliran vokasional untuk menghasilkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Sehubungan dengan itu sebagaimana telah disebut oleh Sungai Pinang dalam penggulungan beliau sebuah jawatankuasa khas bagi mengkaji modal pendidikan vokasional sereta menggubal dasar serta untuk memperkasakan lagi aliran ini akan ditubuhkan. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh saya sendiri, dan dianggotai oleh wakil Kerajaan Negeri UNISEL INPENS dan INVEST Selangor. Antara perkara yang sedang dipertimbangkan juga adalah untuk memperkasakan lagi INPENS International Kolej dengan menyemak semula kurikulum sedia ada agar ia sejajar dengan keperluan masa kini. Kerajaan Negeri Selangor juga mahu INPENS lebih menumpukan usaha untuk memberi latihan kepada belia tempatan terutamanya golongan yang tercicir iaitu yang tidak menamatkan persekolahan atau gagal mendapatkan keputusan cemerlang di dalam peperiksaan. Kerajaan Negeri juga akan mempertimbangkan keperluan INPENS untuk mewujudkan lebih banyak pusat latihan di seluruh Selangor ataupun menjalankan kerjasama dengan pihak swasta. Selain daripada INPENS, Kerajaan Negeri juga berhasrat memperkukuhkan lagi hubungan dengan Selangor *Human Resource Deveopment Center* (SHDC) dan mahu memainkan peranan yang lebih besar di dalam SHDC mempunyai matlamat yang sama dengan Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan kemahiran belia dan penglibatan di dalam industri. Untuk makluman SHDC ialah sebuah badan *tryperty* antara Kerajaan Negeri Kerajaan Persekutuan dan juga pihak Industri. Tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batang Kali.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:Terima kasih Speaker, terima kasih EXCO. Boleh saya minta EXCO juga pertimbangkan yang kita sudah ada sekarang dua sekolah tadika yang dibina dan sebab ini ialah untuk keluarga-keluarga yang pendapatan rendah dan kita yang bagi subsidi kepada tadika ini. Bolehkan Kerajaan Negeri pertimbangkan untuk bina dua lagi di kawasan-kawasan penduduk pendapatan rendah contohnya satu ialah di Kapar yang dibuat lagi satu di Hulu Selangor dekat dengan Batang Kali. Terima kasih.

Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD: Saya baru nak jawab soalan Batang Kali, Batang Kali dapat tadika. Jadi kita akan mengkaji perkara tersebut dan lihat terbaik bagi menyumbang kepada lebih banyak lagi tadika rakyat di Negeri Selangor. Yang Berhormat Batang Kali memaklumkan tentang dakwaan kekurangan pelajar yang memasuki UNISEL dan KUIS sejak akhir-akhir ini dan meminta Kerajaan Negeri mengambil langkah segera untuk mengatasinya. Bagi makluman Yang Berhormat sekalian, kemasukan pelajar ke KUIS meningkat sejak tahun 2012. Peningkatan kemasukan pelajar adalah pada kadar 30 sehingga 40 peratus setiap tahun antara 2012 hingga 2015. Tentang UNISEL kita memang menyedari ada beberapa cabaran yang dihadapi oleh UNISEL dan Kerajaan Negeri dalam usaha untuk memperkasakan UNISEL sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang cemerlang

dan disegani untuk melahirkan modal insan yang dapat memberi sumbangan kepada masyarakat di Negeri Selangor. Ini selaras dengan saranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku meminta agar kualiti pendidikan dapat dipertingkatkan. Sebagai permulaan Kerajaan Negeri telah pun melantik Presiden dan Naib Presiden Canselor baru UNISEL Yang Berbahagia Profesor Dato' Ridzuan Othman pada awal tahun ini melalui satu proses yang menggunakan jawatankuasa Gelintar ataupun *search comunity*. Ini berbeza dengan amalan di peringkat Kerajaan Persekutuan di mana Naib Canselor dilantik secara terus oleh pihak Menteri. Lantikan beliau dibuat berdasarkan kelayakan beliau sebagai seorang ahli akademik yang bertauliah serta cemerlang dalam pentadbiran dan penyeliaan sepanjang perkhidmatan bersama di Universiti Malaya. Pada ketika ini antara perkara yang diutamakan Canselor baru adalah mempertingkatkan jumlah pelajar di UNISEL. Dalam perkara ini UNISEL sedang bergiat aktif dengan memasarkan Universiti ke seluruh negeri dan pelbagai perkara telah dan sedang dilakukan antaranya memperdayakan lagi, memperdayakan lagi jabatan pemasaran UNISEL di samping mengadakan kerjasama dengan pihak Yang Berhormat-Yang Berhormat di seluruh Negeri Selangor untuk menyebarkan tentang peluang menyambung pelajar di UNISEL. Baru-baru ini juga saya telah mengiring Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam lawatan ke UNISEL untuk mengetahui lebih mendalam tentang permasalahan dan kekurangan yang dihadapi oleh universiti. Pemantauan ini telah memberi gambaran yang jelas mengenai keperluan universiti dari sudut prasarana terutamanya. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri telah memberi komitmen terhadap kepimpinan baru UNISEL dengan memberikan peruntukan ataupun pinjaman berjumlah sebanyak RM44 juta untuk sebarang kerja pembangunan yang diperlukan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan program khusus untuk membantu meningkatkan kemasukan pelajar ke UNISEL dan KUIS iaitu Program Tabung Biasiswa Selangorku dan Program Bantuan Sara Diri. Tabung Biasiswa Selangorku diperkenalkan pada tahun 2015 di mana biasiswa ini akan diberikan kepada pelajar-pelajar UNISEL dan KUIS sahaja yang layak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Seramai 103 pelajar UNISEL dan KUIS telah dianugerahkan Biasiswa Selangorku untuk sesi pertama yang dilancarkan pada 22 Mac yang lalu. Bagi Bantuan Sara Diri pula pelajar UNISEL dan KUIS yang layak akan menerima bantuan sebanyak RM800.00 sebulan bagi tempoh tiga bulan berturut-turut sementara menunggu bantuan PTPTN.

Yang Berhormat Damansara Utama pula mencadangkan Kerajaan Negeri menyediakan Kursus Intensif Bahasa Inggeris bagi meningkatkan lagi tahap penguasaannya di kalangan pelajar dan mahasiswa. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan Yang Berhormat Damansara Utama dan pada tahun 2015 Kerajaan Negeri telah menganjurkan beberapa program yang akan saya senaraikan selepas ini di peringkat tadika dan universiti dan di samping ia juga menjadi mata pelajaran utama di dalam program tuisyen rakyat negeri Selangor namun kami percaya lebih banyak boleh dilakukan dengan input daripada semua pihak. Antara program-

program yang telah dilaksanakan adalah Program Kem Bahasa Inggeris bersama pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah. Program Selangor *English Fun Camp*. Program Bengkel Permainan *Scrabble* dan Program Pelaksanaan Modul Ben and Bella kepada 10 jenis, 10 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Pada tahun ini juga kita mendapat maklumat awal bahawa buat pertama kali Jabatan Pendidikan Negeri Selangor bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk menganjurkan pertandingan *Choral Speaking* di peringkat Negeri Selangor. Jadi kita mengalu-alukan kerjasama tersebut. Yang Berhormat Kajang mencadangkan penubuhan institut kara

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta mencelah

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Ya.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tapi cadangan saya adalah *among* graduan yang *unemployed* yang tak dapat kerja, yang menganggur sebab Bahasa Inggeris mereka tidak baik adalah berbeza.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Minta maaf, kita akan mengkaji cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Damansara Utama. Yang Berhormat Kajang mencadangkan penubuhan Institut Karamah Insaniah yang menjadi pemangkin kepada Hub Pendidikan Insaniah Sedunia. Ini kita akan kaji di peringkat Kerajaan Negeri.

Seterusnya Yang Berhormat Kampung Tunku ingin mendapatkan penjelasan mengenai status peruntukan RM5 juta untuk Biasiswa Pascaijazah ataupun PhD. Jawapannya Biasiswa Pascaijazah adalah Program baru yang dikenali sebagai Program Khas Selangor Brand Bang. Ia merupakan program biasiswa yang pertama kali seumpamanya diwujudkan oleh Kerajaan Negeri untuk memberi peluang kepada individu yang cemerlang dari segi akademik dan kokurikulum bagi melanjutkan pengajian PhD di dalam bidang strategik di universiti luar negara yang terkemuka. Dalam melaksanakan program ini MMKN pada 2 Disember 2015 telah bersetuju agar peruntukan diluluskan sebanyak RM8 juta setahun di mana peruntukan awal yang diberikan adalah sebanyak RM5 juta untuk digunakan pada tahun 2016. Pada masa ini Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat SUK Selangor selaku urus setia Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor dalam peringkat akhir bagi menggubal polisi dan mekanisme pelaksanaan program khas *Selangor Brand Bang* sebelum ia diangkat ke Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor pada bulan lima ini. Tawaran bagi pengambilan pertama dijangka akan dapat dibuat selewat-lewatnya pada akhir 2016.

Seterusnya Yang Berhormat Seri Serdang meminta penjelasan mengenai misi dan etika di dalam universiti untuk mendidik mahasiswa dan kita akan mempertimbangkan cadangan yang beliau telah berikan dan antara program-

program yang telah dilaksanakan misalnya di peringkat UNISEL ke arah tujuan ini termasuklah Program Bakti Siswa, Program Pembangunan Mahasiswa dan Program Kepimpinan Mahasiswa.

Yang Berhormat Bukit Gasing ingin mengetahui status dana kepada Punjabi *Education Center*. Kerajaan Negeri tahun lepas memberi satu dana *one off* kepada Punjabi *Education Center* sebanyak RM50,000.00 dan kita menyedari kepentingan Bahasa Punjabi bagi khususnya bagi peringkat peperiksaan SPM. Bagi tahun 2016 Kerajaan Negeri akan mengkaji dengan terperinci keperluan dan kesannya terhadap pembangunan pendidikan Negeri Selangor dengan mengambil kira populasi masyarakat Punjabi dan juga prestasi akademik. Kerajaan juga mengadakan program dengan masyarakat Telegu ya untuk makluman dalam bidang pendidikan. Yang Berhormat Bukit Gasing juga ingin mengetahui jika terdapat perancangan Kerajaan Negeri untuk memberi bantuan kepada Sekolah Mubaligh. Saya sendiri seorang *Old Boy La Salle*, Petaling Jaya. Sekolah di kawasan Yang Berhormat Bukit Gasing jadi saya pun menyedari tentang kepentingan Sekolah-sekolah Mubaligh. Kerajaan Negeri sekarang sedang membuat kajian terperinci untuk dibawa ke MMKN cadangan untuk memberi bantuan kepada Sekolah Mubaligh dan juga SMJK di Negeri Selangor sebagaimana termaktub di dalam Manifesto pada Pilihan raya Umum yang lalu.

Seterusnya Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu menyebut tentang, menyeru kepada sumbangan kepada oleh Pihak-pihak Yang Berhormat ke arah koleksi buku di Perpustakaan Awam Negeri Selangor. Saya mengalu-alukan cadangan tersebut untuk makluman Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga menyumbangkan buku peribadi beliau dan sehingga kini sumbangan adalah berjumlah 1,300 naskhah. Selain daripada itu juga Kerajaan Negeri menerima sumbangan daripada pihak luar sebanyak 5,700 pada tahun 2013, 4,200 pada tahun 2014 dan 4,200 pada tahun 2015. Antara penyumbang termasuklah Lembaga Zakat Selangor, Yayasan Al-Buqhari, Yang Berhormat Cempaka, Yang Berhormat Rawang, Mantan Yang Berhormat Kajang iaitu YB. Lim Kim Sin, Perpustakaan Negara Malaysia, Seni Reka Arkitek dan juga pihak Worldwide. Tentang cadangan untuk membenarkan syarikat swasta melaksanakan program pembangunan perpustakaan Kerajaan Negeri menyokong kajian semula Dasar Tanah untuk membenarkan syarikat swasta melaksanakan pembangunan ini. Ini kerana faktor kekurangan kewangan Perbadanan Perpustakaan untuk membina perpustakaan di atas tanah yang telah diberi milik atau diwartakan untuk tujuan perpustakaan. Antara cadangan yang diterima setakat ini adalah daripada Syarikat Narajaya bagi satu projek perpustakaan di Cheras dan kita akan mengkaji cadangan tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat Damansara Utama ada juga membangkitkan tentang kelajuan Internet di bawah perkhidmatan *Wifi Smart* Selangor. Untuk makluman, dua syarikat Internet *Service Provider* yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri adalah Syarikat Telekom Malaysia bagi menjalankan pemasangan sebanyak 2,200 hotspot

dan Syarikat Celcom bagi pemasangan 300 *hotspot* perkhidmatan *Wifi Smart* Selangor dan pilihan ISP adalah berdasarkan ketersediaan infrastruktur telekomunikasi bagi liputan Internet ataupun *Internet Coverage* yang meluas dan tersedia untuk pemasangan perkhidmatan *Wifi Smart* Selangor di Negeri Selangor. Sudah sedia maklum kita juga sedia maklum bahawa kemampuan atau pun kelajuan Internet ini bergantung kepada *infrastructure* yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan dan kita sudah sedia maklum malah diakui sendiri oleh Menteri Komunikasi pada bulan September lepas bahawa *service* Internet di negara ini adalah mahal apabila dibandingkan dengan negara serantau dan bukan itu sahaja *servicenya* juga tidak konsisten. Hal ini terjadi sedikit sebanyak diakibatkan keterbatasan yang dihadapi akibat penyediaan infrastruktur Internet yang terkebelakang jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Singapura, malah Vietnam, Thailand dan negara serantau Asia seperti Taiwan dan Korea Selatan. Malah Menteri tersebut juga pernah menyatakan bahawa Malaysia sebenarnya mampu meningkatkan kadar kelajuan Internet seperti di Singapura dan Thailand tetapi enggan berbuat demikian kerana tidak mahu harga terkesan, ini dakwaan Menteri lah kena tanya pada Menteri. Kerajaan Negeri Selangor mengalu-alukan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Damansara Utama untuk mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi masalah ini di dalam bidang kuasa yang ada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan mengkaji dan mengenal pasti kawasan *high speed Internet Area* yang memberi fokus kepada kawasan kediaman, industri, pusat pendidikan luar bandar dan juga komuniti dan kita juga bersedia untuk menaik taraf infrastruktur dengan kelajuan Internet yang tinggi dan konsisten bagi menarik *knowledge based investors* untuk pembinaan aplikasi data *center* dan sebagainya.

Seterusnya tentang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing setakat ini ada 189 perkhidmatan atas talian yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri di seluruh jabatan di Negeri Selangor kita belum ada statistik tentang transaksi yang belum atas talian. Pihak kami akan membuat kajian tersebut untuk sidang yang akan datang.

Dan Yang Berhormat Rawang juga mencadangkan agar Kerajaan menyediakan pelan induk teknologi telekomunikasi Negeri Selangor bagi infrastruktur telekomunikasi di Negeri Selangor dan kita akan menyediakan perkara ini dengan di dalam *Smart State Blue Print* yang akan diterajui oleh *Selangor Service Delivery Unit* (SSDU) MBI.

Akhir sekali Tuan Speaker, sekian sahaja jawapan-jawapan saya kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkaitan pendidikan, pembangunan modal insan, sains teknologi dan inovasi semasa sesi perbahasan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Saya selaku Pengerusi, Jawatankuasa ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut.

TUAN SPEAKER: Taman Templer.

Y.B. TUAN Z Aidy Bin Abdul Talib: *Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Tuan Speaker, saya ingin memberikan respon kepada Ahli-Ahli Dewan yang telah pun mengambil bahagian dalam sesi perbahasan menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang telah pun menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan portfolio infrastruktur kemudahan awam, pemodenan pertanian dan industri asas tani.

Saya mulakan dengan Permatang yang semalam banyak menyinggung berkaitan dengan khususnya berkaitan dengan pembangunan loji rawatan air Semenyih 2 dan juga loji rawatan air Labuan Dagang juga kaitannya dengan Langat 2 yang saya kira inginkan kepada penjelasan dan rasional. Kerajaan Negeri Selangor memandangkan serius perkembangan projek Langat 2 dan apabila projek tersebut hanya dijangka siap pada pertengahan tahun 2019. Kerajaan Negeri Selangor sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab dan peduli rakyat telah meluluskan pembangunan loji rawatan air Semenyih 2 dan loji rawatan air Labuhan Dagang dengan kos sebanyak RM800 juta bagi memastikan bekalan air kepada pengguna sentiasa mencukupi. Kos RM800 juta itu tadi adalah merupai meliputi pembangunan loji rawatan, pengambilan tanah, pemasangan rangkaian, paip air dan pembinaan kolam utama. Pembangunan Semenyih 2 di buat secara reka dan bina. Pelawaan pra kelayakan telah dibuat secara tender terbuka melalui akhbar Selangorkini dan juga Berita Harian mulai pada 1 Disember 2015 dan ditutup pada 15 Disember 2015. Hasil daripada pelawaan tersebut sebanyak 8 syarikat telah berjaya ke peringkat untuk mengemukakan dokumen *pre-q* sebelum tarikh tutup pada 31 Mac 2016. Kerja-kerja tapak diadualkan bermula pada 1 Jun 2016 dan tempoh pelaksanaan adalah selama 18 bulan.

Manakala bagi pembangunan Labuhan Dagang akan dibuat secara konvensional. *Bill of quantities*. Pada ketika ini proses kerja-kerja ukur dan penyukat tanah, *soil investigation* sedang dilaksanakan bagi tujuan reka bentuk terperinci. Mengikut kajian yang telah dibuat tempoh pembinaan loji akan mengambil masa selama 24 bulan. Kerja-kerja tapak dijangka akan bermula pada 1 Jun 2016 dan pembinaan diadualkan siap pada 30 Jun 2018.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan sikit boleh? Saya baca dalam laporan ni sama ada laporan ini betul atau tidak saya tak pasti mengenai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besarlah. Menyatakan bahawa loji ini untuk Labuhan Dagang dan Semenyih ini akan disiapkan pada pertengahan tahun ini 2016. Jadi apakah laporan ini tidak tepat?

Y.B. TUAN Z Aidy Bin Abdul Talib: Terima kasih Permatang. Saya kira saya tidak pasti dirujuk akhbar yang mana tetapi apa yang saya...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Surat khabar Sinar bertarikh ini daripada Menteri Besar Bekalan Air Kritikal 2016. Saya baca di Sinar sebenarnya. Jadi saya pun terkejut kerana pertengahan 2016 kalau ikut sini baru nak mula kerja. Jadi di sini pertengahan dah siap pula. Jadi, itu saya minta penjelasan tu.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:Ok. Terima kasih Permatang. Jangan ambil laporan Sinar tapi ambil apa yang saya nyatakan di sini.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Speaker. Berkenaan dengan air

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:Silakan, silakan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Berkenaan dengan loji rawatan air baru di Labuhan Dagang, saya inginkan kepastian ataupun saya nak pemakluman lebih lanjut jajaran kawasan mana yang dapat membekalkan air, air bersih. Misalannya kalau kita tengok di, di Dengkil sendiri di Loji Bukit Tampoi yang *cover* lebih kurang 10,000 akaun SYABAS banyak terkesan disebabkan masalah ammonia dan masalah-masalah loji terpaksa ditutup. Jadi, saya ingin kepastian samada bila siap loji Labuhan Dagang ni Loji Bukit Tampoi ni sudah boleh ditutup dan ianya boleh membekalkan, loji baru ni boleh membekalkan kepada kawasan-kawasan yang bermasalah seperti di Dengkil.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:Terima kasih Dengkil. Daripada persoalan itu jelas Dengkil mengakui bahawa 2 loji ni sangat penting ya. Bukan seperti....

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tanya dulu, tanya....

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Dengkil. Saya akan meneruskan penerangan ini dan merangkumi persoalan yang ditanya oleh Dengkil. Setelah kedua-dua projek ini siap sepenuhnya, ia mampu untuk membekalkan air sebanyak 300 juta liter air sehari iaitu sebanyak 200 juta liter bagi Labuhan Dagang dan 100 juta liter sehari bagi Semenyih 2. Kerajaan Negeri ingin menegaskan bahawa pembangunan kedua-dua loji ini tidak akan menjadi projek gajah putih ataupun satu bentuk pembaziran. Sebaliknya merupakan satu pelaburan yang strategik kerana walaupun adanya Langat 2, sumber air dari Semenyih 2 dan Labuhan Dagang akan terus digunakan untuk menampung permintaan pengguna. Untuk makluman Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, keputusan Kerajaan Negeri untuk membangunkan projek Labuhan Dagang dan Semenyih 2 adalah berdasarkan kepada rasional-rasional seperti berikut :

1. Dari sudut permintaan dan penawaran. Berdasarkan kepada unjuran permintaan dan penawaran, Selangor dijangka akan mengalami kekurangan air sebanyak 152 juta liter air sehari pada 2018. Tapi jangan berhenti di situ. Kadang-kadang kita ni ambil dan buat laporan

berdasarkan fakta itu sahaja. Sekiranya, ini akan berlaku sekiranya tiada sebarang pembangunan sumber air baru iaitu dengan mengambil kira Projek Langat 2 yang hanya akan siap pada tahun 2019. Dengan siapnya Semenyih 2 dan Labuhan Dagang yang mempunyai kapasiti bekalan air sebanyak 300 juta liter sehari, masalah kekurangan bekalan air untuk tahun 2018 hingga siapnya Projek Langat 2 akan dapat diatasi. Kita lihat dari sudut rizab pengeluaran air. Kalau tanpa sumber air baru, mengambil kira Projek Mitigasi 2 yang telah pun siap sepenuhnya dan dengan andaian NRW pada kadar 33% dan pertambahan permintaan pada 3.5%. Tahun 2015, rizab 2.2% keadaan semasa. 2016, meningkat kepada 3.9% dengan Mitigasi 2 siap dan operasi sekarang. 2017, dia menurun kepada 0.5% yakni tanpa sebarang sumber baru dan 2018 ianya akan menjadi negatif 3.0% jika tiada sumber baru dan 2019 dengan siapnya Langat 2, dia akan meningkat rizab pada 12.8%. Ini tanpa sumber baru. Dengan sumber baru, 2015 seperti yang kita tahu tadi 2.2%. 2016 meningkat 5.3%. 2017, 3.9% sumber tambahan daripada Semenyih 2, 100 juta liter air sehari dan 2018 dia akan meningkat ke 4.2% dengan siapnya Labuhan Dagang 200 juta liter air sehari. Dan 2019, dia akan meningkat peratusan rizab kepada 17.9% iaitu dengan ada sumber tambahan daripada Langat 2.

2. Kerajaan Negeri yang keduanya, dari sudut rasional, Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar 15% rizab air bersih bagi memastikan kelestarian bekalan air kepada pengguna dan industri. Pada ketika ini, rizab bekalan air adalah pada tahap yang sangat kecil iaitu pada tahap 1 hingga 2% sahaja. Keadaan ini secara tidak langsung hanya akan menghadkan keupayaan Kerajaan Negeri untuk memberi bantuan segera sekiranya berlaku kejadian-kejadian di luar jangka.
3. Sekalipun Projek Langat 2 siap sepenuhnya, namun dari segi operasi sistem agihan Langat 2 akan tertumpu untuk Kuala Lumpur, Cheras, AU3 Ampang dan Bukit Jalil. Dan tidak meliputi kawasan yang menerima bekalan dari Semenyih 2 dan Labuhan Dagang. Ini jawapan Dengkil tadi. Pada ketika ini kawasan Klang, Kuala Langat tidak mempunyai loji rawatan air sebaliknya bergantung sumber air daripada Loji Semenyih, SSP 1, SSP 2 dan SSP 3. Justeru itu, apabila berlaku gangguan bekalan air kawasan Klang dan Kuala Langat sering mengambil masa yang lama untuk pulih kerana berada di penghujung sistem.
4. Kita lihat dari segi kos pembangunan CAPEX adalah lebih rendah. Dalam konteks Semenyih 2, kerajaan menggunakan sistem sedia ada manakala bagi Labuhan Dagang, kos CAPEX adalah pada tahap yang

minima iaitu hanya melibatkan pemasangan jajaran paip secara *insitu*. Projek Langat 2 sebaliknya hanya boleh membekalkan air ke kawasan Kuala Langat tertakluk kepada pemasangan jajaran paip baru yang panjang dan melibatkan kos pembangunan yang tinggi.

5. Kos operasi yang rendah. Loji rawatan air Labuhan Dagang dan Semenyih 2 akan menggunakan sumber air mentah dalaman dengan kadar RM0.01 yakni 1 sen bagi 1 meter padu dibandingkan dengan kos air mentah bagi Projek Langat 2 dengan kadar RM0.10 ataupun 10 sen bagi 1 meter padu yang juga akan disemak setiap 5 tahun sekali.
6. Pembinaan Labuhan Dagang di Kuala Langat juga merupakan pelengkap kepada sistem agihan air yang menyeluruh bagi Negeri Selangor terdiri daripada SSP 1, bagi kawasan utara, Sungai Langat dan Semenyih bagi kawasan tengah, Labuhan Dagang bagi kawasan selatan. Rangkaian ini adalah sebagai usaha untuk memastikan keterhubungan sistem agihan yang dapat membantu mana-mana kawasan yang mengalami masalah gangguan bekalan air.
7. Kebanyakan loji air, loji rawatan air utama telah beroperasi melebihi kapasiti seperti LRA, SSP 1

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta penjelasan. Speaker, Speaker minta penjelasan. Saya nak tanya tentang yang Semenyih dan Labuhan Dagang yang menggunakan air dalaman. Dari sungai apa yang, yang dia akan ambil air dan adakah kita ada cukup air mentah di sungai itu?

Y.B. TUAN Z Aidy Bin Abdul Talib: Terima kasih Damansara Utama. Kedua-duanya akan menggunakan sistem kolam, sistem kolam. Sekarang ni kalau di Semenyih 2 itu sudah pun tersedia *pond* A, B dan C. Dan di Labuhan Dagang juga ada kolam yang akan dioperasikan untuk tujuan pengambilan air. Walaupun kedua-duanya adalah bersumberkan daripada Sungai Langat tetapi sebagaimana konsep HORAS ia akan ditakung sewaktu musim tengkujuh dan sebagainya.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Apakah kapasiti kolam untuk loji rawatan air tersebut?

Y.B. TUAN Z Aidy Bin Abdul Talib: Kapasiti secara *detail*, *volume*, bilangan macam dan sebagainya saya akan dapatkan kemudian tetapi telah dibuat kajian dan mencukupi untuk *cover* dalam konteks 300 juta liter air dikeluarkan oleh kedua-dua loji ini daripada sumber kolam seperti yang saya maklumkan.

Y.B. DATUK Sulaiman Bin Abdul Razak: Minta penjelasan sikit. Apakah apa ni, apa pihak LUAS ada mengeluarkan apa-apa kajian yang secara sistematik untuk

kedua-dua apa ni LRA yang akan dibina ini? Saya nak tengok kalau ada sebab dia yang menjaga sumber air mentah kita.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:LUAS adalah sebahagian daripada yang membuat keputusan untuk akhirnya kita memutuskan membina 2 loji rawatan air ni.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan. Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO sama ada mungkin pembinaan kedua-dua loji rawatan air ini dapat dipercepatkan memandangkan setiap kelewatan itu akan memberi impak yang besar kepada Kerajaan Negeri Selangor? Saya lihat dalam penyata yang bakal kita bahas ini sedikit ya, disiap. Katakan bahawa pelantikan akan dimuktamadkan pada 1 April tahun ini iaitu hari ini dan bukannya 1hb. Jun tahun ni. Jadi saya berharap sangatlah kalau ianya boleh berlaku juga ia akan mendatangkan kebaikan kepada rakyat Negeri Selangor.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:Ok, terima kasih kepada Kampung Tunku. Seperti mana yang saya sebutkan tadi dari segi tempoh masa yang diperlukan. Walau bagaimanapun sudah pasti kita ingin memastikan secepat mungkin dapat disiapkan setelah nanti pelantikan kontraktor dan sebagainya kita akan pastikan sedaya mungkin untuk mempercepatkan proses penyiapan 2 loji ini.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta penjelasan sikit lagi untuk loji rawatan air yang baru. Saya, tadi saya tengok angka-angka dari Y.B EXCO tentang dengan penambahbaikan angka-angka untuk 2016 adalah 5.6%. Betul? *Around there right?* Adakah yang itu penambahan itu dari mana? Dan 2017, 2018 sebab apa yang saya nampak ialah satu loji rawatan air kena ada 18 bulan ataupun paling cepat pun *at least a year*. So, adakah ini boleh menampung mendapatkan angka-angka yang dijangka oleh Y.B EXCO dan selepas penambahan itu *before and after?* *Just want the angka.*

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:Terima kasih kepada Damansara Utama yang membangkitkan kebanyakan kepada peratusan rizab pada 2016 ya. Ok, 2016 seperti yang saya sebutkan tadi iaitu tahun ini dengan siapnya projek Mitigasi 2, kita menjangkakan rizab akan bertambah ke 3.9%. Dalam masa yang sama, kita ada juga berurusan dengan pihak KeTTHA untuk membolehkan adanya sumber tambahan daripada NGO-NGONegeri Sembilan yang memungkinkan pertambahan 5.3%. Walaupun sekiranya tidak dapat diadakan sumber tambahan daripada NGO-NGO Negeri Sembilan itu, kita masih lagi berada pada 3.9% dengan projek Mitigasi 2 yang telah pun siap. Saya teruskan dengan penjelasan rasionalnya untuk yang kelapan.

8. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan Projek Langat 2 memang telah pun diperdebatkan sejak awal lagi. Kerajaan Persekutuan sendiri melalui kajian Sumber Air Negara 2050 Semenanjung

Malaysia telah pun menunjukkan kecenderungan untuk mempelopori sumber air dari luar Selangor tanpa terlebih dahulu mengambil kira sumber-sumber air dalaman sedia ada yang lebih murah. Hakikatnya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Negeri Selangor masih mempunyai sumber air yang masih belum dimanfaatkan dan yang paling penting kosnya murah seperti air dari kolam tadahan yang saya nyatakan tadi.

9. Sebagai pengulangan pembangunan 2 loji air ini adalah selaras dengan polisi Kerajaan Persekutuan sendiri untuk menggunakan air di hiliran sebagai sumber air terawat seperti di ORS Sungai Labu dan juga HORAS yang saya maksudkan dengan kolam-kolam yang saya nyatakan tadi.

Maka Ahli Dewan sekalian sehubungan itu, berdasarkan kepada fakta-fakta yang saya sebutkan tadi, ingin sekali lagi saya tegaskan keputusan Kerajaan Negeri untuk membangunkan Loji Rawatan Air Semenyih 2 dan Labuhan Dagang bukanlah satu bentuk pembaziran sebagaimana yang didakwa. Tidak juga sebagai usaha untuk meniadakan keperluan Langat 2 sebaliknya keputusan ini dibuat sebagai langkah strategik dan pelaburan jangka panjang demi menjamin bekalan air yang berterusan dan menyeluruh untuk kebaikan seluruh rakyat Selangor termasuk juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dan ini dilakukan demi untuk menjunjung amanah yang diberi oleh rakyat di samping mendukung komitmen Kerajaan Negeri sebagai kerajaan yang peduli rakyat.

Berkaitan dengan status pelaksanaan dan pembangunan HORAS. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, inisiatif bagi pembinaan kolam HORAS 600 adalah juga sebagai satu langkah Mitigasi bekalan air di Negeri Selangor. Apabila siap sepenuhnya kolam HORAS dijangka mampu untuk menakung sejumlah 30 juta meter padu air, MCM, iaitu separuh daripada kapasiti Empangan Semenyih dan berupaya membekalkan air sebanyak 300 juta liter air sehari daripada loji rawatan air di sepanjang sungai Selangor yang memerlukan sebanyak 3300 juta liter air sehari. Untuk makluman Ahli Dewan, setakat 14 Mac 2016, kerja-kerja pengorekan di kolam HORAS telah mencapai 50%. Seluas 48 hektar kolam telah pun siap. Ketika ini, paras air adalah pada kedalaman -4 meter. Jumlah air yang ditakung adalah lebih kurang 3 juta meter padu. Kerja-kerja pengorekan dilaksanakan oleh KSSB. Dan pembiayaan bagi kerja tersebut dilakukan secara kontra, yang mana KSSB akan menjual pasir tersebut sebanyak bayaran, sebagai bayaran kepada kerja yang dilakukan. Pada ketika ini, kerja-kerja pengorekan adalah tertumpu di kawasan rumah pam yang dijangka siap pada 30 Jun 2016. Keseluruhan kerja-kerja pengorekan kolam dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017. Bagi kerja-kerja pengukuhan tebing pula, telah dimulakan pada 16 November 2015, dan dijangka siap pada 15 Februari 2017. Kos bagi kerja-kerja pengukuhan tebing adalah sebanyak RM28 juta, dan setakat 14 Mac 2016, kerja-kerja ini telah mencapai tahap 18.98%. Walaupun projek HORAS 600 masih belum siap sepenuhnya, projek ini telah dapat membekalkan air mentah sebanyak 160 juta liter air sehari untuk dialirkan ke Sungai Selangor bagi

meningkatkan paras aliran sungai dalam usaha untuk mengurangkan pelepasan air dari empangan Sungai Selangor dan Sungai Tinggi.

Seterusnya beralih kepada Sekinchan yang suka makan beras wangi. Walaupun beras wangi mahal. Harganya RM3.50 hingga RM4.00 sekilogram berbanding harga beras biasa RM2.60 sekilogram. Setakat ini, pihak MARDI telah pun mengeluarkan dua jenis *variety* padi wangi iaitu MRQ 74 dan MRQ 76. Buat masa ini kedua *variety* ini ditanam di luar kawasan jelapang dan kawasan jelapang IADA pekan dan IADA Rompin. Rasional pemilihan kawasan-kawasan ini adalah kerana padi wangi memerlukan kawasan yang khusus dan tidak boleh bercampur dengan *variety* padi lain. Bagi mengelakkan *crossing* ataupun penembungan silang ataupun kahwin campur. Yang akan menghilangkan ciri-ciri wangi padi tersebut. Tanaman padi wangi tidak digalakkan bagi kawasan jelapang lain kerana faktor ini. Padi wangi juga mempunyai potensi hasil yang lebih rendah. Sekinchan sekarang mempunyai hasil yang tinggi. Maka, oleh sebab potensi hasil yang lebih rendah daripada padi biasa, maka penilaian teknikal daripada Jabatan Pertanian khususnya, hanya mengesyorkan ditanam di luar jelapang yang akan mendapatkan bekalan air daripada hujan. Nanti kalau kahwin campur, kurang hasilnya. Jelapang. Jadi kita lakukan di tempat yang lain. Secara umumnya, penanaman padi wangi di Malaysia masih di peringkat perintis dan di selaraskan oleh MARDI di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian akan terus memantau perkembangan ini dan tiada halangan untuk melaksanakan projek ini dimasa hadapan sekiranya ia menguntungkan petani dan tidak mendatangkan kesan-kesan samping terhadap industri padi di negeri Selangor.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta sikit, Tuan Speaker. Minta sikit penjelasan Yang Berhormat EXCO Pertanian, yang begitu prihatin, ya. Dan *response* tentang permintaan daripada Sekinchan untuk kita usahakan menanam beras wangi, padi wangi. Dan saya nampak kita dah lebih 58 tahun, 59 tahun merdeka, baru sampai hari ini, baru kita nak buat perintis beras wangi. Ini satu pendekatan yang cukup lewat, terlalu lewat, baru bangun dari turu, dengan izin, turu itu tidur. Ya, saya harap perkara sedemikian dapat diambil iktibar oleh pihak kementerianlah. Itu satu, dan saya harap, oleh sebab luar negeri, di Cambodia, di Thailand, dan sebagainya, mereka begitu berjaya. Kenapa jelapang-jelapang mereka boleh, di samping beras wangi dan sebagainya. Kenapa kita tak boleh. Saya harap perlu ada kajian terperinci, supaya jangan kita tidak tolak mentah-mentah.

Y.B. TUAN Zaidy Bin Abdul Talib: Terima kasih, Sekinchan di atas *concern* ataupun keprihatinan itu, yang kita akan sampaikanlah kepada pihak-pihak yang sepatutnya. Dan seterusnya, Sekinchan juga ada bangkitkan berkenaan dengan pemotongan pemutuan sebenar. Kerajaan Negeri mengambil maklum tentang pelaksanaan pemutuan sebenar hasil padi yang telah dilaksanakan mulai tahun 2016. Melalui pemutuan sebenar ini, hasil padi akan dibayar berdasarkan hasil bersih sebenar ditolak basah dan juga bahan asing yang lain. Seperti padi muda ,

padi rosak, hampa, jerami, kotoran lain dan sebagainya. Pemutuan ini bertujuan untuk mendidik petani mengeluarkan hasil padi yang bermutu dan berkualiti. Jadi bagi mencapai tujuan tersebut Kerajaan Negeri Selangor, melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor akan terus membimbing petani untuk mengamalkan amalan pertanian baik berdasarkan 10 amalan *rice check*, yang boleh menghasilkan padi yang berkualiti. Petani-petani yang telah mengamalkan pertanian baik akan diberikan persijilan myGAP oleh Jabatan Pertanian. Sehingga tahun 2015 seramai 392 orang petani padi di Selangor telah menerima persijilan myGAP. Dan Jabatan Pertanian mensasarkan seramai 213 lagi akan dipersijilkan pada tahun 2016. Jadi mudah-mudahan dengan kualiti padi Selangor khususnya Sekinchan ini baik, maka dengan pemutuan sebenar itu, ia mampu meningkatkan kualiti dan mengurangkan pemotongan kualiti padi itu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat, saya begitu bimbang sikit tentang, apa, pelaksanaan pemutuan potongan basah yang sebenar ini kerana kalau di kawasan Sekinchan kita kualiti padi memang terkenal dengan kualiti yang tinggi, bukan ada terlalu banyak masalah sangat. Tetapi di luar kawasan Sekinchan, di Sabak Bernam, Sungai Besar, Tanjung Karang dan sebagainya, petani-petani mereka masih kurang bersedia tentang potongan pemutuan yang sebenar ini. Dan dalam keadaan ekonomi yang lembap ini, kalau dilaksanakan dengan tergesa-gesa dan sebagainya, ini akan menjejaskan pendapatan mereka. Jadi ada apa, insentif yang lain, alternatif untuk membantu mereka dalam tempoh sedemikian sukar ini. Sekian terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Sekinchan, berkaitan dengan pemotongan pemutuan ini, di luar daripada bidang kuasa negeri. Negeri hanya boleh membantu para petani sawah ini supaya ini meningkatkan kualiti. Pemotongan sebenar itu adalah satu benda yang saya kira, adil, cuma dari sudut masa dan ketikanya, mungkin seperti mana yang Sekinchan sebutkan tadi. Berkaitan dengan zon kawasan penanam padi, kawasan penanam padi di Kuala Selangor dan Sabak Bernam iaitu di bawah IADA Barat Laut Selangor ini merupakan salah satu daripada lapan jelapang utama di Malaysia. Walaupun secara rasminya, tiada gazet telah diwartakan pada kawasan jelapang padi Selangor, tetapi kawasan ini telah diletakkan di bawah zon kekal pengeluaran padi, jelapang padi strategik di dalam Rancangan Fizikal Negara 2 dan kawasan pertanian utama KPU tahap 1, di bawah Draf Rancangan Struktur Negeri 2035. Dalam usaha mengekalkan kawasan jelapang padi sebagai penyumbang kepada pengeluaran padi negara, Jabatan Pertanian Selangor tidak akan, sebagai agensi yang bertanggungjawab, tidak akan menyokong sebarang bentuk penukaran tanaman ataupun aktiviti lain di atas tanah sawah. Pihak Pejabat Daerah dan PBT telah dimaklumkan agar tiada pembangunan atau penukaran status tanah sedia ada bagi mengekalkan kawasan tersebut sebagai pengeluaran padi dan isu ini ada kaitan dengan dasar Kerajaan Negeri untuk meningkatkan lagi SSL

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker...

Y.B. TUAN Z Aidy Bin Abdul Talib: Pada ketika ini berada pada paras 33% untuk bekalan beras. Silakan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, saya dapati di Sekinchan banyak kawasan-kawasan padi telah dibina dengan rumah-rumah burung walid dan ia ambil kawasan yang agak luas. Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap mereka yang melanggar peraturan ini di Sekinchan.

TUAN SPEAKER: Taman Templer perlu jawab isu yang pernah dibangkitkan dalam perbahasan, ya. Saya bagi 10 minit lagi, Taman Templer.

Y.B. TUAN Z Aidy Bin Abdul Talib: Kita minta Sekinchan siasat. (GELAK). Okey, seterusnya, Teratai ada membangkitkan berkenaan dengan isu pembangunan projek talian penghantaran elektrik dari Taman Cheras Hartamas ke PMU Makhkota Cheras oleh TNB, yang saya kira persoalan yang sama sering dibangkitkan oleh Teratai dan saya kira jawapan yang sama juga saya mampu berikan kepada Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Saya hanya nak dapat pengesahan daripada Yang Berhormat EXCO bahawa penebangan pokok tidak akan lagi berlaku bagi projek pemasangan menara TNB ini. Seperti mana tadi dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO Bukit Lanjan.

Y.B. TUAN Z Aidy Bin Abdul Talib: Okey, terima kasih Teratai. Seperti mana yang kita tahu bahawa, projek TNB ini dia ada membekalkan EMP, *Environmental Management Plan*, yang kita boleh, yang dikawal oleh pihak Jabatan Hutan dan Jabatan Alam Sekitar dan sebagainya. Dan dari sudut pematuhan itu kita boleh sama-sama, saya sendiri bersama Teratai, boleh memastikan bahawa tidak ada ketidakpatuhan dalam mereka menyempurnakan projek talian penghantaran elektrik yang dalam sedang pembinaan itu.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Mencilah. Yang Berhormat EXCO, sekiranya kita, kami mendapati bahawa memang berlaku ketidakpatuhan dari segi pemasangan menara TNB itu, maknanya, pihak Kerajaan Negeri Selangor akan mengarahkan TNB untuk mengalihkan menara-menara TNB itu, ataupun terus membatalkan sahaja.

Y.B. TUAN Z Aidy Bin Abdul Talib: Terima kasih atas ketegasan daripada Teratai. Sekiranya berlaku ketidakpatuhan, kita boleh laporkan kepada pihak-pihak yang berkuasa termasuk juga kepada Kerajaan Negeri, EXCO sendiri dan kita akan memastikan supaya akan diadakan *correction* ataupun pembetulan di atas ketidakpatuhan itu. Dan saya kira baru-baru ini pun, tak silap ingatan saya, Februari 2016 juga kita ada temu sua bersama TNB, bersama dengan Teratai sendiri, pejabat

EXCO dan semua agensi yang terlibat untuk memastikan supaya pematuhan kerja-kerja projek talian penghantaran elektrik ini dapat dilakukan sebaik mungkin.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Masalahnya ialah Yang Berhormat EXCOP, memang mesyuarat dipanggil, mesyuarat memang dipanggil. Tapi apakah keputusan dalam mesyuarat itu, sama ada pihak TNB ada patuh atau tidak, sama ada cadangan penduduk diambil kira ataupun dipertimbangkan atau tidak. Itu adalah sangat penting. Sebab, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat EXCO bahawa, isu menara TNB ini, TNB Paloh ini, bukan isu tahun ini sahaja, dah lama berlaku. Lepas itu, apa yang berlaku ialah, setiap kali apabila mesyuarat dipanggil, nampaknya penduduk yang membuat berusaha, membuat kajian, berusaha memberi cadangan, tapi apa yang berlaku ialah, mereka tidak dapat maklum balas daripada Pihak TNB. Kenapa, mengapa cadangan laluan alternatif mereka tidak dapat dipertimbangkan. Apakah alasan dia. Lebih-lebih lagi, bagi tahun ini apabila terdapat satu kes insiden berlaku kawasan zon 24, MPAJ, sehinggalah pihak polis sendiri pun kena campur tangan atas isu yang mana, katakan ialah, pemasangan *footing* untuk buat *pasting* saja. Teratai sendiri tidak pernah dengar ada TNB sengaja membuat satu pemasangan *footing* yang sebesar itu, begini, lepas itu hanya semata-mata untuk buat *testing* sahaja. Sehingga pihak polis masuk campur tangan. Jadi adalah sangat penting bagi Kerajaan Negeri yang mempedulikan rakyat untuk mendengar suara rakyat, yang mana penduduk dah berusaha lama, dan kemukakan cadangan-cadangan berkenaan. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih. Berkait dengan jajaran saya kira telah pun lama selesai dan diputuskan. Dan telah ada lah pengujahan-pengujian, begitu juga minit-minit perbincangan dalam memutuskan jajaran yang di peringkat Kerajaan Negeri, kita juga diberikan beberapa cadangan-cadangan dan akhirnya keputusan telah pun dibuat. Apa yang boleh bantu Teratai, Kerajaan Negeri boleh membantu sekarang ini mengisikan kepatuhan dalam projek-projek seperti mana yang dimaklumkan tadi projek talian penghantaran elektrik ini adanya pematuhan itu mengikut ANP yang saya nyatakan dan sebagaimana yang disebutkan tadi ada. Di sana adanya ROW yang dalam ruang lingkup kerja-kerja TNB itu sendiri dan mereka boleh melakukan aktiviti-aktiviti dalam ROW yang telah diputuskan. Saya suka menarik perhatian dewan daripada perbincangan kita tempoh hari ada beberapa keputusan yang telah pun kita buat di antara TNB perlu mengadakan lebih banyak lagi "*engagement*" bersama penduduk dan ADUN kawasan dan memaklumkan perkembangan semasa projek untuk mengelakkan kecurigaan itu. Sebagaimana disebut "*footing*" tadi masih lagi dilakukan semasa dalam ROW tetapi kalau diukurkan dalam pada "*failing*" yang asal memang telah menghampiri lebih dekat kepada penduduk. Tetapi dia di dalam konteks "*footing*" untuk "*testing*" dan sebagainya sebab itulah keputusan diambil supaya "*engagement*" memaklumkan apa juga perkembangan kepada penduduk supaya tidak timbul sebarang curiga. TNB juga perlu membaiki pagar yang rosak dan

sebagainya ada beberapa perkara yang telah pun kita putuskan dan saya kira komitmen itu telah dipersetujui oleh TNB untuk dilaksanakan.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Masalahnya ialah Yang Berhormat EXCO, kami tidak dimaklumkan atas sebarang keputusan dan juga “*engagement*” yang telah dijanjikan oleh pihak TNB kepada pihak kerajaan Selangor. Apa yang berlaku seperti mana saya beritahu Yang Berhormat EXCO apabila kita, penduduk menghadapi masalah di tapak yang mana di kawasan perumahan mereka membuat aduan kepada kami tetapi nampaknya tidak ada respons daripada pihak TNB. Dan penduduk memang merasa kecewa dan saya sendiri pun merasa sakit hati atas perkara masalah ini berlaku.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Teratai, saya sudi untuk membantu Teratai dalam permasalahan yang dibangkitkan tadi sila panjangkan dan kita boleh bertemu dengan pihak TNB dan juga kalau memungkinkan untuk kita turun melihat tapak dan apa yang berlaku di kawasan pembinaan pun kita mampu untuk laksanakan. Terima kasih kepada Teratai dan untuk yang akhirnya saya kira sedikit Selat Kelang tadi berkenaan dengan agrotourism saya sebagai yang dipertanggungjawabkan untuk folio pertanian bersama dengan Yang Berhormat EXCO Pelancongan Bukit Lanjan juga akan melihat perkara yang berkaitan dengan untuk membangunkan agrotourism di Pulau Ketam. Sedikit yang sekiranya Bukit Gasing akan membangkitkan permasalahan trafik yang perlu dilihat secara holistik kerana trafik sekarang ini semakin lama semakin kritikal dan buat masa ini dalam rancangan struktur Negeri Selangor 2035 ianya telah pun diambil kira walaupun secara umum untuk permasalahan trafik ini dan kebanyakannya trafik ini dilihat sewaktu projek pembangunan di peringkat PBT bila mana kebenaran merancang diambil, perlu sekali dengan TIA dan sebagainya. Walaupun saya faham apa yang dimaksudkan oleh Bukit Gasing bila TIA ini dilaporkan ianya tidak menyeluruh dan saya ambil perhatian itu untuk dibawa di peringkat khususnya di peringkat perancangan bandar dan desa untuk melihat secara lebih “*detail*” dan berbincang di peringkat PBT macam mana untuk melihat ke arah penguraian trafik untuk dalam tempoh dalam jangka masa yang datang. Sekian begitu sahaja terima kasih saya ucapkan kepada ahli-ahli dewan yang telah memberikan pandangan dan juga saranan serta nasihat yang berkaitan dengan folio infrastruktur kemudahan awam, pemodenan pertanian dan industri asas tani, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana urusan Dewan hari ini masih panjang maka Dewan pada hari ini perlu disambung, maka saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato’ Menteri Besar untuk membawakan usul.

Y.A.B. DATO’ MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga Rang

Undang-undang Enakmen lambang-lambang dan nama-nama mencegah daripada dalam menggunakan pindaan 2016 selesai diputuskan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah disokong saya kemukakan untuk mendapat persetujuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul dipersetujui. Baiklah, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Negeri yang telah menyertai perbahasan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor ketika istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Ke Empat Dewan Negeri Selangor ketiga belas tahun 2016. Yang Berhormat Kajang telah menyentuh isu peningkatan infrastruktur UNISEL dan program *Academic Boot Camp*. Sukacita saya mengumumkan pada petang ini bahawa UNISEL akan mengambil langkah progresif ke arah pendemokrasian pendidikan melalui pengenalan program asasi secara percuma melalui skim derma siswa UNISEL. Skim ini bertujuan membuka peluang kepada para pelajar untuk meneruskan pengajian di dalam dua bidang kritikal dan strategik iaitu Sains dan Teknologi Maklumat di peringkat asasi dan diisyaratkan menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Muda di UNISEL. Alhamdulillah mesyuarat jawatankuasa eksekutif UNISEL telah bersetuju untuk menawarkan Skim Derma Siswa UNISEL secara percuma kepada 500 orang pelajar tahun Asas Sains dan tahun Asas Teknologi Maklumat mulai Mei 2016. Kita yakin kejayaan program perintis bukan sahaja membantu pelajar cemerlang dari keluarga berpendapatan rendah untuk merealisasikan cita-cita pendidikan negara bahkan juga menyuntik nilai dan tambah prestij UNISEL sebagai salah sebuah universiti awam pilihan. Yang Berhormat Damasara Utama dan Yang Berhormat Kajang telah mengupas isu *smart state*. Saya telah menjelaskan konsep dan rasional *smart* Selangor semasa menjawab soalan Yang Berhormat Kajang. *Smart* Selangor akan melonjakkan Selangor di tahap baru melalui penyelesaian pintar atau *smart solution* dan aplikasi *internet of things*. Gagasan *smart state* yang direncanakan adalah berpaksikan rakyat atau *citizen centric*. Memang terdapat beberapa model tentang smart city termasuk model yang merangkumi enam dimensi seperti yang disebutkan oleh Damansara Utama. Namun Selangor mempunyai persekitaran dan keutamaan yang tersendiri. Pembangunan *smart state* di Selangor mestilah berteraskan bandar hijau yang *livable* melalui *citizen centric*... teknologi maklumat dan komunikasi yang dirangka oleh *smart solution* mestilah selaras dengan aplikasi *internet of things*. Sebagai contoh *smart waste solution* untuk pengurusan sampah dan sisa pepejal menawarkan beberapa *flat form* dan aplikasi untuk membolehkan Kerajaan Negeri melakukan *real time monitoring*

terhadap setiap aduan dan tindakan yang dilakukan oleh PBT. Blueprint Smart Selangor mesti menggabungkan perancangan yang holistik dan komprehensif agar kita mampu menjamin *connectivity* aktiviti sekali gus mengurangkan jurang digital antara kawasan bandar dan kawasan luar bandar. Untuk menjamin Smart Selangor yang berteraskan *citizen centric* keutamaan kita mesti mencerminkan taburan demografi dan geografi rakyat Negeri Selangor dan memenuhi keperluan sosioekonomi semua lapisan masyarakat. Untuk melaksanakan program Smart Selangor dengan berkesan Kerajaan Negeri menubuhkan unit khas penyampaian yang dinamakan *Smart Selangor Delivery Unit (SSDU)*. Dan antara langkah awal SSDU adalah menyediakan Blueprint Smart Selangor untuk merangka pelan jangka panjang bagi tempoh sepuluh hingga dua puluh tahun. *Blueprint* ini dijangka akan siap hujung tahun ini, dalam masa yang sama SSDU akan melaksanakan empat projek perintis *Smart Selangor*. Dengan kerjasama agensi kerajaan dan swasta dalam tahun ini. Pertama sistem pengurusan sistem pepejal berasaskan *smart solution* di Majlis Perbandaran Klang. Satu aplikasi aduan atas talian bagi membolehkan rakyat menyampaikan aduan mengenai pelbagai perkara seperti sampah, jalan rosak, lampu isyarat dan lampu jalan yang rosak serta isu keselamatan untuk diselesaikan dengan lebih berkesan menerusi sebuah pusat aduan bersepadu. Ketiga pembangunan *smart city* di TOD dengan memasukkan komponen *smart solution* dan keempat penggunaan alat pengesan atau untuk pemantauan indeks kualiti air dan persekitaran di sungai-sungai utama di Negeri Selangor. Yang Berhormat Tuan Speaker saya ingin merujuk kepada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan yang pertama status pembinaan rumah penduduk di kampung Side A, Sekinchan. Kerajaan Negeri mengambil maklum

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta penjelasan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tentang,ok.

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa, nak benarkan siapa untuk bertanya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Ya, saya nak minta penjelasan sedikit dari Dato' Menteri Besar di mana SSDU dia adalah terdiri daripada siapa dan kita nak tahu?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih, Yang Berhormat Damansara Utama pada peringkat awal ini SSDU akan dipimpin oleh sekretariat yang berpusat di MBI. Kampung Tuanku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN:Terima kasih saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan dengan *internet of things* ini ianya melibatkan satu budaya kerja yang sangat-sangat inovatif dan kreatif sebelumnya ianya boleh berjaya. Kalau kita ikut apa yang dinyatakan oleh CEO *General Electric*... yang menyatakan menekankan bahawa kalau *internet of things* ini perlu berjaya maka salah satu budaya yang perlu diterap ke dalam sesebuah organisasi iaitu *culture of simplify* dalam perkataan lain ialah barangkali dalam setiap dekat setiap sepuluh tahun *you have to do self your have complete this yourself and new culture*. Kalau kita lihat aplikasi *smart city* memang ianya satu sangat popular sekarang. Saya malam pun *download* aplikasi yang ditonton tapi bila saya balik rumah saya tanya saya sendiri apa akan berlaku kalau saya buat aduan adakah pegawai akan respons secara serta-merta kepada aduan itu dan menyelesaikan masalah itu dalam masa yang munasabah iaitu satu bulan atau satu minggu. Pengalaman yang kita hadapi di dalam dewan yang mulia ini ialah barangkali tidak dan *add the end of the day* kami masih menghadapi masalah dengan kompetensi dan budaya kerja kakitangan awam yang kita anggap ada satu merupakan satu masalah yang perlu diatasi. Jadi soalan saya ialah bagaimana kita boleh mengambil budaya *of culture completion* ini yang dikelola oleh *general* elektrik dan konsep *internet of things* ini mesti telah diterapkan di dalam syarikat mereka sekian lama. Bagaimana ini boleh dimasukkan dalam organisasi kerja kita sekarang ini. Saya rasa inilah satu cabaran yang agak besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Kampung Tuanku, saya bersetuju dan menyambut baik pesanan Yang Berhormat tentang keperluan bukan sahaja menekan aplikasi ini *internet of things* tetapi budaya kerja baru yang perlu diterapkan untuk menjayakan *smart city* atau pun *smart stated* dan perkara ini merupakan satu cabaran yang besar bagi Kerajaan Negeri bukan sahaja di peringkat negeri juga di peringkat PBT dan juga di peringkat daerah. Walau bagaimanapun saya yakin dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri dan anggota perkhidmatan awam kita tidak boleh lari daripada keperluan untuk mengadakan satu *pardon ship* daripada budaya kerja yang sedia ada kepada satu pendekatan baru menggunakan pendekatan teknologi maklumat dan juga *smart solution* yang dicadangkan bagi menyelesaikan masalah-masalah rakyat dan saya juga bersetuju apabila melihat aplikasi yang telah ditujukan di dalam *smart city foyer* di Bangunan SUK semenjak beberapa hari yang lalu. Ada beberapa aplikasi yang boleh mengurangkan birokrasi tetapi meningkatkan *efficiency* dalam menyelesaikan masalah rakyat dan seperti yang saya kata tadi kalau kita boleh melihat satu pembangunan *dashboard* yang dibentangkan tentang bagaimana kita boleh memantau dan melihat isu-isu rakyat dapat diselesaikan segera di mana rakyat boleh membuat aduan, aduan boleh dihantar segera kepada satu *call centre* dan kemudian dihantar terus kepada PBT yang berkenaan dan dalam tempoh yang ditetapkan, PBT harus turun ke bawah, menyelesaikan masalah dan menghantar semula kepada pengadu. Dan ini sebenarnya satu komponen penting dalam *Smart Solutions* di mana interaksi di antara pengadu dan kerajaan itu merupakan satu komponen yang amat besar kesannya. Kita juga seperti yang saya sebutkan semalam dengan

menggunakan *Smart Solutions* dan aplikasi *internet of things*, kita dapat melihat trend sesuatu masalah di setiap PBT kerana mungkin PBT mempunyai masalah yang berbeza daripada satu PBT ke PBT yang lain dan akhirnya di peringkat Kerajaan Negeri seperti yang saya nyatakan tadi kita boleh memantau bagaimana isu-isu rakyat ini dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan dan ini pastinya melibatkan KPI yang boleh ditingkatkan di peringkat PBT yang berkenaan.

Namun apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Kg. Tunku itu merupakan satu pandangan yang cukup positif yang perlu diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri dan semua pihak. Yang Berhormat Sekinchan ada bangkitkan tentang masalah penduduk di Kampung Site A. Saya percaya Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan Negeri telah pun meneliti permohonan pelupusan secara pemberimilikan tanah kerajaan tersebut yang seluas lebih kurang 3.761 ekar dan MMKN pada 19 Mei 2010 telah menimbang dan menolak permohonan pelupusan secara pemberimilikan tanah yang dipohon oleh Syarikat Jua Permata. Namun oleh sebab ada rayuan yang dikemukakan kita sedia maklum ada dua peneroka bandar di atas tanah tersebut yang telah mendiami sekian lama, maka kita akan minta Pentadbir Tanah Sabak Bernam untuk mengkaji semula permohonan tersebut dan saya juga dimaklumkan bahawa *task force* daripada Lembaga Perumahan telah pun mengunjungi tapak tersebut tentang kemungkinan untuk membina rumah mampu milik bagi kepentingan rakyat sekitar kampung yang berkenaan dan perkara ini sedang diteliti oleh Pentadbir Tanah bersama Lembaga Perumahan Negeri Selangor. Yang Berhormat Sekinchan ada membangkitkan isu skim baru penetapan premium bagi pemilik kedai dan peniaga kecil di bandar Sekinchan. Saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor yang berkuat kuasa 18 Mac 2016 lebih kurang dua (2) minggu yang lalu telah pun bersetuju untuk membantu pemilik kedai dan peniaga kecil untuk membayar premium mereka melalui kaedah berikut:

1. Mengurangkan tempoh pajakan daripada 99 tahun kepada 60 tahun supaya jumlah premium yang perlu dibayar berkurangan hampir 40%.
2. Tempoh bayaran premium melalui borang 5A dan 7G dilanjutkan seperti berikut. Bagi 5A iaitu premium bagi pemberimilikan dan lanjutan tempoh pajakan, tempoh asal adalah 6 bulan sekarang kita lanjutkan kepada 12 bulan. Bagi 7A iaitu premium tambahan bagi tujuan pembangunan, tukar syarat tanah, tempoh asal ialah 3 bulan campur 1 bulan dengan caj tambahan 3%. Pekeliling baru telah menetapkan atas persetujuan Kerajaan Negeri kita lanjutkan kepada 6 bulan campur 1 bulan dan caj tambahan 3%.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui PTG sedang menjalankan kajian untuk mengenal pasti kaedah dan mekanisme baru bagi menetapkan kadar premium tanah dan mewujudkan kategori khas seperti kedai tradisional mengikut kawasan kerana isu ini ada kaitan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing dan

sudah tentulah kedai ataupun kedai makan tradisional di Bukit Gasing tidak sama dengan di Sekinchan. Jadi, mungkin tidak wajar mengenakan kadar premium yang sama maka sekarang kita sedang menjalankan kajian untuk menetapkan kadar premium tanah dan mewujudkan kategori khas seperti kedai tradisional mengikut kawasan di bandar, luar bandar ataupun luar Lembah Klang dan kajian ini dijangka selesai pertengahan tahun 2016. Yang Berhormat Sabak dan Yang Berhormat Sungai Air Tawar..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Tuan Speaker.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Sedikit. Terima kasih Tuan Speaker. Mengenai dengan..saya ucapkan terima kasih lah kepada Yang Berhormat Menteri Besar, Kerajaan Negeri yang cukup prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pemilik-pemilik tanah dan kedai di luar bandar. Daripada status pajakan 60 tahun itu, bagaimana dengan 90 tahun tetap dengan kadar yang serupa yang 60 tahun kita boleh dapat 40% diskaun. Bagaimanakah kalau mereka inginkan 90 tahun? Ini yang sedikit kekeliruan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Maksud saya tadi apabila tempoh pajakan mereka 99 tahun sudah tentulah premiumnya jauh lebih besar. Jadi untuk meringankan bebanan kita mencadangkan supaya lanjutan itu tidak dibuat selama 99 tahun. Dikurangkan kepada 60 tahun dan mereka dapat jimat 40%. Apabila tamat tempoh pajakan selama 60 tahun, mereka boleh meneruskan tempoh pajakan tersebut untuk satu tempoh yang lebih panjang dan mungkin pada ketika itu kita telah pun ada garis panduan yang baru untuk membantu meringankan mereka membayar premium yang hari ini jauh lebih tinggi. Yang Berhormat Sabak dan Yang Berhormat Sungai Air Tawar ada membangkitkan isu tanah di Sungai Tengar Utara. Susulan lawatan saya ke daerah Sabak Bernam pada 18 Mac, saya telah berkesempatan mendengar rintihan dan aduan daripada penduduk mengenai masalah tanah tersebut. Tanah-tanah ini pada asalnya telah diluluskan pewartaan kepada PKPS untuk ladang kelapa sawit, walau bagaimanapun PKPS mendapati bahawa tanah tersebut tidak sesuai untuk tanaman kelapa sawit kerana tanah yang terlibat didapati sering ditenggelami air dan mengalami masalah banjir. Oleh sebab terdapat bantahan yang kuat daripada penduduk maka Kerajaan Negeri bersetuju pada petang ini supaya tanah tersebut dikembalikan kepada Kerajaan Negeri dan sukacita saya mengumumkan di sini bahawa Kerajaan Negeri bersetuju untuk membangunkan projek perkampungan asnaf dan golongan miskin di Kampung Sungai Tengar Utara. (Ahli-Ahli Dewan tepuk tangan) Dan bagi merealisasikan projek ini, Jabatan Pengairan dan Saliran sedang merangka rancangan tebatan banjir Sungai Bernam di kawasan berkaitan dengan kos yang terlibat sebanyak RM12 juta dan Kerajaan Negeri berharap isu banjir di kawasan berkenaan akan dapat diselesaikan setelah projek rancangan tersebut siap.

Yang Berhormat Seri Andalas mencadangkan Kerajaan Negeri membeli tanah-tanah yang terbiar untuk membina kemudahan awam. Yang Berhormat, keperluan untuk mengadakan kemudahan awam atau *public utilities* seperti kolam tadahan adalah tertakluk kepada perancangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi sesuatu kawasan. Jika PBT memerlukan tanah tersebut bagi tujuan kepentingan awam maka PBT melalui Pihak Berkuasa Negeri boleh memperoleh tanah tersebut melalui pembelian atau melalui Akta Pengambilan Tanah. Walau bagaimanapun, pengambilan balik tanah bagi tujuan kemudahan awam hanya boleh dilakukan dengan perancangan yang jelas di peringkat PBT. Yang Berhormat Seri Andalas juga memohon Kerajaan Negeri menyemak semula status tanah Kerajaan Negeri yang telah diberi kepada KeTTHA bagi tujuan kolam kumbahan. Amalan sebelum ini, bagi tanah yang terlibat dengan kolam kumbahan yang dikendalikan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air ataupun KeTTHA, tanah tersebut akan diwartakan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara dengan meletakkan PTP sebagai Pegawai Pengawal atau akan diberi milik di bawah Seksyen 76 KTN dengan PTP sebagai pemilik tanah. Namun berkuat kuasa mulai 20 Mei 2016, Kerajaan Negeri telah mengenakan syarat nyata tanah dan sekatan kepentingan ke atas tanah-tanah yang diluluskan pemberimilikan kepada PTP bagi tujuan yang dipohon. Ini bagi memastikan tanah yang diberi milik dibangunkan mengikut tujuan asal tanah diberi milik seperti tapak kolam tadahan, sekolah, hospital dan balai polis. Sekiranya tanah yang telah diperuntukkan kepada PTP sama ada ia telah diwartakan ataupun tidak dan dikehendaki oleh Kerajaan Negeri maka Pihak Berkuasa Negeri perlulah membayar pampasan mengikut harga pasaran tertakluk kepada persetujuan Kerajaan Persekutuan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:Tuan Speaker. Saya minta pandangan Yang Berhormat Dato' Menteri Besar. Apakah kerajaan perlu mengenakan syarat tambahan kepada kebenaran majukan tanah tersebut oleh sebab asalnya tanah tersebut tanah kepunyaan awam dan sekarang telah menjadi tanah milik individu jadi untuk syarat permohonan itu memastikan kepentingan awam itu menjadi keutamaan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Terima kasih Yang Berhormat Kota Anggerik. Itu yang saya tegaskan tadi bahawa mulai 20 Mei 2016, Kerajaan Negeri telah mengenakan syarat nyata tanah dan sekatan kepentingan supaya tanah-tanah diberi milik kepada PTP ini mesti digunakan mengikut tujuan asal. Dan tidak dipindah milik. Sekiranya ada usaha untuk memindah milik tanah tersebut ia mesti mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:Speaker. Ini bagi tanah yang telah pun terlepas sebagai contohnya yang diberi kepada PDRM di Seksyen 7 yang telah dijual kepada Jakel jadi boleh tak dikenakan syarat tambahan kepada pemilik baru agar kepentingan awam tetap dipertahankan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Saya telah nyatakan Yang Berhormat Kota Anggerik kerana amalan sebelum ini tidak dinyatakan syarat guna tanah dan sekatan kepentingan maka diberi milik tanah tersebut kepada PTP mereka mempunyai hak dalam perundangan untuk membangunkan tanah tersebut dan juga memindah milik tanah tersebut kepada mana-mana pihak. Sebab itulah apabila kita meneliti masalah ini berlaku maka kita telah mengambil langkah-langkah supaya kepentingan awam itu dapat dipertahankan namun tanah-tanah yang telah terlepas kepada pihak ketiga, saya kira ini satu tanggungjawab yang perlu digalas oleh Kerajaan Persekutuan kerana kepentingan awam itu telah dikorbankan. Sebagai contoh di Shah Alam yang saya sebut awal pagi ini diperuntukkan untuk IPD bagi menjaga keselamatan di Shah Alam hari ini telah terlepas kepada sebuah syarikat maka apakah ini satu perkara yang boleh diizinkan berlaku? Sudah tentu tidak. Yang Berhormat..

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR AL ARULANANDAM:Tuan Speaker. Dato' Menteri Besar saya berterima kasih atas penjelasan itu bermakna sekarang tanah-tanah yang kembali balik kepada mereka tidak digunakan untuk *utilities* itu sekarang jadi tanah biasa kita kena, negeri kena mohon kepada dia untuk bagi balik kepada kita atau kita beli balik tanah itu? Nombor dua, negeri telah bagi banyak kepada PBT untuk pembinaan *police station* dan juga balai polis dan sebagainya sampai sekarang ada tanah-tanah yang diberi 20 tahun sebelum ini tak mendirikan balai polis ataupun apa-apa balai yang kena di atas, bina di atas tanah itu, boleh kah Kerajaan Negeri ambil balik tanah-tanah ni yang dia tidak digunakan 20 lebih tahun tidak bina apa pun?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Seri andalas, Kerajaan Negeri baru-baru ini telah pun memohon Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri menghubungi kementerian-kementerian yang berkenaan seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan dan menyenaraikan tapak-tapak yang telah pun diberimilik kepada PTP untuk tujuan-tujuan asal kerana Kerajaan Negeri ingin mengetahui apakah status pembangunan ke atas tanah tersebut sama ada mereka mempunyai peruntukan untuk tujuan asal pembangunan di tanah tersebut. Dan sekiranya tidak ada perancangan untuk satu tempoh yang terdekat, Kerajaan Negeri boleh menimbangkan untuk mendapat persetujuan Kerajaan Persekutuan supaya tanah-tanah ini dapat diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri. Namun seperti saya nyatakan tadi sama ada ia telah diwartakan ataupun tidak dan apabila dikehendaki oleh Kerajaan Negeri kita perlu membayar pampasan mengikut harga pasaran kerana apabila tanah-tanah itu diberi milik kepada PTP ia bagi tujuan kepentingan awam. Ya?

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:Boleh tak Kerajaan Negeri bagi had masa tertentu supaya Kerajaan Persekutuanmelaksanakan seperti yang diminta dalam tanah-tanah ini contohnya bagi tempoh 3 tahun, 5 tahun seandainya Kerajaan

Persekutuan tidak melaksanakan pembinaan Kerajaan Negeri berhak minta balik pemberian bersyarat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Itu kita tunggu, kita sampai Putrajaya kita boleh bangunkan. Sebab Yang Berhormat Kota Anggerik kalau kita ambil balik tanah itu sekarang dan ada perancangan mungkin sepuluh tahun kemudian untuk membina sekolah kerana mereka memberi alasan sekarang ini tidak ada peruntukan. Maka kita ambil balik kalau cadangan Kota Anggerik nanti pun 3 tahun. Tetapi keperluan sekolah atau pun hospital itu, amat mendesak mungkin 10 tahun kemudian apabila kita ada keupayaan untuk membangunkan maka nak ambil balik, nak *acquireback the land* kosnya terlalu besar. Sebab itu kita telah wartakan kawasan-kawasan ini bagi tujuan-tujuan tertentu bagi kepentingan dan kemudahan awam.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Bukit Gasing, dalam tajuk yang sama ini, bagaimana pula kalau ditukar daripada memberi satu *land title* kepada PTP kepada memberi satu warta di mana dengan satu *title* mereka boleh menjual sebelum ini kita ada beberapa contoh yang diberi oleh Yang Amat Berhormat tentang kes di mana tanah ini dijual. Tetapi kalau hanya diberi warta, *intense* untuk penggunaan sekolah, balai bomba dan sebagainya masih kekal tetapi tidak ada peluang untuk dijual tanah tersebut.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Pada kefahaman saya apabila tanah ini diberi milik bagi tujuan tertentu, sudah tentulah PTP memerlukan hak milik tanah tersebut sebelum mereka mengeluarkan satu jumlah pelaburan bagi membangunkan tanah yang berkenaan. Melainkan kalau pembangunan itu dijalankan oleh Kerajaan Negeri maka kita boleh wartakan di bawah KPN62 SUK Setiausaha Kerajaan Negeri dan kita boleh bangunkan tetapi oleh kerana PTP yang akan melabur dalam pembangunan tanah tersebut sudah tentulah dia mahu memiliki hak milik ke atas tanah yang berkenaan. Yang Berhormat daripada Balakong ada membangkitkan tentang aduan kuari di Mahkota Residences dan Vista Hills. Atas bantahan penduduk sekitar MMKN bertarikh 8 Julai 2015 menimbang dan meluluskan secara dasar pemberimilikan tanah kepada Mestika Pujangga Sdn Bhd bagi tujuan pengurusan kuari dengan keluasan dan syarat yang akan ditetapkan oleh Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat dengan bantuan Jabatan Mineral dan Geosains bagi menggantikan tanah operasi kuari milik Gerak Harapan yang dioperasi oleh Hands & Quarry Products Sdn Bhd di Batu 11, Jalan Cheras, Mukim Cheras Daerah Hulu Langat yang akan tamat pada 1 Mac 2016.

Maksudnya setelah menimbang bantahan kuat daripada penduduk sekitar, Kerajaan Negeri telah pun mengenal pasti tapak lain bagi menggantikan operasi kuari di kawasan yang asal. Seterusnya MMKN yang diadakan pada 25 November 2015 telah menimbang dan meluluskan permohonan mengenakan syarat-syarat kelulusan dan bayaran ke atas kelulusan pemberimilikan kepada Mestika Pujangga seluas

lebih kurang 125 ekar bagi tujuan perusahaan kuari dan permohonan lanjutan tempoh operasi kuari Gerak Harapan sehingga Mac 2017. Memandangkan tapak baru ini masih ada lagi isu-isu tanah yang perlu diselesaikan termasuk *buffer zone* dan juga laporan EIA perlu dikemukakan sebelum syarikat di tempat sekarang ini boleh pindah ke tempat yang baru. Jadi atas pertimbangan tersebut kita telah meluluskan lanjutan sehingga Mac 2017. Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat, syarikat berkenaan masih belum boleh beroperasi lagi ditapak yang sekarang ini memandangkan *Letter of the Authorization Quarry* masih belum dikeluarkan oleh pihak berkuasa Jabatan Mineral dan Geosains bagi tempoh Mac 2016 dan 2017. Jadi perkara ini berjalan serentak apabila EIA *report* telah disiapkan dan kerja-kerja tanah termasuk isu tanah *buffer zone* telah selesai. Tidak semestinya lanjutan ini akan tamat pada 2017 tetapi akan dipindahkan sebaik sahaja urusan tanah dapat disempurnakan.

Yang Berhormat Permatang ada mencadangkan Kerajaan Negeri meluluskan pemberimilikan ke atas 45 lot di kampung nelayan. Merujuk kepada isu yang dibangkitkan kita lulus bila ada keperluan, kita tak tunggu bila pilihan raya seperti UMNO. Berapa banyak kita lulus hari ini, pilihan raya lambat lagi hah. Merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang mengenai permohonan pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 KTN telah diterima pada bulan Jun 2013 daripada 33 penduduk Kampung Baru, Pasir Penambang dan telah ditolak oleh MMKN pada 16 Oktober 2013 kerana kawasan yang dipohon merupakan kawasan badan air. Seterusnya pemohon telah mengemukakan rayuan kepada Dato' Menteri Besar dan pentadbir tanah telah mengemukakan semula kertas ringkasan untuk pertimbangan MMKN. MMKN pada 31 Disember 2014 telah menolak rayuan permohonan pemberimilikan atas alasan yang sama dan meluluskan secara lesen pendudukan sementara kepada 33 penduduk mengikut Pekeliling PTGS Bil.7/2011 yang mensyaratkan pemohon menjelaskan bayaran LPS deposit serta bayaran denda kerana menduduki tanah kerajaan sebelum diluluskan LPS. Saya dimaklumkan bahawa pentadbir tanah Kuala Selangor telah pun mengeluarkan 33 surat kelulusan pada 4 Januari 2016 yang lalu kepada pemohon dan jumlah bayaran yang perlu dibayar oleh pemohon adalah di antara RM2,340.00 hingga RM11,300.00 bergantung pada keluasan dan denda tempoh menduduki tanah kerajaan. Pada 2 Mac 2016 Pentadbir Tanah Kuala Selangor telah menerima surat rayuan pengecualian bayaran denda dan bayaran deposit daripada 21 orang pemohon. Bagi menyelesaikan isu ini Kerajaan Negeri bersedia untuk menimbang rayuan ini dan pada masa yang sama Kerajaan Negeri berharap supaya penduduk dapat bekerjasama dengan pentadbir tanah Kuala Selangor dan ADUN kawasan bagi mengenal pasti tapak yang bersesuaian sebagai penempatan kekal.

Yang Berhormat Tuan Speaker seterusnya saya ingin bangkitkan respons kepada Yang Berhormat Bukit Gasing tentang isu permohonan LPS bagi tujuan *billboard*.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan sikit saja Menteri Besar. Terima kasihlah atas respons pihak kerajaan mengenai rayuan untuk pembatalan deposit dan juga bayaran denda. Apakah sebab tempoh pembayaran itu dah hampir sampai 4 April, jadi lebih kurang 2 hari atau pun minggu depan. Jadi apakah Kerajaan Negeri memang akan mengecualikan kedua perkara ini, mohon perkara ini. Maknanya pembatalan denda sebab isunya begini Yang Berhormat Menteri Besar, denda ini dikemukakan ada yang kena 40 tahun tempoh duduk. Sedangkan sebelum 2008 mereka dah bayar bentuk TOL kepada kerajaan Barisan Nasional yang dahulu dengan cara yang lebih nominallah. Dan kalau dari segi adilnya kalau nak kena denda lah patutnya selepas 2008 apabila kerajaan ini bertukar tangan, adillah tapi pada saya mengenakan 40 tahun, 35 tahun ada yang 25 tahun, 23 tahun pelbagai. Jadi ini yang tertinggi 40 tahun jadi saya rasa itu bukan satu cara yang tepat, jadi saya hendak mohon pertanyaan daripada Yang Berhormat Dato' Menteri Besar. Sebab tempoh penyelarasan itu dah terlalu hampir, jadi mereka rata-rata tak akan boleh bayar pun. Jadi saya mohonlah sekali lagi kalau boleh di dalam Dewan ini atas kuasa Menteri Besar untuk membatalkan semua denda dan juga deposit 2 tahun, ini yang dicadangkan oleh pejabat tanah itu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Permatang walaupun tempohnya telah hampir tetapi arahan telah pun diberikan kepada pentadbir tanah Kuala Selangor untuk mengangkat semula rayuan ini bagi dipertimbangkan oleh kerajaan. Dan kita amat memahami bebanan yang terpaksa ditanggung oleh ke 33 keluarga ini seperti yang saya nyatakan tadi ada yang di antara mereka terpaksa membayar di antara RM2,000 hingga RM11,000. Dan sudah tentulah dalam suasana ekonomi semasa ini suatu jumlah yang terlalu besar dan membebankan dan sebagai kerajaan yang peduli rakyat kita akan memberikan pertimbangan yang seadil-adilnya dan saya cukup optimistik perkara ini boleh selesai dalam masa yang terdekat.

Yang Berhormat Bukit Gasing ada membangkitkan tentang permohonan LPS. Buat masa ini semua permohonan LPS telah diproses bagi tujuan *billboard*. Bagi isu kelewatan memproses permohonan LPS seperti yang dibangkitkan, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan satu garis panduan lesen pendudukan sementara LPS di atas tanah rizab Kerajaan Negeri Selangor yang berkuat kuasa mulai 29 September 2015. Sehubungan itu saya telah meminta semua pentadbir tanah untuk mengkaji dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan supaya isu kelewatan ini tidak berulang di masa yang akan datang. Yang Berhormat Rawang adambangkitkan
.....

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Sedikit penjelasan. Apakah tempoh masa mengikut piawaian sekarang di mana pentadbir tanah perlu memberi jawapan kepada Majlis yang memohon untuk TOL dan *billboard*. Pentadbir tanah perlu memberikan ulasan kelulusan daripada permohonan oleh PBT.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya semua proses ini perlu dipatuhi cuma apa yang dibangkitkan ialah kelewatan dan terlalu banyak birokrasi dan masa yang terlalu lama untuk satu-satu permohonan. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Gasing sebagai contoh bagi tahun 2013 sehingga 2014 pentadbir tanah Petaling telah menerima 262 permohonan TOL bagi tujuan *billboard*. Daripada jumlah tersebut 89 permohonan telah diselesaikan dalam tempoh di antara 6 hingga 12 bulan. Apakah ini satu tempoh yang boleh diterima oleh pihak dan masyarakat perniagaan. Sebab itu kita telah mengeluarkan satu garis panduan baru supaya perkara-perkara ini dapat dikaji semula dan kita telah mengeluarkan garis panduan yang telah menetapkan tempoh sesuatu permohonan diberikan kelulusan supaya perkara ini tidak berulang lagi.

Tentang Yang Berhormat Rawang yang membangkitkan tentang isu pencerobohan tanah di daerah Gombak, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak sentiasa memantau dan bertindak ke atas aduan pencerobohan tanah-tanah kerajaan. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 14 notis telah dikeluarkan di bawah Seksyen 425 dan sebanyak 5 operasi roboh di sekitar Rawang telah dijalankan. Berkaitan isu penerokaan tanah kerajaan di Sungai Bakau oleh peneroka seramai 148 orang, pentadbir tanah telah mengangkat permohonan pembermilikan tanah bagi tujuan kediaman dan MMKN pada 16 Disember 2015 telah menimbang dan menangguhkan permohonan tersebut. Seterusnya pentadbir tanah telah mendapatkan kembali pengesahan senarai pemohon daripada Yang Berhormat Rawang dan kertas Ringkasan untuk pertimbangan MMKN telah pun siap untuk diangkat dalam MMKN yang akan datang. Oleh sebab itu, pada ketika ini tidak ada penguatkuasaan akan diambil ke atas mereka sehinggalah MMKN menimbang kertas yang berkenaan. Dan sekiranya kelulusan diberikan maka ianya tidak timbul soal penguatkuasaan. Yang Berhormat Semenyih membangkitkan isu kutipan premium yang membebankan rakyat. Jumlah kutipan premium tanah bagi tahun 2005 hingga 2015 adalah seperti berikut secara umumnya tahun 2005 sekitar RM306 juta, 2006 RM309 juta tetapi 2014 RM1.14 bilion dan tahun 2015 yang masih dalam proses untuk diaudit kan kita dapat melihat jumlahnya lebih kurang RM1.1 bilion. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat Semenyih, ini tidak bermakna Kerajaan Negeri pada hari ini membebankan rakyat dengan premium yang tinggi. Apa yang berlaku untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah melaksanakan skim pemilikan kediaman dengan memberi pilihan bayaran minima sebanyak RM1,000 sahaja atau diberi potongan 30% sekiranya menjelaskan keseluruhan bayaran premium melalui Pekeliling PTGS Bil.6/2011 yang menyebabkan sepatutnya apabila kita berikan bayaran premium minima sebanyak RM1,000 Kerajaan Negeri mengutip kurang premium. Tetapi mengapa premiumnya lebih besar jauh lebih besar daripada zaman UMNO dan Barisan Nasional.

Antara faktor peningkatan kutipan premium ialah pertama kecekapan Kerajaan Negeri yang sedia ada dalam menyusun kaedah dan mekanisme kutipan premium. Yang dulu kurang cekap banyak bocor dan tiris sebagai contoh, kita mewujudkan

sistem premium *tracking* yang memantau tempoh pembayaran premium. Kita tidak zalim. Yang kedua, mensyaratkan semua pemohon menyelesaikan bayaran premium terlebih dahulu sebelum pelan pembangunan dan pelan kebenaran merancang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Apa yang berlaku zaman sahabat Yang Berhormat Dengkil dulu, premium belum bayar tapi pemaju yang merupakan kroni kepada kerajaan diberikan kelulusan kebenaran merancang. Ini berlaku. Sekarang kami terpaksa tanggung kerana banyak projek-projek perumahan yang telah disiapkan pemaju telah hilang tetapi pemilik tidak dapat memiliki hak milik kerana premium belum dibayar. Jadi itu sebenarnya faktornya Yang Berhormat Dengkil tolong bisikkan kepada Semenyih. Kerajaan Negeri tidak mahu mengulangi kecuaiannya kerajaan sebelum ini yang meluluskan kebenaran merancang sebelum pemaju menjelaskan bayaran premium terlebih dahulu seperti projek pembangunan di Lestari Perdana Puchong oleh pemaju Talam Corporation. Dan yang akhirnya Yang Berhormat kena sedia maklum pentadbiran hari ini mendapat keyakinan yang begitu luar biasa daripada pelabur-pelabur sama ada pelabur domestik dan pelabur asing untuk melabur di Negeri Selangor. Inilah punca yang menyebabkan premium terlalu besar dan kita bersyukur dengan rekod sedia ada. Yang Berhormat Semenyih juga membangkitkan isu balai bomba Setia Alam yang dikenakan premium berjumlah RM4 juta. Yang Berhormat Semenyih tak ada ni. Saya nak jawab ni. Di bawah perkara 83(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan jika Kerajaan Persekutuan mengkehendaki tanah di sesuatu negeri maka Kerajaan Persekutuan boleh berunding dengan Kerajaan Negeri dan menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk berbuat demikian. Seterusnya di bawah perkara 83(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan supaya Kerajaan Persekutuan membayar premium dengan nilai pasaran ke atas tanah tersebut kepada Kerajaan Negeri. Ini perlembagaan Persekutuan Perkara 83(2) walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah menimbangkan supaya pemberi milikan tanah kepada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan yang memberi faedah kepada Kerajaan Negeri seperti Balai Bomba dan Balai Polis premium hanya dikenakan pada kadar $\frac{1}{4}$ daripada harga pasaran selaras dengan pekeliling PTGS Bil.3/1997. Saya bawa pekeliling ini yang menyatakan apabila Kerajaan Negeri memberi milik kepada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan kepentingan awam kita kenakan premium pada kadar $\frac{1}{4}$ jadi jumlah premium yang telah dikenakan itu adalah selaras dengan pekeliling PTGS Bil.3/1997 yang diterima pakai oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan juga turut bersetuju supaya kadar premium bagi tujuan tapak sekolah sahaja dikenakan kadar premium RM1000 nominal melalui pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 1/1997. Untuk makluman Yang Berhormat Dengkil yang berpotensi sebagai Ketua Pembangkang boleh menasihatkan Yang Berhormat Semenyih ini pekeliling daripada Putrajaya bukan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri di mana Kerajaan Persekutuan sendiri telah mengeluarkan pekeliling bahawa penyeragaman kadar premium tanah kerajaan yang diberimilik kepada persekutuan untuk tapak sekolah. Apa yang dinyatakan keputusan Majlis Tanah Negara cadangan Kerajaan Persekutuan tersebut telah dibawa ke dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara yang telah diadakan pada 25 April 1997 di mana mesyuarat telah bersetuju supaya tanah-

tanah Kerajaan Negeri yang diberi milik kepada Kerajaan Persekutuan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi tujuan mendirikan sekolah hendaklah dikenakan kadar premium nominal tidak melebihi RM1000 bagi setiap hak milik. Hanya untuk sekolah bagi mendapatkan kadar premium nominal dia tak sebut Balai Bomba, dia tak sebut untuk tujuan yang lain. Jadi sekiranya Kerajaan Negeri mengenakan premium mengikut surat pekeliling daripada Persekutuan dan Negeri mengapa dituduh Kerajaan Negeri berlaku zalim dalam perkara ini. Jadi saya berharap Yang Berhormat Dengkil dapat memberikan fakta yang betul kepada Semenyih.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Boleh saya minta penjelasan. Terima kasih atas penerangan daripada Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar berkenaan dengan Balai Bomba itu, kos saya difahamkan kos untuk membina balai bomba sebanyak RM3 juta sahaja tapi bila Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebutkan tadi nak mengenakan premium sebanyak $\frac{1}{4}$ daripada nilai harga pasaran ia menjangkau hampir RM4 juta jadi kos membina RM3 juta kos premium RM4 juta jadi saya bagi pihak Kerajaan Persekutuan demi kepentingan awam untuk membina balai bomba ini bukan untuk membina *shopping complex* atau membina yang lain-lain yang tidak penting untuk rakyat tetapi ini untuk kepentingan awam untuk kesejahteraan rakyat Negeri Selangor saya mohon supaya dipertimbangkan kadar nominal tidak lebih daripada RM1000. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Dengkil. Saya ingin nak tutup tadi ulasan saya dengan menyatakan kadar premium yang dikenakan bagi tapak balai bomba di Setia Alam adalah RM4 juta adalah wajar dan tepat. Takkan tak boleh bayar RM4 juta *shopping* pun berapa puluh juta semalam. RM15 juta. *Shopping* sahaja berpuluh juta. Takkan RM4 juta untuk balai bomba tak boleh. Yang Berhormat Dengkil nak merayu boleh tapi beritahu dengan Tanjung Karang jangan tuduh kita zalim. Kami menggunakan surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Putrajaya. Yang memohon kadar premium nominal hanya untuk sekolah. Tak ada untuk balai bomba. Di samping surat pekeliling ini ada juga surat Pekeliling Negeri yang diterima pakai oleh Putrajaya di mana bagi tujuan lain kita kenakan $\frac{1}{4}$ harga pasaran. Jadi kalau tidak berlaku bocor, tiris, sumbangan derma pun banyak. Takkan tak boleh bayar RM4 juta untuk balai bomba. Jadi saya harap perkara ini dimatikan. Kemudian tentang satu lagi yang ini Yang Berhormat Dengkil tentang putar belit masalah Taman Permata. Di mana saya rasa sedih kerana saya lihat Dengkil ni adalah... nampak baguslah ada potensi sebagai Ketua Pembangkang tetapi jangan terikut dengan nada Tanjung Karang. Permatang. Saya tahu Permatang dalam Tanjung Karang tapi jangan takut dengan Ahli Parlimen Tanjung Karang. Patutnya saya tengok Yang Berhormat Permatang ni layak gantikan sapa yang ada di Tanjung Karang sekarang. Ini kita sedia maklum untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan ini tanah bagi Program Perumahan Rakyat di Ampar Tenang ini telah dibuat pengambilan balik oleh Kerajaan Negeri. Kita yang buat pengambilan balik tanah dan kita bayar pampasan RM12.14 juta kepada tuan tanah iaitu Sime

Darby Ampar Tenang. Seterusnya pihak PTP telah membuat permohonan untuk diberi milik tanah tersebut pada 8 Mei 2015 dan MMKN telah meluluskan permohonan tersebut dengan mengenakan premium berjumlah RM12.14 juta. Ini isunya sekarang di mana bila kita luluskan kita keluarkan borang 5A kepada PTP kita kenakan premium RM12.14 juta Ahli Parlimen Tanjung Karang melompat, Permatang dang Dengkil turut melompat. Tak perlu melompat. Dengar penjelasan saya. Penentuan premium tanah Kerajaan Negeri yang diberi milik kepada Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan Pekeliling PTGS Bil.3/1997 yang saya tunjukkan tadi ini termasuklah pemberimilikan tanah yang diambil di bawah Akta Pengambilan Tanah di mana pengiraan premium adalah seperti berikut. Jika pampasan dibayar oleh Kerajaan Persekutuan, kalau Kerajaan Persekutuan yang bayar pampasan kita akan kenakan RM10 satu lot. Ini nominal. Tetapi jika pampasan di bayar oleh Kerajaan Negeri ini surat pekeliling untuk kegunaan yang memberi faedah langsung kepada negeri dan kegunaan yang memberi faedah bersama kepada Negeri dan Persekutuan dikenakan harga pampasan. Itu jelas. Yang ditentukan oleh JPPH inilah yang kami buat sebab pampasan dibayar oleh Kerajaan Negeri. Kalau pampasan kepada Slme Darby dibayar oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri boleh memberikan nominal RM10 tetapi Kerajaan Negeri membayar sebanyak RM12.14 juta berdasarkan nilai yang dibuat oleh JPPH maka untuk kegunaan yang memberikan faedah langsung kepada negeri dan kegunaan yang memberi faedah bersama kepada negeri dan persekutuan seperti yang berlaku di Taman Permata pampasan harus dibayar dengan harga nilai JPPH. Oleh sebab kita bayar RM12.14 oleh sebab itu kita kenakan RM12.14. itu sahaja Yang Berhormat tidak zalim. Kita ikut surat pekeliling.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:Kita faham tentang formula yang dibagi. Kita faham dan kita selalu faham bukan macam Sekinchan dia selalu pusing-pusing macam Kota Anggerik. Cuma

TUAN SPEAKER: Soalannya Batang Kali.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:Demi untuk kepentingan awam, apakah Kerajaan Negeri tidak ada pertimbangan kebijaksanaan itu yang kita nak buat. Sebab kalau kos dah melambung semua orang kos kerajaan Pusat pun kerajaan juga. Kerajaan Negeri pun kerajaan juga. Takkan tak ada pertimbangan kemanusiaan dalam perkara ini. Jangan terlalu terikat dengan undang-undang sampaikan kebijaksanaan turut. Maksud saya formula ini yang *understanding* kedua belah pihak takkan tak ada kebijaksanaan untuk pertimbangkan. Itu persoalan dia.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Batang Kali. Saya gembiralah kerana UMNO sekarang baru sedar demi rakyat, demi kepentingan awam sebelum ini demi.... Tak boleh Yang Berhormat. Apa pun pertimbangan yang akan diberikan oleh Kerajaan Negeri kita kena ikut undang-undang dulu, ikut peraturan dulu. Kalau undang-undang pun kita langgar surat pekeliling yang kita

keluar pun kita langgar, ini yang berlaku di Putrajaya. Kita ikut surat pekeliling negeri dan kita ikut juga surat pekeliling daripada persekutuan yang sekali lagi menyatakan hanya tapak sekolah sahaja dikenakan jumlah premium RM10 nominal. Dia tak sebut dalam surat pekeliling ni untuk projek Taman Permata. Tak ada. Jadi kita ikutlah dulu surat pekeliling ini. Dan yang keduanya saya nak bagi tahu tak ada perjanjian khusus di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek perumahan Ampar Tenang bagi menggantikan projek Taman Permata. Apa yang berlaku ialah Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perumahan dan KPKT telah mengemukakan surat kepada Setiausaha Kerajaan Negeri bertarikh 16 Januari 2014 bagi mendapatkan ulasan daripada Kerajaan Negeri untuk dimasukkan dalam memorandum jemaah menteri berkenaan cadangan untuk Kerajaan Persekutuan membina 400 unit rumah teres kos rendah untuk ditawarkan kepada penduduk flat Permata Dengkil. Maka ada 3 opsyen yang terkandung dalam memorandum jemaah menteri. Pertama, unit rumah diberikan secara percuma kepada para penduduk sebagai gantian rumah yang diduduki sekarang ini. Yang kedua, unit rumah tersebut dijual kepada para penduduk dengan tawaran harga subsidi daripada Kerajaan Persekutuan yang akan ditetapkan oleh Kerajaan. Yang ketiga, unit rumah diberi secara percuma kepada para penduduk walau bagaimanapun kos pelaksanaan projek dan kos pengambilan balik tanah ditanggung secara bersama oleh persekutuan dan negeri pada nisbah 50:50. Ini cadangan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Negeri maka Setiausaha Kerajaan Negeri telah memberikan ulasan melalui surat bertarikh 3 Februari 2014 kepada Kerajaan Persekutuan dan Jabatan Perumahan Negara bahawa Kerajaan Negeri tiada halangan bagi opsyen 1 dan 2. Maksudnya kita setuju bahawa unit rumah diberikan secara percuma kepada mereka sebagai gantian kepada unit rumah yang diduduki sekarang. Kita tidak pernah bersetuju untuk berkongsi kos pembangunan di tapak yang berkenaan. Akhirnya,

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sedikit Yang Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Jadi, saya tengok Kerajaan Negeri, Yang Amat Berhormat memang pandai main silap mata lah. Ambil 12 kenakan balik premium RM12 juta. Ya lah, itu pada saya silap mata yang cukup baguslah. (Ahli-Ahli Dewan bersorak) Itu permainan silap mata. Jadi isunya, apa yang nak dibangunkan ialah kos rendah, 400 unit. Majoriti nya orang miskin. Sudah tentulah bila premium tinggi campur dengan hal-hal pembinaan sudah tentulah takkan dapat nilai yang mampu dibayar. Jadi, isu premium ini betullah apa Yang Berhormat kata tadi arahan dan sebagainya tapi isu premium ialah bergantung pada budi bicara Kerajaan Negeri. Boleh mengurang, boleh menambah dan boleh berdiskaun kan? Jadi apa yang kita nak tengok ni, untuk orang miskin, apa lah salahnya Kerajaan Negeri pertimbangkan sebab kos-kos pembangunan akan dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi, hanya sekadar itu, jadi adalah sekurang-kurangnya sumbangan

daripada Kerajaan Negeri paling tidak pun ada diskaun 50%, 20%, jadi nampaklah. Jadi, orang kata dari segi *partner*, strategi bersama-sama membangunkan kawasan berkenaan. Itu yang kita nak tanya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Saya nak betulkan tuduhan bahawa saya silap mata, saya ingat itu tidak adil lah. Kerana saya merujuk kepada Pekeliling. Yang jelas menyatakan bagi kegunaan yang memberi faedah langsung kepada Kerajaan Negeri dan juga secara bersama Kerajaan Persekutuan, kadar premiumnya adalah $\frac{1}{4}$ daripada harga pasaran tetapi kalau pampasan itu dibayar oleh Kerajaan Negeri maka Kerajaan Persekutuan perlu menanggung kos pengambilan tanah tersebut apabila diberi milik sama nilainya dengan itu surat Pekeliling Yang Berhormat bukan putar belit saya. Tetapi setelah kita meneliti perkara ini, kita memahami ini adalah pekerja-pekerja ladang yang telah dibangunkan tanah mereka di Putrajaya dan KLIA maka Kerajaan Negeri ini kerajaan peduli rakyat ya. (Ahli-Ahli dewan bersorak)Kerajaan Negeri telah pun meluluskan rayuan permohonan daripada PTP kenalah merayu. Jangan ingat Putrajaya *big brother* nak buli kami. Kita yang sumbangkan ekonomi Malaysia ni, 25%. Jadi, bila kita telah terima rayuan daripada PTP bukan daripada Tanjung Karang, bayaran premium secara nominal RM10 sahaja telah diluluskan ke atas pembangunan di Ampang (Ahli-Ahli dewan bersorak) Ampar Tenang Sepang. Bangunlah terima kasih. (Ahli-Ahli dewan bersorak).

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Baru saya nak bangun, nak dengar ayat akhir daripada Yang Berhormat Menteri Besar. Bersilat sana sini pasal peraturan, pasal macam-macam dia kata. Akhirnya, saya ucap terima kasih kepada Dato' Menteri Besar RM10. (Ahli-Ahli Dewan bersorak) Inilah dikatakan usaha sama, kerjasama peduli rakyat. Sama-sama peduli rakyat. Kerajaan Persekutuan bagi RM48 juta. Ini negeri bagi RM12 juta.

TUAN SPEAKER: Ok Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Dan lagi satu soalan. Sikit lagi, sedikit lagi. Yang..lepas ni Dato' Menteri Besar nak terangkan juga berkenaan cadangan saya penempatan Taman Permata yang ada sekarang ini boleh tak kita majukan bersama juga dengan Kerajaan Persekutuan. Kita dapat bina lagi 400 unit buah rumah PPRT. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Dato'.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Terima kasih. Sekejap saya *respond* dulu Dengkil ya. Saya sambutlah ucapan terima kasih itu, ya. Tapi kalau nak lebih kukuh lagi kerjasama negeri dengan persekutuan ni, eloklah bersama dalam Deklarasi Rakyat. (Ahli-Ahli dewan bersorak). Jadi, kita boleh bersama-sama dalam membangunkan ya. Bagi kepentingan negara. Untuk makluman Yang Berhormat Dengkil, tapak asal

Taman Permata Dengkil yang sedia ada berkeluasan hanya 10 ekar. Dan ia milik Kerajaan Negeri yang didaftarkan kepada SSI dengan nombor hak milik PN12141 dan dengan syarat nyata rumah pangsa kos rendah dan tapak ini disediakan bagi membantu pihak Kerajaan Persekutuan menyelesaikan isu penempatan penduduk, pekerja ladang yang saya sebutkan tadi daripada perang besar, ladang *callaway*, ladang *medingway*yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuanselama pembangunan Putrajaya. Untuk kemajuan masa depan sebaik sahaja kita pindahkan penduduk-penduduk ini ke kawasan yang baru, saya ingat kita boleh meneliti pembangunan di tapak yang berkenaan tetapi sudah tentulah isu tanah itu perlu diselesaikan terlebih dahulu kerana salah satu isu besar sekarang ini berlaku mendapan di tapak yang sedia ada dan kita kena melihat keperluan pembangunan di masa akan datang dan saya percaya sahabat saya Yang Berhormat daripada Cempaka akan bersedia dengan Lembaga Perumahan untuk melihat keperluan rumah kos rendah dan juga rumah-rumah mampu milik di Negeri Selangor. Yang Berhormat Tuan Speaker, akhirnya tentang isu tanah..

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Dato' saya celah sikit boleh?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya ingat kita kena balik kepada sejarah ini. Rumah-rumah Permata ini, yang masalah rumah-rumah Permata dimulakan oleh pembinaan Putrajaya di mana pekerja-pekerja ladang dibuang dari tempat dudukan mereka dan dibagikan rumah-rumah pangsapuri yang tidak sewajarnya. Saya ingat ini kena fakta yang kita kena terima. Kena tahu, sebab Pakatan Rakyat ambil alih Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2008 sebab itulah mereka dapat rumah baru sekarang sebab kita sedia bagi tanah untuk dibenakan rumah-rumah mereka. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Seri Andalas. Itu sebahagian daripada maklum balas sayalah. Saya masukkan dalam ucapan saya. Tentang Yang Berhormat Tanjung Sepat, saya bercadang untuk memberikan secara bertulis untuk menjimatkan masa kerana saya nak terus kepada isu yang besar iaitu isu air. Mana Pelabuhan Klang? Baik. Yang Berhormat Pelabuhan Kelang dan rakan-rakan beliau yang baru daripada Permatang, daripada Dengkil, daripada Semenyih telah menunjukkan minat yang luar biasa dengan industri perkhidmatan air Negeri Selangor dan telah menyentuh perkara-perkara berikut. Saya ingin menjelaskan bahawa dakwaan beberapa Yang Berhormat bahawa kadar tarif akan diturunkan sebaik sahaja penstrukturan semula adalah tidak berasas. Dan adalah satu percubaan untuk memutarbelitkan fakta dan mengelirukan dewan. Malahan Pelabuhan Klang sendiri telah beberapa kali membuat kenyataan bahawa kadar tarif air akan dinaikkan sehingga 15%. Ini kenyataan Yang Berhormat Pelabuhan Klang pada 10 November 2010 yang *menyatakan 'Tan Sri Abdul Khalid*

Ibrahim said today, the Selangor Government wanted water tariff hikes to be capped at 15 percent. Beliau sendiri pun sedia maklum bahawa tarif akan naik sehingga 15%. Saya ingin menegaskan bahawa objektif utama penstrukturan adalah lebih luas dan meliputi keseluruhan aspek pengurusan industri air di Negeri Selangor yang lebih efisien yang akhirnya akan memberi manfaat kepada keseluruhan rakyat Negeri Selangor. Saya ingin menjelaskan bahawa melalui penstrukturan semula, Kerajaan Negeri telah mengambil satu tindakan *preventive* untuk menghalang pemegang konsesi melaksanakan kenaikan kadar tarif semenjak 2008 walaupun ia terkandung dalam perjanjian konsesi. Sekiranya penstrukturan ini tidak dilaksanakan, tarif sudah dinaikkan sebanyak 3 kali iaitu pada tahun 2009, 2012 dan 2015 iaitu kenaikan sebanyak 105% kepada RM2.86 bagi setiap meter padu berbanding dengan RM1.39 pada masa sekarang. Untuk tujuan penstrukturan industri air di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri perlu membuat tawaran mengambil alih syarikat konsesi. Antara kaedah penilaian yang boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri bagi membuat tawaran kepada pemegang konsesi adalah *Book Value, Return on Equity and Discounted Cash Flow* yang merupakan amalan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Bermula pada 13 Februari 2009, Kerajaan Negeri telah memulakan usaha untuk menawarkan keempat pemegang konsesi. Namun, kesemua pemegang konsesi telah menolak kerana tawaran Kerajaan Negeri tidak mengambil kira liabiliti pemegang konsesi. Seterusnya, pada 25 Jun 2009, saya minta perkara ini diteliti kerana ada beberapa perkara besar yang saya akan maklum kepada dewan yang membuktikan penyelewengan dan pengkhianatan kepada usaha menamatkan penstrukturan ini. Pada 25 Jun 2009, satu lagi tawaran telah dikemukakan kepada empat syarikat menggunakan kaedah *Adjusted, Discounted Cash Flow*. ABASS menerima tawaran manakala Puncak Niaga Sdn. Bhd. dan SYABAS menolak tawaran. Bagi SPLASH, melalui surat bertarikh 15 Julai 2009, Kerajaan Negeri telah memberikan penjelasan bahawa O & M, operator bagi SSP 1 dan SSP 3 akan dikekalkan. Ini, saya minta Yang Berhormat Pelabuhan Klang bertanggungjawab kepada dewan untuk menjawab. Bagaimana setelah ditawarkan sejumlah nilai kepada SPLASH tetapi membenarkan SPLASH untuk meneruskan O & M di SSP 1 dan SSP 3 di mana SSP 1 diusahakan oleh Sungai Harmoni dan SSP 3 oleh Gamuda Water. Biasanya, bila kita dah beli syarikat tersebut maka kita menguasai sepenuhnya, apatah lagi apabila nilai yang dibayar itu adalah nilai ekuiti kepada syarikat SPLASH tetapi Pelabuhan Klang secara senyap telah membenarkan O & M bagi SSP 1 dan SSP 3 diteruskan oleh SPLASH pada ketika itu.

Seterusnya, pada 20 Julai 2009, pihak SPLASH telah memaklumkan untuk menerima tawaran Kerajaan Negeri yang bernilai RM2,975 juta. Sebenarnya Yang Berhormat Pelabuhan Klang telah membuat tawaran kepada SPLASH pada 2009 dengan nilai 2.9 bilion ringgit dengan pecahan nilai ekuiti sebanyak RM1,579 juta dan nilai liabiliti sebanyak RM1,396 juta. Saya mempunyai salinan surat tersebut yang bertarikh 25 Jun di mana tawaran ini dibuat kepada SPLASH dengan jumlah RM2.9 bilion. Persetujuan SPLASH untuk menerima tawaran Kerajaan Negeri telah dimaklumkan oleh SPLASH kepada pihak Kementerian melalui satu surat bertarikh

15 Oktober 2009 yang antara kandungan surat tersebut menyatakan bahawa saya *quote* 'SPLASH will not be in a position to accept any other offer or proposal which in totality is inferior to the state's offer. To accept terms which are inferior in projected value and equity returns to SPLASH would be detrimental not only to our share holders but also to the debt capital markets in general'. Ini surat daripada SPLASH yang dihantar kepada Kementerian setelah menerima tawaran daripada Kerajaan Negeri pada ketika, itu pada nilai RM2.9 bilion. Kerajaan Negeri telah sekali lagi bagi kali yang ketiga membuat tawaran kepada semua pemegang konsesi pada 6 Januari 2011 berdasarkan kaedah baru pula iaitu *Return On Equity* sebanyak 12% pada tahun berakhir 2010. Kesemua pemegang konsesi menolak tawaran tersebut kecuali ABASS yang menerima dengan meletakkan syarat pengambilalihan kesemua bon syarikat sebagai sebahagian daripada penerimaan tawaran. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, salah satu komponen di dalam penyelesaian isu penstrukturan ini adalah tuntutan syarikat konsesi ke atas bayaran penuh aset lebihan atau *surplus asset value and receivables*. Pada ketika Kerajaan Negeri membuat tawaran pada 20 Februari 2013 iaitu tawaran kali keempat kepada kesemua pemegang konsesi, kaedah penilaian adalah kaedah *Return On Equity* sebanyak 12% dicampurkan dengan nilai liabiliti yang akan diambil alih. Tawaran tersebut meletakkan satu klausa bahawa isu bayaran mengenai aset lebihan tertakluk kepada bayaran penuh oleh PAAB. Puncak Niaga dan SYABAS menolak tawaran ini manakala SPLASH dan ABASS menerima tawaran tersebut tertakluk kepada bayaran penuh kepada aset lebihan. Seterusnya, pada 26 Februari 2014, Kerajaan Negeri sekali lagi mengemukakan tawaran kaedah penilaian *Return On Equity*. Tawaran ini bernilai 9.65 bilion ringgit, satu angka yang digunakan oleh Pelabuhan Klang sehingga ke hari ini dan mendesak saya jangan mengambil alih syarikat ini lebih daripada nilai tersebut tetapi tawaran ini dibuat tanpa klausa pembayaran nilai aset lebihan kerana PAAB telah menyatakan pendirian bahawa aset lebihan tidak akan dibiayai oleh PAAB. Tawaran ini telah ditolak oleh SPLASH tetapi diterima oleh ABASS manakala bagi Puncak Niaga Holdings Berhad walaupun tidak diterima sepenuhnya, telah menyatakan kesediaan untuk berunding secara sulit dengan Kerajaan Negeri. Pelabuhan Klang telah mengadakan beberapa siri rundingan sulit dengan Puncak Niaga Holdings Berhad untuk menentukan nilai selain daripada *Return On Equity* bernilai RM1.55 bilion tanpa melibatkan mana-mana pegawai dalam Kerajaan Negeri. Hanya pada 6 Jun 2014, Puncak Niaga Holdings Berhad telah mengemukakan surat kepada mantan Dato' Menteri Besar iaitu Yang Berhormat Pelabuhan Klang, mencadangkan penyelesaian ke atas Puncak Niaga Holdings Berhad dengan mengambil kira perkara berikut. Selain daripada *Return On Equity* sebanyak 1.55 bilion ringgit, persetujuan di antara Yang Berhormat Pelabuhan Klang dengan Puncak Niaga Holdings Berhad ialah kesemua hartanah PNSB dipindah milik semula kepada Puncak Niaga Holdings Berhad tanpa sebarang kos dengan anggaran nilai RM110 juta. Yang kedua, segala urusan niaga bukan air seperti *Oil and Gas* dipulangkan kepada Puncak Niaga Holdings Berhad tanpa sebarang kos. Yang ketiga, *inter company balances* di antara Puncak Niaga Sendirian Berhad dan Puncak Niaga Holdings Berhad dilupuskan dengan anggaran nilai RM350 juta. Ini

bermakna perkara mengenai hartanah dan *inter company balances* adalah dianggarkan bernilai RM460 juta. Sehubungan dengan itu, Ahli-Ahli Yang Berhormat, nilai sebenar pengambilalihan Puncak Niaga bukan 1.5 bilion ringgit tetapi sebenarnya adalah sebanyak RM2.01 bilion. Mengapa perkara ini tidak dijelaskan Yang Berhormat Pelabuan Klang? Sekarang ini, semua *non water assets* yang dimiliki oleh Puncak Niaga Sendirian Berhad telah dikembalikan kepada Puncak Niaga Holdings Berhad bernilai RM460 juta. Sekiranya, kita maklum bagaimana pengambilalihan sesebuah syarikat. Kita beli dengan nilai *equity*, apa juga aset syarikat itu akan dikuasai sepenuhnya oleh pembeli syarikat berkenaan tetapi apa yang berlaku ialah dalam senyap-senyap beberapa aset diserahkan balik pada Puncak Niaga Holdings Berhad dan jumlahnya adalah RM460 juta. Sekiranya jumlah tersebut diterjemahkan kepada *Return On Equity* maknanya ROE yang dinikmati oleh Puncak Niaga Holdings Berhad bukan 12% tetapi 33 % seperti mana yang saya jelaskan tadi. Merujuk kepada syarikat konsesi SPLASH yang masih belum diambil alih, Yang Berhormat Pelabuan Klang pernah membuat tawaran kepada SPLASH pada 25 Jun 2009 dengan nilai *equity* yang ditawarkan pada ketika itu sebanyak RM1,579 juta. Namun, tawaran terakhir SPLASH adalah pada nilai *equity* RM250 juta sahaja berdasarkan *Return On Equity* 12% yang mana tawaran ini telah ditolak oleh SPLASH. Jadi, bagaimana Pelabuan Klang boleh tampil dalam Dewan Negeri mendesak saya supaya tidak membayar lebih 9.5 bilion ringgit sedangkan beliau sendiri memulangkan RM460 juta kepada Puncak Niaga Holdings Berhad dan membenarkan ROE yang dibayar kepada Puncak Niaga Holdings Berhad 33% dan bukan 12%. Saya minta perkara ini mesti disiasat bagaimana ianya boleh berlaku. Yang Berhormat Pelabuan Klang walau bagaimanapun terus mencanangkan, supaya Kerajaan Negeri menetapkan pulangan *equity* SPLASH pada kadar 12% setahun ataupun bersamaan RM250 juta tetapi didalam urusan Puncak Niaga Holdings Berhad, Yang Berhormat Pelabuan Klang telah bersetuju dengan tawaran yang lebih tinggi iaitu 33%. Yang Berhormat Pelabuan Klang juga menyebut perlunya Kerajaan Negeri bertindak secara telus dan bertanggungjawab. Saya ingin bertanya, apakah tindakan Pelabuan Klang ini dianggap telus dan mempunyai integriti memandangkan tawaran kepada Puncak Niaga Holdings Berhad dibuat secara sulit dan melambung daripada 12% kepada 33%. Ingin saya jelaskan di Dewan mulia ini, bahawa Kerajaan Negeri akan sentiasa menjamin kepentingan rakyat. Walau bagaimanapun, persepsi komuniti peniagaan dan pelabur asing tentang ketelusan dan keadilan perlu juga diberikan perhatian. Saya percaya bahawa komuniti perniagaan sama ada di luar ataupun di dalam negeri sedang melihat tindak tanduk Kerajaan Negeri terutama dalam perkara yang melibatkan kepentingan komuniti perniagaan. Saya ingin menjelaskan bahawa usaha penstrukturan industri air ini melibatkan kos yang sangat tinggi. Yang Berhormat Pelabuan Klang telah memaklumkan nilai RM9.65 bilion dan menuntut supaya Kerajaan Negeri bekerja keras untuk mengekalkan angka tersebut. Namun demikian, Yang Berhormat Pelabuan Klang mungkin lupa bahawa angka itu berdasar kepada penilaian ke atas *equity* dan bon syarikat konsesi pada tahun penilaian 2012. Selagi konsesi berjalan dan penstrukturan tidak dimuktamadkan, nilai

penstrukturan semula akan terus meningkat melalui nilai bon dan nilai liabiliti. Ahli Yang Berhormat sekalian, kita harus akur kos yang terlibat dalam penstrukturan industri air ini sangat besar. Kos ini akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dan Pengurusan Air Selangor. Selain daripada kos untuk menyelesaikan penstrukturan, Kerajaan Negeri dan Air Selangor perlu menyediakan kos pengoperasian dan penambahbaikan sistem rawatan dan sistem agihan. Tidak cukup itu, kos penyediaan air percuma sebanyak 162 juta ringgit setahun menjadi tanggungan kepada Kerajaan Negeri dan Air Selangor. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian mahukan perkhidmatan yang terbaik, menyediakan sistem pemantau yang canggih. Ini semua memerlukan kos dan merupakan cabaran yang sangat besar kepada Kerajaan Negeri. Namun demikian, sebagai kerajaan yang peduli rakyat, apa pun pendekatan yang akan diambil termasuk dalam hal penstrukturan industri air, Kerajaan Negeri akan memberi jaminan untuk berusaha sebaik mungkin untuk memastikan apa jua kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor akan diuruskan secara bertanggungjawab dan berhemah. Sebarang kenaikan tarif akan mengambil kira beban kos sara hidup rakyat dan menjamin tarif yang *affordable*, yang tidak membebankan. Akhirnya, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menyentuh sedikit tentang projek Langat 2 di mana Yang Berhormat Batang Kali dan Yang Berhormat Permatang telah membangkitkan projek Langat 2. Pelabuhan Klang telah meminta Projek Langat 2 ini dipercepatkan. Namun, izinkan saya memberikan sedikit latar belakang mengenai Projek Langat 2 ini. Kita sedia maklum bagaimana latar belakang yang begitu panjang sehingga melengahkan projek ini. Tetapi apa yang saya nak nyatakan di sini ialah pelaksanaan Langat 2 ini masih tertangguh walaupun memorandum persefahaman di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan mengenai penstrukturan semula industri air telah ditandatangani pada 26 Februari 2014. Saya sedia maklum, Pelabuhan Klang sendiri ada mengeluarkan arahan kepada pegawai untuk tidak memberikan kerjasama pada pelaksanaan projek Langat 2. Namun, sebaik saya mengambilalih pentadbiran Kerajaan Negeri pada 23 September 2014, isu penstrukturan dan Langat 2 merupakan agenda utama yang telah saya berikan perhatian secara serius. Setelah beberapa peringkat rundingan, perjanjian tambahan telah ditandatangani pada 7 Julai 2015 dan sebagaimana yang telah saya janjikan sebaik sahaja selesai isu penstrukturan di antara Puncak Niaga, SYABAS dan ABASS maka pada 27 Ogos 2015 Kerajaan Negeri melalui MMKN telah mengarahkan Pejabat Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan semua agensi kerajaan yang terlibat untuk memberikan kelulusan pelaksanaan Projek Langat 2. Sementelahan kelulusan Langat 2 dikeluarkan, pihak PAAB telah memaklumkan satu lagi kekangan untuk melaksanakan Projek Langat 2. Ini saya nak laporkan kepada Dewan supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat memahami. Salah satu faktor mengapa Projek Langat 2 ini tertangguh dan kini dilaporkan sehingga 2019 adalah kerana penyediaan tanah bagi membangunkan *sludge facility*. Dalam Dewan ini, saya ingin jelaskan perkara sebenar berlaku. Pada tahun 2009, terdapat sebidang tanah lot 6668, PN 7957 Mukim dan Daerah Hulu Langat telah dikenalpasti sebagai tapak yang sesuai bagi membangunkan kemudahan enapcemar ataupun *sludge facility* untuk Projek Langat 2. Pihak PAAB dan KeTTHA

telah merancang untuk membuat pengambilan balik tanah tersebut bagi tujuan *sludge facility*. Namun demikian, tanah tersebut telah diberi milik pada MBI pada ketika itu dan seterusnya dijual kepada pihak ketiga pada awal tahun 2013. Setelah semakan dibuat, Kerajaan Negeri mendapati tanah tersebut pada tahun 2013, telah dijual kepada Syarikat Prestige Capital Sendirian Berhad di mana ahli lembaga pengarahnya ialah Hazurin bin Harun dan Koay Beng Hok yang kedua-duanya merupakan ahli lembaga pengarah Bolton Berhad. Persoalan yang ingin saya tanya kepada Pelabuan Klang mengapakah tanah yang dikenalpasti bagi kemudahan awam *sludge facility* telah diberikan kepada MBI pada ketika itu dan seterusnya dijual kepada Prestige Capital Sendirian Berhad. Ekoran daripada tindakan beliau pada ketika itu, PAAB terpaksa membuat perancangan semula ke atas pembangunan Langat 2 bagi mencari tapak baru untuk *sludge facility* yang menambahkan lagi kelewatan pelaksanaan projek ini sehingga 2019. Sekiranya PAAB ingin mengekalkan tapak asal maka PAAB perlu membeli semula tanah tersebut pada harga sebanyak RM600 juta yang akhirnya akan ditanggung rakyat Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, sekiranya diteliti perkara yang saya sebutkan tadi, isu kelewatan Projek Langat 2 di bawah pimpinan semasa Kerajaan Negeri tidak berlaku atau tidak sepatutnya dipersoalkan. Isu yang berbangkit adalah berikutan daripada tindakan pimpinan tertentu sehingga memberi kesan langsung kepada pelaksanaan Projek Langat 2 ini. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya percaya perkara-perkara yang lain kita boleh maklumkan secara bertulis kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya perkara ini dapat difahami dan antara perkara yang penting yang perlu saya kemukakan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis adalah tentang perancangan Air Selangor dan strategi sebaik sahaja kita mengambil alih syarikat-syarikat konsesi.

TUAN SPEAKER: Bukit antarabangsa Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Sedikit penjelasan isu penjualan tanah yang menyebabkan *delay* sekarang kerana perlu *design modification* adakah penjualan tanah ini di ketahui dan diluluskan oleh MMKN atau tindakan sendiri Yang Berhormat Pelabuan Klang?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Daripada maklumat awal yang saya perolehi, tanah ini telah dipindah milik kepada MBI. Walaupun pada ketika itu, telah pun dikenalpasti dan dipersetujui oleh PAAB dan KeTTHA bagi pembangunan *sludge facility*, namun pada 2013 ia telah dipindahmilik kepada MBI dan akhirnya dijual kepada Syarikat Prestige Capital Sendirian Berhad. Saya tidak ada maklumat sama ada kebenaran pindah milik ini dilakukan di peringkat MMKN atau hanya di peringkat MBI pada ketika itu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, saya nak meminta sedikit penjelasan sahaja memandangkan apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa kita kehilangan, terpaksa bayar lebih RM460 juta kepada

SYABAS, Puncak Niaga. Dan saya nak tanya tentang ibu pejabat Puncak Niaga yang besar tu bersamaan tanah, sekarang dimiliki oleh Kerajaan Negeri ataupun siapa?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Itu adalah sebahagian daripada *deal* yang telah dipersetujui oleh Yang Berhormat Pelabuan Klang dan sekarang ini ibu pejabat yang berada di Shah Alam, Wisma Rozali itu menjadi milik Puncak Niaga Holdings Berhad. Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker, itulah yang nak saya kongsi. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbincangan dan mengemukakan pandangan dan teguran. Bagi pihak Kerajaan Negeri, kita mengambil maklum pandangan-pandangan tersebut. Speaker.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dan saya berharap penjelasan yang diberikan dapat membantu, merungkai, salah faham dan *confusion* yang ada di kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat UMNO dan Barisan Nasional dan saya percaya penjelasan itu sudah cukup jelas dan terang memberikan pencerahan kepada kita semua. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Baiklah, Ahli-Ahli Yang Berhormat semua, sebelum saya meneruskan Aturan Mesyuarat, ingin saya ingatkan semua Ahli Yang Berhormat supaya, apabila telah membangkitkan sesebuah isu dalam perbincangan sepatutnya hadir dalam dewan untuk mendengar penjelasan daripada kerajaan. Kalau tidak, kita membuang masa. Semua pihak sini menyediakan jawapan tetapi Adun yang berkenaan tidak hadir. Saya rasa ini tidak adil untuk semua Ahli Yang Berhormat yang duduk dalam dewan ini ya. Baiklah Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi seperti berikut, 'Ampun Tuanku patik-patik sekalian, iaitu Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun di dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih diatas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Keempat Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas.' Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. (Ahli-Ahli Dewan menyebut ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-Undang Enakmen Lambang-Lambang dan Nama-Nama Mencegah Daripada Salah Guna Pindaan 2016 Semua Peringkat. Rang Undang-Undang ini bernama Suatu Enakmen Untuk Meminda Enakmen Lambang-Lambang Dan Nama-Nama Mencegah Daripada Salah Guna 1962.

TUAN SPEAKER: Baiklah, pencadang untuk bacaan kali kedua.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Speaker, saya mohon mencadangkan suatu enakmen untuk Meminda Lambang..untuk Meminda Enakmen

Lambang-Lambang Dan Nama-Nama Mencegah Daripada Salah Guna 1962 dibaca kali yang kedua sekarang. Yang Berhormat Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Enakmen Lambang-Lambang Dan Nama-Nama Mencegah Daripada Salah Guna 1962 telah digubal dan diwartakan pada 23 Mei 1992 sebagai Undang-Undang Yang Mencegah Daripada Salah Guna Apa-Apa Lambang Atau Nama yang ditetapkan dalam Jadual di bawah enakmen tersebut dan apa-apa pelanggaran peruntukan Enakmen 13 adalah merupakan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda sebanyak RM1000.00. Untuk pengetahuan dewan yang mulia ini juga enakmen ini telah pun disemak semula di bawah Enakmen Penyemakan Undang-Undang Negeri Selangor 2003 dan versi semakan tersebut telah dinomborkan semula sebagai Enakmen 13. Ia telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor pada 30 Julai 2015. Mutakhir ini kita sering mendengar mengenai kes penyalahgunaan gelaran Darjah Kebesaran, Bintang Kebesaran atau pihak oleh..atau pingat oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di beberapa buah negeri dalam negara ini. Menyedari ancaman gejala pemberian dan pemakaian anugerah darjah dan kebesaran yang tidak diiktiraf dan demi memelihara martabat dan kedaulatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor selaku satu-satunya sumber bagi penghormatan dan kebesaran dalam negeri Selangor dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sahajalah yang boleh menganugerahkan gelaran dan kebesaran dan mewujudkan darjah dan pingat penghormatan dan kebesaran selaras dengan peruntukan di bawah Perkara 38 Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor. Dan dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor maka Mesyuarat MMKN yang ke 5/2016 yang telah diadakan pada 3 Februari 2016 yang telah disahkan oleh Mesyuarat MMKN yang ke 6/2016 telah memutuskan supaya Enakmen 13 ini dikaji semula dan membuat pindaan kepada enakmen tersebut terutama sekali berkenaan dengan hukuman yang boleh dikenakan kerana denda sedia ada dalam enakmen tersebut didapati terlalu rendah.

Enakmen Lambang-Lambang Dan Nama-Nama Mencegah Daripada Salah Guna Pindaan 2016 ini bertujuan untuk meminda beberapa seksyen dan memasukkan beberapa seksyen baru ke dalam Enakmen 13. Cadangan pindaan ini bertujuan untuk mengawal, membendung dan mengenakan hukuman yang berat kepada mereka yang tidak bertanggungjawab yang mengadakan upacara pengurniaan dan memakai darjah kebesaran dan pingat yang tidak diiktiraf khususnya yang berlaku di dalam negeri Selangor sahaja. Berasaskan kepada maklumat yang boleh dipercayai, kebanyakan bintang dan darjah kebesaran yang diperolehi secara tidak sah adalah mempunyai nilai yang amat tinggi sehingga boleh mencecah ke ratusan ribu ringgit. Oleh yang demikian, demi memastikan bahawa mereka yang mendapatkan bintang dan darjah kebesaran dengan cara yang tidak sah seperti membeli bintang dan darjah kebesaran maka adalah wajar apabila melakukan kesalahan di bawah enakmen ini hendaklah dikenakan hukuman yang setimpal. Sehubungan dengan itu, denda yang dikenakan minimum RM100,000.00 ke RM250,000.00 adalah dianggap sebagai patut dan seharusnya boleh dianggap sebagai suatu jumlah denda yang boleh mencegah daripada kesalahan

penyalahgunaan bintang dan darjah kebesaran yang tidak diiktiraf. Tambahan lagi, hukuman pemenjaraan yang diperuntukkan merupakan suatu hukuman pilihan kepada denda dan mahkamah hanya akan mengenakan hukuman pemenjaraan ke atas pesalah tegar yang berulang kali melakukan kesalahan di bawah enakmen ini. Secara perbandingan pula, jika hukuman denda sebanyak RM100,000.00 dikenakan dan denda itu tidak dibayar maka hukuman yang bersamaan dengan denda tersebut adalah selama maksimum sehingga 3 tahun penjara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah Akta 593. Oleh itu, selaras dengan Semangat Rang Undang-Undang ini, iaitu untuk memelihara kedaulatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan untuk mencegah daripada kegiatan salah guna apa-apa *emblem*, nama darjah dan kebesaran di bawah enakmen maka hukuman yang berat seharusnya diterima dan disokong. Seperkara lagi, hukuman yang dikenakan ini hanya ke atas mereka yang melakukan kesalahan dan tidak seharusnya menjadi suatu kebimbangan bagi mereka yang telah diberi kebenaran oleh Majlis Diraja seperti yang termaktub di dalam Enakmen 13 untuk menggunakan lambang-lambang, nama-nama dan darjah kebesaran dan pingat yang diiktiraf. Kerajaan Negeri juga amat prihatin dan mengambil maklum tentang kekhuatiran pihak-pihak yang berkepentingan untuk menggunakan sesetengah lambang kerana bimbang ia akan menyalahi enakmen ini.

Sukacita Kerajaan Negeri ingin memaklumkan di sini bahawa sebelum ini tiada apa-apa penerangan atau garis panduan yang jelas berkenaan dengan penggunaan lambang-lambang di bawah enakmen ini. Namun, selepas pindaan enakmen ini, penggunaan lambang-lambang oleh Ahli Dewan Negeri adalah dibenarkan selaras dengan kemasukan lambang rasmi Adun ke dalam Jadual Pertama Enakmen ini sebagai antara lambang yang dibenarkan untuk digunakan dalam negeri Selangor. Mengambil semangat daripada enakmen yang menghendakkan bahawa penggunaan lambang enakmen ini perlulah mendapatkan kebenaran Raja dalam Mesyuarat. Kerajaan Negeri akan mengeluarkan satu garis panduan berkenaan dengan penggunaan lambang-lambang oleh Adun bagi menjelaskan lagi pindaan yang dibuat kepada enakmen ini. Penggunaan lambang oleh Adun adalah dijamin di bawah enakmen ini selagi mana ia digunakan selaras dengan maksud enakmen ini dan bukan untuk digunakan bagi apa-apa perkara yang bertentangan dengan enakmen. Kerajaan Negeri juga mengambil maklum tentang pandangan Adun sekalian yang mungkin berpandangan bahawa Rang Undang-Undang ini tidak perlu digubal dan cukup memadai sekadar Kerajaan Negeri mengguna pakai peruntukan di bawah kanun keseksaan yang berkaitan dengan kesalahan penipuan atau penyamaran bagi mengawal selia kesalahan di bawah enakmen ini. Mengambil pandangan itu sebagai cadangan yang baik dan ada kebenarannya, namun Kerajaan Negeri ingin memperjelaskan bahawa dalam konteks ingin memelihara Institusi Diraja berkaitan dengan perkara memberi dan memelihara bintang dan darjah kebesaran yang diwujudkan adalah penting dalam usaha untuk mengiktiraf Kedaulatan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Institusi Diraja Negeri Selangor sebagai satu-satunya sumber pemberian penghormatan darjah kebesaran bintang

dan pingat maka amatlah bertepatan. Suatu undang-undang khusus seperti Rang Undang-undang dan Lambang-Lambang Dan Nama-Nama Mencegah Daripada Salah Guna Pindaan 2016 yang akan dibentangkan ini diwujudkan supaya bagi mereka yang miliki atau memakai lambang-lambang atau nama-nama darjah kebesaran dan pingat dari sumber yang betul dan tanpa diiktiraf dan yang tidak bertujuan untuk menipu atau penyamaran adalah merupakan juga suatu kesalahan yang khusus selain kesalahan-kesalahan lain yang ditetapkan di bawah kanun keseksaan. Namun pada masa yang sama Kerajaan Negeri ingin menegaskan di sini bahawa pindaan yang dicadangkan ini tidaklah menyekat Kerajaan Negeri daripada menggunakan apa-apa kesalahan di bawah kanun keseksaan berkaitan dengan kesalahan seperti penipuan atau penyamaran bergantung pada kewajaran dan kesalahan yang boleh dituduh di bawah kanun keseksaan tersebut.

Kerajaan Negeri juga mengambil maklum tentang kegusaran Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian berkaitan dengan kuasa atau izin untuk mendakwa setelah penyiasatan oleh pihak polis selesai. Sukacita dimaklumkan bahawa di bawah Seksyen 6 Enakmen 13 sebelum pindaan, telah pun mengkhususkan kuasa untuk mendakwa adalah terletak kepada Penasihat Undang-Undang Negeri dan bukan seperti mana kebiasaannya diletakkan di bawah Pejabat Timbalan Pendakwa Raya. Penasihat Undang-Undang Negeri juga merupakan Pegawai Kanan Undang-Undang yang telah diturunkan kuasa pendakwaan selaras dengan Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan Dan Seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah bagi tujuan pendakwaan kes di bawah enakmen ini. Sebagai Pegawai Kanan Undang-Undang, sememangnya menjadi tanggungjawab Penasihat Undang-Undang Negeri untuk meneliti setiap laporan kertas siasatan sebelum memutuskan sama ada pendakwaan harus dibuat atau tidak bagi sesuatu kes. Oleh yang demikian, tidak timbul tentang persoalan sama ada akan wujud penyalahgunaan oleh pihak Kerajaan Negeri dalam penguatkuasaan enakmen ini atau berlaku *selected prosecution* oleh pihak Penasihat Undang-Undang Negeri ke atas kes-kes yang dikemukakan kepadanya kelak. Yang Berhormat Speaker, pindaan-pindaan yang hendak dilakukan kepada Enakmen 13 ini adalah seperti yang berikut :

12.1 Tajuk panjang enakmen 13 dipinda bagi meluaskan ruang lingkup pemakaian enakmen selaras dengan Perkara 38 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor. Sebelum pindaan Enakmen 13 hanya terpakai kepada salah guna lambang dan nama bagi tujuan profesional dan komersial sahaja. Seksyen 1 Enakmen 13 dipinda dengan meminda nama Enakmen 13 kepada *Emblem, Names, Titles and Honest Prevention Of Improper Use 1962*. Pindaan ini adalah perlu untuk mencerminkan ruang lingkup enakmen yang diperluas berhubung dengan pencegahan salah guna gelaran dan penghormatan yang diwujudkan dan dikurniakan oleh *duli yang maha mulia sultan*. Peluasan pemakaian ini juga adalah bertujuan untuk melindungi orang awam daripada mereka yang menyalahgunakan apa-apa gelaran dan penghormatan untuk apa-apa tujuan yang menyalahi enakmen. Seharusnya tidak perlu ada kekhuatiran di pihak orang awam yang menggunakan

lambang dan nama tanpa niat jahat atau yang tidak bertentangan dengan enakmen seperti menggunakan bendera negeri Selangor atau lambang negeri Selangor untuk kebanggaan seperti meraikan Hari Kebesaran Negeri, Hari Kebesaran Duli Yang Maha Mulia Sultan dan juga meraikan kejayaan Pasukan Bola Sepak Selangor atau memakai atau menjual *jersey* pasukan negeri Selangor akan dijamin daripada disabitkan dengan kesalahan di bawah enakmen ini. Ini kerana secara semangatnya pindaan enakmen ini hanyalah dikhususkan pengawalannya ke atas mereka menyalahgunakan penggunaan lambang atau untuk tujuan kepentingan peribadi yang bersifat tidak baik atau dengan berniat jahat. Seksyen 2 Enakmen 13 dipinda untuk memasukkan beberapa takrif baru ke dalam Enakmen 13. Takrif baru yang dimaksudkan adalah *Gratification Investiture And Specified Title And Honest*. Selain itu, *Specified Emblem* juga dipinda dengan memasukkan perkataan *Official Crest* untuk menjadi sebahagian daripada takrif tersebut bagi merujuk kepada lencana rasmi yang dibenarkan untuk digunakan dalam negeri Selangor. Seksyen 3 Enakmen 13 dipinda dalam perenggan 3 (1)(A) bagi merangkumi perbuatan membeli dan menggunakan lambang-lambang nama-nama atau gelaran dan penghormatan bagi pelbagai tujuan termasuk untuk kepentingan peribadi atau apa-apa kelebihan lain yang serupa hendaklah mendapatkan kebenaran dari Raja dalam mesyuarat. Pindaan kepada perenggan 31)(b) pula bertujuan untuk menjadikan tindakan membuat, memesan atau menghasilkan apa-apa lambang nama-nama atau gelaran atau penghormatan sebagai suatu tanpa mendapat kebenaran daripada Raja dalam mesyuarat menjadi satu kesalahan. Pindaan Seksyen 4 Enakmen 13 merupakan pindaan berbangkit daripada peluasan ruang lingkup enakmen. Ia bertujuan untuk memasukkan perkataan *title and honours* dalam sub seksyen 4(1) dan perkataan *specified title and honours* dalam sub seksyen 4(2). Enakmen 13 juga dipinda dengan memasukkan beberapa seksyen baru ke dalamnya iaitu seksyen baru 4A, 4B, 4C, 4D, 4E, 4F, 4G dan 4H. Seksyen baru 4A bertujuan untuk menetapkan bahawa apa-apa penghormatan kebesaran gelaran darjah kebesaran dan pingat penghormatan dan kebesaran yang tidak diwujudkan dan dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan adalah kehormatan kebesaran gelaran darjah kebesaran dan pingat penghormatan dan kebesaran yang tidak diiktiraf dan tidak boleh digunakan dalam negeri Selangor Darul Ehsan. Seksyen ini juga melarang sama sekali mana-mana orang daripada memberi, menerima atau memakai apa-apa gelaran dan penghormatan yang tidak diiktiraf dan pelanggaran seksyen tersebut adalah merupakan suatu kesalahan. Seksyen baru 4B bertujuan untuk menjadikan tindakan meminta menerima atau memberi rasuah bagi mendapatkan gelaran dan kebesaran yang tidak diiktiraf sama ada untuk dirinya atau melalui mana-mana orang lain sebagai suatu kesalahan di bawah enakmen. Kesalahan ini juga meliputi bagi mana-mana orang yang membantu dalam perlakuan sedemikian. Seksyen baru 4C pula memperkatakan tentang majlis istiadat pengurniaan yang tidak diiktiraf. Seksyen ini menegaskan bahawa hanya Duli Yang Maha Mulia boleh menjalankan apa-apa majlis istiadat pengurniaan kepada mana-mana orang. Oleh yang demikian mana-mana majlis istiadat pengurniaan yang lain adalah majlis istiadat pengurniaan yang tidak diiktiraf dan apa-apa pengurniaan yang diberikan dalam majlis tersebut adalah

pengurniaan yang tidak diiktiraf. Seksyen ini juga merangkumi kesalahan bagi mana-mana orang yang menghadiri mempromosi melibatkan diri, membantu atau mengadakan majlis istiadat pengurniaan tersebut termasuk orang yang menyewa, menyediakan atau membenarkan mana-mana premis digunakan untuk tujuan tersebut. Seksyen baru 4D bertujuan untuk menjadikan tindakan meminta, menerima, atau memberi rasuah bagi menganjurkan majlis istiadat pengurniaan yang tidak diiktiraf sama ada untuk dirinya atau melalui mana-mana orang lain sebagai suatu kesalahan di bawah enakmen. Kesalahan ini juga meliputi bagi mana-mana orang yang membantu dalam perlakuan sedemikian. Seksyen baru 4E pula memperkatakan tentang kesalahan bagi mana-mana orang yang mengatakan bahawa dirinya sebagai pemegang gelaran dan kebesaran yang sah yang dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan orang itu sebenarnya tidak pernah dikurniakan gelaran dan kebesaran sedemikian. Seksyen baru 4F bertujuan untuk menjadikan tindakan menggunakan gelaran dan kebesaran yang telah dibatalkan atau ditarik balik sebagai suatu kesalahan di bawah enakmen. Seksyen baru 4G pula bertujuan untuk menjadikan tindakan mana-mana orang yang menggunakan apa-apa gelaran dan kebesaran yang tidak layak digunakan oleh orang itu sebagai suatu kesalahan di bawah enakmen. Beberapa ilustrasi juga telah dimasukkan bagi dijelaskan peruntukan tersebut. Seksyen baru 4H pula memperkatakan tentang percubaan dan persubahatan mana-mana orang dalam melakukan apa-apa kesalahan di bawah enakmen akan dihukum mengikut seksyen yang berkenaan dengan kesalahan tersebut. Seksyen 5 enakmen 13 dipinda untuk menaikkan jumlah denda daripada RM1000 kepada RM250,000 ataupun pemenjaraan tidak kurang dari 1 tahun dan tidak lebih dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Pindaan ini perlu kerana jumlah denda sebelum ini dikira sebagai terlalu kecil dan tidak akan memberikan kesan pencegahan yang sewajarnya terhadap perlakuan kesalahan di bawah enakmen. Seksyen 7 Enakmen 13 dipinda untuk membolehkan Raja dalam mesyuarat mempunyai kuasa untuk meminda mana-mana jadual kepada enakmen. Jadual kepada enakmen 13 dipinda dengan menjadikan sebagai jadual pertama bagi membolehkan jadual baru kedua dimasukkan ke dalam enakmen. Pindaan juga bertujuan untuk memasukkan peruntukan berkenaan dengan lencana rasmi yang dibenarkan untuk digunakan dalam negeri Selangor. Selain itu pindaan sewajarnya dibuat kepada senarai bahagian 3 jadual pertama berkenaan dengan nama yang dinyatakan dengan memasukkan nama *Her Royal Highness the* Tengku Permaisuri dan *His Highness the Raja Muda* ke dalam senarai. Jadual baru kedua ini menaikkan darjah kebesaran dan pingat penghormatan dan kebesaran yang telah diwujudkan dan dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan. Yang Berhormat Speaker, saya mohon mencadangkan.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat semua cadangan ini telah pun disokong saya kemukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan. Sekinchan. Lima minit sahaja ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker, Sekinchan juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang atau enakmen undang-undang lambang. Lambang-lambang dan nama-nama 2016 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kita sedia maklum sejak kebelakangan ini memang wujud segelintir individu ataupun sindiket yang membeli dan menjual ataupun memakai darjah kebesaran, bintang dan pingat yang tidak diiktiraf entah mana mereka dapat. Keadaan ini telah berleluasa di sana sini. Sehingga keadaan yang tidak bermoral ini bukan sahaja berlaku dan dia menjadikan satu trend di mana rakyat di bawah di kedai kopi dan sebagainya mereka kadangkala *confused* dan keliru, curiga tentang gelaran sesetengah individu yang mendakwa mereka ini adalah mendapat anugerah dari pembesar dan sebagainya sehingga kita tak tau dari mana kita nak pastikan dia betul atau tidak. Inilah yang menyebabkan kekeliruan jadi enakmen undang-undang lambang-lambang dan nama-nama 2016 ini adalah untuk mencegah perbuatan sedemikian daripada terus berlaku demi untuk memelihara nama baik dan juga memperkasakan institusi istana dan nama bagi Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor. Ingin saya nyatakan di sini bahawa perlu ada keperluan kita adakan undang-undang sedemikian di mana terdapat sindiket-sindiket yang mereka ini membeli Darjah Kebesaran, Bintang tanpa kebenaran dan tidak diiktiraf dan mereka ini adalah dari kumpulan yang saya nampak kumpulan yang menjalankan sindiket seperti gengster seperti kongsi gelap dan sindiket haram seperti pengedaran dadah dan sebagainya. Mereka ini kadang-kadang kita tengok individu ini bagaimana boleh dapat gelaran demikian. Akhirnya kita mungkin kenal pasti mereka ini adalah dapat gelaran ini tidak diiktiraf. Ini mengelirukan masyarakat dan mengelirukan pihak berkuasa yang menjalankan tugas. Oleh yang demikian saya ingin mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Negeri bahawa perlu ada keperluan wujudkan satu website oleh Kerajaan Negeri SUK bersama pihak Istana untuk memaparkan semua kerabat-kerabat diraja Negeri Selangor, nama-nama tengku untuk ditatap oleh rakyat di bawah kerana kadang-kadang kita menerima telefon daripada orang-orang yang mengatakan mereka tengku tetapi dengan namanya kita tak tau dari mana kita nak cek tengku ini. Tengku inibetul atau tidak. Ada tengku dari Melaka pun ada. Jadi ini *confused* lebih teruk lagi tengku yang didakwa oleh Barisan Nasional lagi *confused*. Di Putrajaya pun ada. Jadi saya pun pening. Oleh itu, dalam kita nak menggunakan teknologi maklumat dan *smartphone* yang ada, komputer internet yang ada saya minta kerajaan memperkemaskan dan kita adakan satu *website* khas untuk memelihara nama baik Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan kerabatnya. Kita adakan semua sekali Tengku yang berada di Selangor kerabat-kerabatnya yang sah dengan namanya supaya apabila berlaku orang nak tipu kita boleh cek dan nampak ini tengku tipu tak ada dalam senarai. Ini antara kita boleh cegah kita harap keadaan ini dapat diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri. Pada masa yang sama juga

Sekinchan nak membangkitkan di mana sekarang ini ada satu trend namecard yang diberi oleh individu tertentu saya nampak Dato' Seri Arumugam, Dato' Seri Arumugam tapi di belakang tidak ditulis seperti S.P.M.S dan sebagainya. Tidak dituliskan. Maka kita tidak tau siapa yang kurniakan. Jadi tak boleh detect orang ini betul atau tidak mungkin dia dapat daripada Mindanao daripada Sulu ke daripada Medan ke dan daripada Sultan Melaka yang mengaku dia sendiri duduk di Gombak ke, kita tak tahu. Jadi saya harap adakan undang-undang juga dalam undang-undang ini dimasukkan juga kalau boleh cadangan ini pada masa akan datang *name card* itu kalau nama gelaran darjah kebesaran itu yang sah harus diletak dengan pangkal nama Dato' Seri, Dato' dan sebagainya dan belakang letak S.P.M.S., D.S.S.A dan baru kita tahu di mana, ini kebanggaan rakyat. Di mana seseorang itu pegawai kerajaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ahli politik dan orang kenamaan yang mendapat darjah kebesaran daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku, ini satu penghargaan. Satu kebanggaan ini yang kita nak. Nilai dia terpelihara. Kita tak nak sindiket yang menipu memakai nama yang palsu ini mengelirukan masyarakat supaya kita *confused* dan saya harap dan pada masa yang sama dalam pindaan undang-undang ini 4A, B,C dan D saya nampak dari angka RM1000 penaltinya, RM1000 denda, RM1000 kepada RM250,000 tidak kurang RM250,000 saya nampak ini satu angka yang agak besar RM250,000 saya harap Kerajaan Negeri dapat rujuk balik perkara ini untuk perkemaskan dari masa ke semasa kerana denda yang besar 2 tahun hingga 5 tahun ini bukan main. Jadi memang betul tujuan Kerajaan Negeri adalah untuk mencegah mengelakkan barang siapa yang salah guna darjah kebesaran dan lambang-lambang, keris, lencana-lencana, *emblem* dan sebagainya tetapi RM250,000 itu kita kena semak dari masa ke semasa dan juga 2 tahun hingga 5 tahun dan masa yang sama saya cukup menghargai apa yang Menteri Besar tadi mengatakan penggunaan Bendera Negeri untuk kegunaan seperti kita meraikan kemenangan bola sepak Selangor menang 3-0 dan sebagainya kita semua seluruh stadium pakai dan ambil bendera dan itu tidak dijustifikasikan sebagai menyalahgunakan lambang bendera. Kalau tidak mereka ini dikenakan RM250,000. Saya rasa tidak ada seorang pun boleh bayar dan kalau tak boleh bayar masuk penjara 2 hingga 5 tahun. Ini saya juga khawatir kerana kalau Selangor menang saya juga angkat bendera. Saya pun sedikit kegetaran jadi saya harap perkara ini dapat diperkemaskan oleh Kerajaan Negeri supaya rang undang-undang ini lebih tersusun. Saya harap setakat ini sahaja apa yang saya bahaskan kita harap setelah ada undang-undang sedemikian apabila ia diperkuasakan tidak disalahgunakan oleh pihak berkuasa seperti ketua Kampung atau JKKKK mereka suka menggunakan lambang Selangor, keris Selangor dengan baju *tshirt*nya kerana mereka bangga adalah sebahagian daripada ahli antara Kerajaan Negeri mereka cukup bangga tapi bila penguat kuasa tangkap mereka menerusi undang-undang ini RM250,000 menanti ataupun 2 hingga 5 tahun penjara. Ini juga menjadi kebimbangan JKKKK yang sah di kampung. JKKKKP dah salah, JKKKKP memang tak sah. Mereka mengaku sendiri. Saya pun malu. Tak apa biarlah mereka tak malu tapi kita malu. Jadi kita nak cegah pula orang yang buat benda tak malu. Akhir sekali saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Permatang. 5 minit.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Terima kasih. Tak sampai 5 minit Tuan Speaker. Jangan bimbang. Sekinchan punya mulut tak ada insurans kita nak bahas elok-elok dia mulut tak jaga langsung. Terima kasih Speaker. Elok pendek jadi panjang. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, pertama bagi pihak Permatang ingin mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan pembentangan enakmen yang dinamakan Enakmen Lambang-lambang dan Nama-Nama pencegahan daripada salah guna pindaan 2016 yang dibawakan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa bagi pihak saya, saya ingat ada dua perkara yang kita patut lihat. Yang pertama kita mengalu-alukan pembentangan enakmen ini dan kita dengan rasa hati yang begitu gembira sebenarnya menyokong enakmen ini. Pertamanya ialah dua aspek, yang pertama ialah mengenai kewajaran enakmen ini adalah kerana untuk pencegahan seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan juga Sekinchan juga menyokong, saya percaya langkah pencegahan itu amat perlu dengan mengadakan denda yang ditambah pemenjaraan dan sebagainya. Itu satu perkara yang memang kita alu-alukan.

Yang kedua dari segi penguatkuasaan, ini juga satu perkara yang sepatutnya apabila enakmen diluluskan penguatkuasaan juga merupakan satu perkara aspek yang penting. Kalau kita ada undang-undang tapi penguatkuasaan yang lemah, kita ada undang-undang tapi penguatkuasaan tidak dibuat secara menyeluruh, maka ini juga akan menyebabkan undang-undang itu hanya tinggal undang-undang dan tidak terpakai. Jadi kita mengharapkan apabila undang-undang ini enakmen ini diluluskan, penguatkuasaannya juga mestilah dijalankan dengan sepenuh hati, dengan sepenuhnya supaya kita hendak memastikan kemuliaan Dewan Yang Mulia Tuanku sebagai satu-satunya sumber yang boleh memberikan penghargaan atau pun pengurniaan apa jua pingat sebagaimana yang di bawah Jadual yang di bentang oleh Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa. Jadi akhirnya bagi pihak rakan-rakan daripada Adun-Adun Barisan Nasional kami telah saya telah diberikan mandat untuk menyampaikan bahawa kami adalah dari Barisan Nasional juga dengan rela hati menyokong penuh enakmen dan juga yang di bawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya minta mencelah.

TUAN SPEAKER:Kampung Tunku ya, 5 minit.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, terima kasih saya pada permulaannya tidak bercadang untuk mengambil bahagian tetapi apabila saya meneliti enakmen ini, saya mendapati ada barangkali ada isu dari segi lakonan undang-undang. Iaitu saya lihat kepada cadangan pindaan 4(A) yang akan dimasukkan ke dalam enakmen asal itu. Ada disebut bahawa contohnya sebagai contohnya *no person should received and*

recognize specified title owner under this enactment from any person within the State of Selangor. Fras a within the State of Selangor. Berulang, berulang, berulang dan kita boleh lihat ini boleh dilihat dalam *substation* 3,4,5 dan 6. Ada sedikitlah lakonan. Undang-undang ini boleh dikenakan kepada sesiapa yang melakukan kesalahan ini di Negeri Selangor. Bagaimana dengan mereka yang melakukan jenayah ini di luar Negeri Selangor termasuk mereka yang melakukan penipuan di dalam alam maya. Di Internet, *Facebook*, *email* dan sebagainya. Apakah kuasa undang-undang atau pun skop undang-undang ini meliputi mereka yang melakukan kesalahan ini di luar Negeri Selangor, termasuk di alam maya. Jadi saya kira kita boleh sokong tetapi mungkin Penasihat Undang-undang dan juga *Pre-Council* perlu melihat sama ada perlu untuk menjalankan pindaan. Sekali lagi terhadap enakmen ini untuk memastikan undang-undang ini ketat, *water tight*. Sebagai contoh seorang yang berada di Kuala Lumpur A, dia ada kilang membuat *emblem* di Kuala Lumpur, dia cetak di Kuala Lumpur, dia guna di Kuala Lumpur, dia menggunakannya untuk penipuan juga berlaku di Kuala Lumpur. Jadi undang-undang ini pada kalau mengikut pemahaman saya di sini, dia tidak akan dikenakan, tidak boleh digunakan untuk mengena orang yang melakukan kesalahan itu di Kuala Lumpur, termasuk di Putrajaya, termasuk di Labuan, di Pahang, di Perak dan sebagainya. Jadi apa yang hanya boleh digunakan ialah kita perlu terkandung kepada undang-undang persekutuan atau pun undang-undang yang ada di negeri itu terhadap orang itu. Tapi adakah ini wujud, saya tak pasti tetapi saya rasa barangkali ada lakonan di situ dan saya rasa ini adalah satu isu undang-undang yang boleh dilihat supaya kita menjadikan undang-undang ini lebih komprehensif, lebih menyeluruh, sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang, 5 minit.

Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB: Ya, terima kasih Tuan Speaker. Dan Ahli-ahli Dewan yang saya muliakan. Isu yang kita bincangkan pada hari ini adalah isu yang *historic*. Satu isu yang amat besar maknanya dalam konteks masa depan Negara. Dia bukan setakat melibatkan satu pindaan kecil yang berkaitan dengan lambang atau pun anugerah pingat bintang. Tetapi dia merupakan satu pengukuran masa depan dalam konteks demokrasi dalam negara kita. Dalam konteks perbincangan tentang demokrasi, manakah yang lebih stabil, manakah yang lebih mantap, Amerika, Perancis atau pun Holland, Britain atau pun Norway. Maka kebanyakan pakar undang-undang ini yang telah saya baca mengatakan bahawa ada kelebihan sistem monarki, sistem beraja, ada *checks and balance* berbanding dengan sistem Czech Republik. Jadi kalau kita lihat dalam konteks negara kita, kita mempunyai Raja-raja, Sultan-sultan yang bergilir untuk menjadi Yang Dipertuan Agung setiap 5 tahun dan Raja Berdaulat di setiap negeri. Jadi saya ingin mengatakan bahawa apa yang kita bincangkan pada hari ini merupakan satu usaha untuk mempertahankan demokrasi *checks and balance* pada masa depan yang akan mengukuhkan amalan yang lebih telus, lebih adil, lebih saksama kepada rakyat di negara Malaysia. Oleh sebab itu, saya menyokong agar usul ini diluluskan dan dipertahankan dalam

konteks untuk membela, mempertahankan hak dan kedaulatan Tuanku Sultan bukan sebagai individu insan, tetapi institusi yang akan menjaga kekuatan perlembagaan negara Malaysia dan juga merupakan Undang-undang Tubuh Negeri Selangor.

Tetapi dalam masa yang sama juga, oleh kerana dalam konteks ini adalah lebih luas, kita perlu mengimbangi, jangan mengatakan bahawa dia hanya tercondong, tercondong untuk mempertahankan institusi-institusi raja yang berdaulat atau pun individu yang dikatakan Sultan yang berdaulat. Tetapi juga mengambil kira permasalahan kemasyarakatan rakyat jelata sehingga tidak dikatakan dituduh kita dalam sejarah atau pun konteks masa ini mengatakan kita tidak menghiraukan hak asasi rakyat jelata. Jadi oleh kerana itu, dalam konteks ini saya ingin meminta agar direnung, ditenung dan dihuraikan agar tidak berlaku pencabulan hak asasi rakyat jelata dengan menggunakan undang-undang hukuman yang saksama yang selaras bertepatan dengan norma-norma dan komponen hak asasi manusia antarabangsa. Dan juga komponen-komponen yang diguna pakai hari ini, sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah saya persilakan pihak kerajaan untuk memberi penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang pertama bagi pihak Kerajaan Negeri saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Sekinchan, Yang Berhormat Permatang, Yang Berhormat Kampung Tunku dan Yang Berhormat Hulu Kelang yang telah menyertai perbahasan sebentar tadi. Walau pun, perkara yang dibahaskan itu ringkas tetapi padat dengan pesanan dan peringatan kepada Kerajaan Negeri untuk memastikan pindaan yang kita cadangkan pada petang ini akan dapat dilaksanakan dengan semangat yang cukup jelas iaitu untuk memelihara kedaulatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Dan juga untuk mencegah daripada kegiatan salah guna apa-apa *emblem* nama, darjah dan kebesaran di bawah enakmen yang kita bantangkan kepada Dewan pada petang ini. Dan kita melihat juga pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kampung Tunku dan juga Yang Berhormat Hulu Kelang yang mengingatkan kita sementara kita mempertahankan institusi Raja-Raja Melayu. Kita juga mahu memastikan hak asasi rakyat itu diberikan pembelaan yang sewajarnya supaya apa pun rang undang-undang yang kita luluskan itu dengan niat dan dengan tujuan untuk menyuburkan demokrasi dalam Negeri Selangor ini khususnya.

Saya juga mengambil maklum tentang cadangan Yang Berhormat Sekinchan, tentang diwujudkan satu *website* supaya rakyat dapat akses melihat maklumat-maklumat yang tepat dan betul bukan saja nama-nama kerabat diraja tetapi juga yang akan kita muatkan dalam *website* tersebut tentang lambing-lambang dan nama-nama serta darjah kebesaran. Dan saya mendapat maklum balas awal daripada Penasihat Undang-undang salah satu cadangannya ialah untuk memasukkan juga nama-nama mereka yang telah diwartakan, penerima-penerima darjah-darjah tersebut supaya mereka yang tidak dianugerahkan tidak boleh mendakwa bahawa

mereka memiliki darjah-darjah dan lambing-lambang kebesaran yang berkenaan. Itu satu cadangan yang cukup baik yang kita akan minta pihak yang berwajib untuk melaksanakan.

Berhubung dengan pandangan dan kebimbangan Yang Berhormat Kampung Tunku tentang adanya lakonan, memang diakui bahawa enakmen ini hanya untuk kesalahan yang dilakukan dalam Negeri Selangor sahaja. Bagi kesalahan-kesalahan di luar Negeri Selangor ianya akan ditangani melalui undang-undang yang akan digubal di peringkat persekutuan. Untuk makluman Yang Berhormat Kampung Tunku, daripada maklumat yang awal kita peroleh, Kerajaan Persekutuan juga akan membuat pindaan kepada undang-undang yang sedia ada bagi tujuan dan semangat yang sama. Jadi mana-mana kesalahan yang berlaku di luar Negeri Selangor maka pindaan undang-undang di peringkat persekutuan akan mengambil alih peranan mereka untuk tujuan yang sama. Saya juga hendak menyatakan di sini Kerajaan Persekutuan sedang dalam merangka untuk undang-undang persekutuan juga bagi mengatasi masalah kegunaan lambang dan darjah kebesaran di luar daripada ruang lingkup negeri masing-masing. Kerana enakmen yang kita teliti pada petang ini adalah untuk tujuan di Negeri Selangor sahaja. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang juga yang dengan rakan-rakannya mendukung dan menyokong pindaan Rang Undang-undang ini dan saya berharap semangat ini akan terus dipertahankan demi kedaulatan Negeri Selangor dan juga kemakmuran rakyat di negeri ini. Terima kasih, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ini ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang ini bernama suatu enakmen untuk meminda Enakmen Lambang-lambang dan Nama-nama mencegah daripada salah guna (1962).

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini Fasal demi Fasal.

Y.B. DATO' IR. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal 1 hingga 2.

TUAN Pengerusi: Fasal 1 hingga 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal 3 hingga Fasal 4.

TUAN Pengerusi: Fasal 3 hingga Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal 5 hingga Fasal 6.

TUAN Pengerusi: Fasal 5 hingga Fasal 6 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal 7.

TUAN Pengerusi: Fasal 7 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal 8.

TUAN Pengerusi: Fasal 8 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal 9.

TUAN Pengerusi: Fasal 9 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN:Fasal 10.

TUAN Pengerusi:Fasal 10 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal 11.

TUAN Pengerusi: Fasal 11 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, dipersetujui.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Pengerusi saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

Y.B. DATO' IR. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Tuan Pengerusi, saya menyokong.

TUAN Pengerusi: Dewan bersidang semula.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. DATO' IR. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat cadangan di hadapan Dewan ini ialah Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju. Sila kata Ya. Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju. Sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Bacaan kali yang ketiga Rang Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Lambang-lambang dan nama-nama mencegah daripada salah guna pindaan 2016.

TUAN SPEAKER: Dengan ini saya tangguhkan Dewan sehingga Isnin, 4 April 2016 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 petang)